



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**



## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b> <b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019	(Halaman 20)
<b>USUL</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 56)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Datuk Haji Abidullah bin Salleh
5. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang
6. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
7. “ Tuan Aknan A/L Ehtook
8. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong
9. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
10. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
11. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
12. “ Puan Bathmavathi Krishnan
13. “ Dato' Chai Kim Sen
14. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
15. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin
16. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat
17. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
18. “ Datuk Haji Husam bin Musa
19. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
20. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
21. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
22. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
23. “ Datuk John Ambrose
24. “ Tuan Kamarudin bin Abdun (Perlis)
25. “ Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
26. “ Dato' Sri Khairudin Samad
27. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
28. “ Datuk Lee Tian Sing
29. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pertahanan]
30. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
31. “ Datuk Lim Pay Hen
32. “ Tuan Manolan bin Mohamad
33. “ Dato' Haji Marzuki bin Yahya [Timbalan Menteri Luar Negeri]
34. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim
35. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin
36. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
37. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu
38. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin [Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi]
39. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
40. “ Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)

41. Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
42. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
43. “ Datuk Ng Chiang Chin
44. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
45. “ Dr. Nuing Jeluing
46. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
47. “ Dato’ Ong Chong Swen
48. “ Datuk Paul Igai
49. “ Datuk Rabiyah binti Ali
50. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris
51. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad
52. “ Puan Raj Munni binti Sabu
53. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]
54. “ Datuk Razali bin Idris
55. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
56. “ Datuk Sambanthan A/L Manickam
57. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
58. “ Puan Sopiiah binti Sharif
59. “ Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh (Selangor)
60. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
61. “ Datuk Theodore Douglas Lind
62. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker [Pahang]
63. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
64. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
65. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
66. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
67. “ Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
68. “ Dato’ Zahari bin Sarip (Johor)

**DEWAN NEGARA****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Negara**

Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili





**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 25 Julai 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Ti Lian Ker** minta Menteri Industri Utama menyatakan, komitmen kementerian bagi memberi kesedaran dan pendedahan kepada para pekebun kecil khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman tentang kepentingan memiliki pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) yang bertujuan meningkatkan profil tanaman itu di peringkat pasaran global.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Yang Berhormat Senator, pelbagai langkah sedang dilaksanakan bagi memastikan pensijilan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO) dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti yang disasarkan. Kementerian melalui agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) sedang menggiatkan usaha agar para pekebun kecil dapat mematuhi dan memperoleh pensijilan MSPO.

Program Jelajah MSPO ke seluruh negara sedang dilaksanakan untuk memberi penerangan dan bantuan teknikal kepada para pekebun kecil ke arah pensijilan. Ini merupakan satu inisiatif turun padang untuk memberi pemahaman dan tunjuk ajar secara langsung kepada para pekebun kecil. Program ini turut kita rangka mengikut kesesuaian penduduk setempat bagi memudahkan lagi komunikasi dalam memastikan pemahaman tentang MSPO dan seterusnya diterima pakai oleh pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan lebih ramai lagi pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO ini dan pada masa yang sama mengurangkan beban mereka, kerajaan telah menyediakan dana yang merangkumi kos yuran pensijilan, itu yang pertama.

Kedua, pembelian peralatan perlindungan diri dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, kerajaan juga turut menanggung kos latihan dan juga taklimat kepada para pekebun kecil sawit di seluruh negara. Pengumuman geran MSPO untuk pengusaha sawit oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini juga adalah merangkumi bantuan kepada pekebun kecil tersusun bagi menggalakkan lebih ramai lagi penanam sawit mendapat pensijilan MSPO. Selain itu, Pegawai Tunas MPOB juga bersedia memberikan khidmat nasihat teknikal mengenai amalan pertanian yang baik kepada para pekebun kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tetap dengan pendirian untuk terus melaksanakan pensijilan MSPO bagi industri sawit negara dan mewajibkannya ataupun memandatorikannya bermula 1 Januari 2020.

Ini selaras dengan kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 29 September 2018, tahun lepas iaitu Malaysia akan memastikan semua minyak sawitnya mematuhi standard MSPO menjelang 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Soalan tambahan. Sehingga kini, sejauh manakah kementerian melihat keberkesanan pelaksanaan penggunaan adunan biodiesel sawit yang mana komposisinya adalah daripada tujuh peratus kepada 10 peratus bagi kegunaan semua kenderaan enjin diesel dalam sektor pengangkutan sejak Februari lalu telah berjaya meningkatkan pasaran industri sawit itu sendiri?

Kedua, mengapakah jumlah penanam sawit di negara ini yang melaksanakan pematuhan pensijilan MSPO bagi meningkatkan profil tanaman sawit di pasaran global dilaporkan masih lagi berada pada tahap rendah? Sedangkan kita dimaklumkan, pihak kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu mereka mendapatkan pensijilan MSPO ini.

Terakhir, apakah justifikasi pihak kementerian yang berhasrat untuk memasukkan sukatan mengenai khasiat minyak sawit ke dalam buku teks sekolah? Sedangkan masalah pokoknya adalah harga pasaran sawit yang tidak menentu. Apakah dengan memasukkan *syllabus* khasiat sawit di sekolah akan dapat membantu meningkatkan pasaran industri sawit di negara ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Senator di atas soalan yang baik. Pertama, saya sentuh dahulu secara ringkas tentang keberkesanan biodiesel kerana soalan ini sebenarnya tidak ada kaitan dengan soalan asal tetapi saya fikir ini penting untuk rakyat Malaysia maklum dan Ahli-ahli Dewan maklum. Bahawa kita memang telah pun melaksanakan secara mandatori penggunaan B7 kepada B10 dan kita lihat ada satu perkembangan yang cukup positif.

Ini kerana kita menjangkakan dengan pelaksanaan B10 bio bahan api diesel-biodiesel ini di sektor pengangkutan dan juga B7 di sektor perkilangan, ia akan meningkatkan lagi penggunaan sawit ini. Unjuran kita itu mencecah sehingga 700 ribu tan hingga 800 ribu tan tambahan di penghujung tahun ini.

Jadi, kalau itu berlaku, bermakna ianya akan memberikan kesan kepada cara bagaimana kita mengurus stok sawit ini. Apabila kita menguruskan stok ini dengan baik, maka *in syaa Allah* ia akan memberikan kesan kepada harga.

Untuk makluman Dewan, stok kita pada awal tahun ini melebihi tiga juta. Sekarang ini telah pun menurun sampai ke 2.4 juta. Jadi, ini satu perkembangan yang positif berdasarkan tindakan-tindakan yang dibuat oleh kerajaan, itu yang pertama.

Kedua, soal apa yang disebut mengenai cabaran yang sedang kita hadapi sekarang ini dalam MSPO. Saya hendak sebut begini Tuan Yang di-Pertua, kita ada pelbagai kategori pekebun kecil. Untuk pekebun kecil persendirian, setakat ini kita telah adakan pensijilan seluas 46,358 hektar. Untuk pekebun kecil tersusun, jumlah hektar yang telah kita sijilkan melalui MSPO itu adalah 346,556 hektar.

Di peringkat estet pula, saya nak sebut peringkat estet, kita telah pun mencecah sampai 2.064 juta hektar. Jadi, daripada segi trend itu nampaknya begitu baik, begitu positif. Sekarang ini saya nak maklumkan kepada Dewan, kita membuat pelbagai *engagement*. Daripada bulan Januari sampai Jun tahun ini, kita telah turun padang dan telah pun melaksanakan program taklimat, latihan, *engagement* dan sebagainya sampai mencecah 225 latihan.

#### ■1010

Ini baru separuh tahun, jadi kita akan terus bekerja dan meletakkan sasaran yang telah pun kita putuskan hak. *Hopefully* dengan dukungan dan juga pendekatan yang kita yang lebih agresif ini akan memberikan kesan kepada pekebun kecil agar mereka faham sebenarnya kita sedang bergerak ke arah untuk memastikan minyak sawit kita itu berkualiti dan ini akan memberikan kesan kepada harga minyak sawit Malaysia.

Untuk yang terakhir ialah justifikasi kenapa kita hendak jadikan sukatan. Ya, saya tidak mempunyai jawapan yang khusus berkaitan perkara ini tetapi pada hemat saya oleh kerana kementerian kita mempromosikan "*Love MY Palm Oil*" ini kerana kita hendak memberitahu kepada rakyat Malaysia, kita mempunyai satu produk yang mempunyai nilai yang cukup tinggi.

*Five Stars products* yang mana ianya perlu dimaklumkan ataupun perlu disyorkan kepada khalayak terutamanya rakyat Malaysia daripada pelbagai kategori umur dan sebagainya agar mereka faham bahawa kita mesti memastikan agar minyak sawit ini kita manfaatkan sepenuhnya.

Bukan sekadar kita guna minyak untuk goreng tetapi keseluruhan rantaian dipanggil *downstream*, rantaian produk-produk hiliran ini yang tentunya akan memberikan kesan dan mendukung industri yang menyumbang kepada pendapatan antara tiga pendapatan terbesar negara Malaysia. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi kepada semua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dihormati. Saya memang tahu mengenai usaha gigih yang dijalankan oleh MPOB melalui MPOCC. Soalan saya, sejauh manakah langkah ataupun latihan pendedahan kepada pekebun kecil khususnya mereka yang menanam kepala sawit di atas tanah yang belum disukat ataupun, dengan izin, NCR *land-* tanah adat.

Oleh kerana ini menyukarkan mereka untuk memenuhi salah satu syarat dalam pensijilan MSPO. Saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini khususnya kepada pekebun-pekebun kecil di Sabah dan Sarawak? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator di atas soalan yang begitu penting. Saya hendak maklumkan begini Yang Berhormat bahawa memang antara perkara yang paling mustahak itu ialah soal hak milik tanah ini dalam isu pensijilan.

Di peringkat kementerian, Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun beberapa kali pergi ke Sarawak dan kita telah buat pertemuan dengan kepimpinan Sarawak, Timbalan Ketua Menteri dan sebagainya termasuk juga Sabah untuk memastikan agar ada satu formula yang boleh kita majukan secara bersama untuk kerajaan negeri kerana kuasa tanah ini di bawah kuasa kerajaan negeri.

Kerajaan negeri tentulah mempunyai pelbagai cara untuk memastikan agar pemilikan tanah itu dapat disempurnakan sesuai dengan *requirement* ataupun keperluan pensijilan MSPO ini. Jadi untuk itu Yang Berhormat, kerajaan ingin memberikan jaminan bahawa dalam konteks pemilikan tanah ini sebenarnya kita bukan sekadar bertumpu kepada Sarawak sahaja, kita faham isu NCR tetapi kita juga sedang bekerja dengan Ketua-Ketua Menteri di Semenanjung juga kerana kita hendak pastikan ianya merupakan pendekatan yang holistik.

Yakinlah dengan kerajaan bahawa usaha-usaha ini sedang kita lakukan secara agresif termasuk pertemuan-pertemuan dengan Menteri-menteri Besar yang mana ianya tentu dalam usaha kita secara bersama untuk memastikan persijilan ini berjaya mencapai maksudnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali.

**2. Datuk Rabiyah binti Ali** minta Menteri Pertahanan menyatakan, fokus Angkatan Tentera Malaysia dalam menangani ancaman musuh di Pantai Timur Sabah terutamanya dalam menghadapi kesan senario geopolitik antarabangsa dan politik Filipina.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan ke arah itu pelbagai usaha telah dan sedang diambil untuk memastikan kedaulatan negara akan terus dipelihara daripada sebarang bentuk ancaman.

Sejak berakhirnya Ops Daulat pada 29 Jun 2013, Angkatan Tentera Malaysia telah meneruskan usaha untuk memperkukuhkan pertahanan dan kedaulatan negara termasuklah di negeri Sabah terutamanya di kawasan Pantai Timur Sabah. Bagi menangani ancaman keselamatan dari luar di kawasan Pantai Timur Sabah, ATM memfokuskan peningkatan keupayaannya di negeri Sabah sebagai langkah menghadapi sebarang kemungkinan.

Ketika ini ATM mengekalkan atur gerak dan aset tambahan dari ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan di kawasan tanggungjawab (KTJ) daripada dibolosi penjenayah rentas sempadan atau ancaman-ancaman yang lain serta memperagakan kehadiran atau *show of presence* bagi mencegah sebarang ancaman keselamatan.

Sebagai makluman, aset-aset ATM yang beroperasi di negeri Sabah terdiri daripada beberapa *battalion infantry*, kompeni paracut dan kompeni *Mechanised* Tentera Darat, aset-aset TLDM termasuk Pangkalan Laut, aset-aset TUDM dan pasukan-pasukan khas daripada ketiga-ketiga perkhidmatan ATM. Sebenarnya untuk makluman semua, di 47 lokasi di Timur Sabah atau Pantai Timur Sabah ada aset-aset kita yang diletakkan di kawasan tersebut.

Malaysia turut memeterai persepakatan dengan Filipina dan Indonesia melalui Perjanjian *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern* pada 14 Julai 2016 bagi kerjasama menghalang atau menghadapi ancaman keselamatan serta jenayah rentas sempadan di kawasan perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua iaitu bagi memantapkan pertahanan maritim, udara dan darat di kawasan Pantai Timur Sabah dan juga wilayah konflik pertikaian, satu bentuk gandingan latihan bersama di kalangan negara-negara yang menuntut perlu diadakan bagi memastikan ancaman minima pengganas atau serangan *terrorism*. Ia juga meliputi keselamatan aset strategik, perusahaan minyak dan gas di Malaysia Timur.

Soalan saya, bagaimana ATM merangka pendekatan dan melaksanakan inisiatif latihan bersama ini agar ianya lebih kerap diadakan setiap tahun? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan tersebut memang dalam konteks TCA atau *Trilateral Cooperative Arrangement* bersama dengan Filipina dan Indonesia kita ada *coordinator patrol*, kita ada pelbagai aktiviti bersama ataupun *coordinated*. Mungkin dia buat rondaan di kawasan dia, kita buat rondaan di kawasan kita tetapi secara berkoordinasi supaya dapat menjaga atau mempertahankan keselamatan di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ESSCOM diwujudkan pada tahun 2013 oleh mantan Perdana Menteri dan kita tengok struktur penubuhan ESSCOM ini, dia diketuai oleh *Director General* yang terdiri daripada orang awam. Kita lihat ESSCOM ini dipenuhi dengan komponen-komponen perkhidmatan Tentera Laut, Tentera Darat, Polis Diraja Malaysia dan TLDM, kita lihat lebih kepada aktiviti tentera.

Adakah kerajaan melihat supaya ESSCOM ini diketuai oleh warga tentera oleh kerana ia melibatkan sempadan, mencegah anasir-anasir luar khususnya daripada Filipina untuk masuk ke Sabah Timur. Saya lihat dalam Bajet 2019 ini, ATM peruntukkan kepada ESSCOM sebanyak RM47 juta, lebih kurang. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri pencerahan apakah kegunaan wang tersebut khususnya kepada ESSCOM ataupun kepada tiga perkhidmatan ATM? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Laksamana, sebenarnya selepas kerajaan ditukar ESSCOM diletak di bawah tugas Kementerian Dalam Negeri (KDN) tetapi ESSCOM, ATM, APMM, ada polis, Polis Marin *particularly* dan di bawah agensi-agensinya ini memang kerajaan terima hakikat memang kita perlu membaiki keadaan seperti apa yang dicadangkan tadi.

#### ■1020

Kerajaan sedang menjalankan kajian dan Perdana Menteri akan mengumumkan kajian ataupun hasil kajian pada tahun depan supaya kawasan ESSZONE dan tugas di antara APMM, *Marine Police* atau Polis Marin dan ATM dapat diperhalusi dan dapat dinaiktarafkan ataupun diperbaiki. Saya tidak dapat memaklumkan Dewan ini buat setakat ini kerana kajian masih dijalankan. Akan tetapi, kerajaan memang memahami keperluan untuk membaiki keadaan dan juga menambah baik keadaan di pantai timur Sabah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peruntukan RM47 juta?

**Tuan Liew Chin Tong:** Itu saya akan beri maklumat bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Zaidi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membuat soalan tambahan. Seperti mana Yang Berhormat Menteri mengetahui bahawa Beting Patinggi Ali adalah satu kawasan di Laut China Selatan. Ia terletak kira-kira 2000 kilometer dari Tanah Besar China. Ia adalah dalam perairan Sarawak dan sudah tentulah hak milik mutlak negara kita.

Akan tetapi, dilaporkan bahawa kehadiran *China Coast Guard*, kapal-kapal mereka selalu meronda di kawasan ini. Mereka tidak berlabuh. Kalau mereka berlabuh, mungkin melanggar undang-undang antarabangsa. Akan tetapi, mereka hanya meronda dan kehadiran mereka ini boleh menakutkan nelayan-nelayan tempatan kita khususnya dari utara Sarawak.

Saya hendak bertanya, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh angkatan tentera kita, khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia di dalam melindungi keselamatan wilayah ini dan juga keselamatan nelayan-nelayan kita, khususnya mereka dari utara negeri Sarawak? Apakah kerjasama antara Angkatan Tentera Laut kita dengan Agensi Maritim Malaysia?

Kedua, pernah diumumkan dulu bahawa Kerajaan Persekutuan ada rancangan untuk membina pangkalan tentera laut wilayah di Sarawak. Akan tetapi, mereka hendak membuatnya di Bintulu. Apakah perkembangan terkini mengenai rancangan pembinaan pangkalan tentera laut di Sarawak ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Liew Chin Tong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua ini kalau tidak silap saya, sekarang ini kita ada kehadiran di Bintulu tetapi ada isu tanah. Akan tetapi saya akan semak isu tanah dengan kerajaan negeri yang belum selesai lagi. Akan tetapi, saya akan semak dan beri maklumat terperinci tentang soalan kedua.

Soalan satu sebenarnya tidak ada kaitan dengan soalan yang saya ditanya hari ini kerana soalan ialah berkenaan dengan timur Sabah. Akan tetapi secara amnya, ATM terutamanya TLDM akan mempertahankan segala yang kepunyaan negara dan juga tanah dan air perairan negara kita. Masalah bersama dengan negara China, isu *nine-dash line* yang dikemukakan oleh negara China yang kita tidak setuju, ini dasar luar negara yang kita tidak setuju dengan negara China. TLDM menjalankan tugas untuk mempertahankan kedaulatan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

**3. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, hala tuju dan penguatkuasaan statutori dalam latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh JKKP Malaysia dan bagaimana usaha kerajaan untuk menjadikan NIOSH sebagai entiti Latihan KKP yang beroperasi mengikut perundangan OSHA 1994 atau mempunyai satu kerangka perundangan khusus bagi latihan dan penguatkuasaan.

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia menubuhkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi menguatkuasakan tempat kerja yang membabitkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Kerajaan juga menubuhkan sebuah institut bagi menjalankan aktiviti latihan, rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat. Institut itu dinamakan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara atau lebih dikenali sebagai NIOSH. Selain latihan berdasarkan kepada perundangan, NIOSH juga membangunkan kokurikulum latihan berdasarkan kehendak majikan dari pelbagai sektor industri.

Pihak kementerian melihat keperluan untuk memperkasakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, berdasarkan kepada perkembangan teknologi dan pembangunan negara. Usaha proaktif dan penambahbaikan berterusan perlu diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan objektif untuk mengurangkan kes kemalangan di tempat kerja. Maka, atas sebab itu, kementerian melihat keperluan untuk JKKP dan NIOSH memainkan peranan masing-masing, dengan lebih fokus dan khususnya berdasarkan kepada prinsip *check and balance* bagi menambah keyakinan rakyat ke atas kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Namun begitu, apa pun bentuk perubahan dari sudut pengasingan bidang kuasa JKPP di tempat kerja dan juga NIOSH dari segi aspek latihan, akan diambil oleh pihak kerajaan melalui perbincangan yang akan kita buat melalui berbagai-bagai pihak, melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk kita mendapatkan pandangan-pandangan.

Oleh sebab di dalam Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini, kita sebagai urus setia di peringkat JKPP dan NIOSH juga terlibat berada di dalamnya, kesatuan sekerja, pihak majikan dan juga pihak-pihak NGO yang merupakan pengamal kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini supaya pandangan-pandangan mereka akan terlebih dahulu diperolehi, sebelum kita membawa satu kertas cadangan kepada Jemaah Menteri.

Ini yang akan kita lakukan kerana usaha untuk memperkasa ini merupakan satu keperluan yang kita akan lihat. Dalam bentuk pemeraksanaan itu, kita akan mendapat pandangan-pandangan daripada semua pihak melalui Majlis Negara ini kerana soal KPP ini iaitu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini untuk maklumat Yang Berhormat, dia telah menjadi dan diangkat oleh Kabinet menjadi satu dasar negara.

Ini bermakna, bahawa kerajaan hari ini melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang menandatangani Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara ini sangat serius melihat persoalan-persoalan aspek ini kerana ini akan memberikan satu impak yang lebih baik kalau kita dapat mengawal dari segi mengurangkan kemalangan, mengurangkan kemalangan maut dan sebagainya. Ini akan memberikan peluang untuk kita mendapatkan satu keadaan dan kedudukan ekonomi yang lebih baik.

Jadi oleh sebab itu, apa pun yang akan kita lakukan ialah untuk memastikan supaya ia adalah yang terbaik selepas daripada kita mendapat pandangan semua pihak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ke atas trend pasaran latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini, semakin hari, semakin kompleks dengan pelbagai pendekatan dan ketetapan aturan statutori yang ditetapkan oleh JKPP. Perkembangan dan penubuhan penyedia latihan sosial sudah semestinya menyebabkan kos operasi sesebuah organisasi akan meningkat.

Justeru, sejauh mana kerajaan mengambil langkah-langkah lebih menyeluruh, agar kos JKPP dari sudut latihan tidak dieksploitasi sehingga membebankan majikan dalam mematuhi keperluan penguatkuasaan JKPP atau Kementerian Sumber Manusia? Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Apa yang penting kepada kita ialah untuk kita lihat bahawa aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini suatu benda yang serius.

#### ■1030

Kita hendak supaya semua pihak, sama ada majikan dan juga penyedia latihan, harus melihat ia merupakan satu aspek yang menyentuh soal nyawa, soal tulang empat kerat ini yang perlu diberikan penjagaan yang baik oleh semua pihak. Semua pihak tidak boleh hanya melihat bahawa ini hanya aspek kepada pekerja sebab apa-apa kes yang berlaku dari segi keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini, kemalangan dan sebagainya, termasuk soal kesihatan, ia bukan hanya berlaku kepada pekerja biasa, ia boleh berlaku kepada *owner*, kepada majikan tersebut. Ia boleh berlaku bila-bila masa. Jadi, sebab itu kita hendak supaya semua pihak dapat memberikan perhatian.

Adapun dari segi kos dan sebagainya, kita akan melihat dari pelbagai aspek dan saya percaya bahawa apa yang berlaku setakat ini tidak pun membebankan kos pada mana-mana pihak. Ini kerana walaupun mungkin ada kos itu mungkin dilihat oleh setengah-setengah pihak khususnya oleh pihak majikan agak tinggi, tetapi kesan daripada kos yang tinggi itu, dia akan mendapat satu keuntungan, pulangan balik dari segi aspek dia tidak kehilangan pekerja yang sudah pun mahir, pekerja yang sudah ada pengalaman, Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi kalau dia mengabaikan aspek keselamatan, kesihatan pekerjaan, *environment* tempat kerjanya tidak baik dan berlaku kes kemalangan, dia akan kehilangan pekerja akibat daripada berlaku kecederaan.

Akibatnya negara juga terpaksa menanggung kepada kehidupan keluarga kepada orang yang mengalami kes kemalangan. Jadi saya lihat bahawa ini harus dilihat secara yang lebih meluas oleh semua pihak termasuk oleh pihak majikan.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya mengenai hal keselamatan dalam industri pembinaan. Buat masa ini kerajaan mensyaratkan hanya untuk nilai-nilai projek ataupun *project value* yang lebih daripada RM20 juta untuk seseorang kontraktor melantik HSO ataupun *Health and Safety Officer* dan juga SSS ataupun *Site Safety Supervisor*. Bagi saya, saya sangat setuju dengan kerajaan bahawa aspek keselamatan sangat-sangat penting. Jadi, saya kira ia tidak patut dikaitkan dengan nilai projek.

Jadi, soalan saya, tidakkah kerajaan bercadang untuk menurunkan lagi nilai projek kepada satu nilai yang munasabah seperti RM10 juta kah untuk kontraktor melantik HSO ataupun SSS bagi menjamin prosedur keselamatan dibuat dengan rapi dan baik? Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk- Datuk apa ya?... [Disampuk] Datuk Hanafi. Kawan lama. Lupa pula.

Baik, satu cadangan yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Satu cadangan yang baik. Orang yang mempunyai pemikiran untuk melihat aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada semua pihak dan betapa Yang Berhormat Senator Datuk Hanafi ini melihat tentang harga sebuah satu nyawa, harga tulang empat kerat yang dianugerahkan oleh Tuhan yang Maha Esa ini kepada kita harus dijaga. Jadi saya ucapkan terima kasih. Cadangan itu sangat baik dan kita sentiasa mengambil pendapat dan pandangan daripada semua pihak termasuk daripada Yang Berhormat Senator dan kita akan pertimbangkan cadangan tersebut, *in syaa Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bertanya soalan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, bagaimana kementerian dapat meningkatkan keupayaan latihan secara interaktif melalui portal JKKP atau Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan ataupun NIOSH agar gandingan aplikasi komunikasi dan *internet* mampu menyatupadukan struktur latihan pekerja dan akan mengurangkan kos bagi majikan atau pekerja mendapat latihan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah atas soalan dan juga pandangan, cadangan yang dikemukakan. Kami, macam saya sebutkan tadi, sentiasa terbuka untuk menerima pendapat dan pandangan-pandangan dan sememangnya dalam suasana teknologi moden hari ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu bukan cadangan, dia soalan. Adakah...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, soalan tapi ada unsur-unsur cadangan untuk mengurangkan kos dan sebagainya. Dalam aspek teknologi moden pada hari ini, sudah tentu kita harus melihat aspek-aspek latihan itu tidak hanya dalam bilik ataupun dalam *classroom*, tetapi boleh melalui pelbagai kaedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Internet*.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Hari ini orang *viral* latihan lipat kain untuk beri kemudahan kepada suri rumah ini. Begitu payah untuk hendak lipat kain, untuk hendak letakkan dalam beg untuk hendak *travel* jauh-jauh dan sebagainya. Itu juga satu aspek latihan yang boleh diberikan. Pandangan dan cadangan berserta persoalan yang dikemukakan tadi juga merupakan satu yang sangat baik. Kita juga mempunyai portal interaksi JKKP dan NIOSH dan juga portal ePSA di INTAN ataupun ringkasnya HIRARC dan ini boleh dimanfaatkan oleh semua pihak. Terima kasih.

4. **Puan Hajah Rahemah binti Idris** minta Perdana Menteri menyatakan, audit yang dibuat oleh firma luar PWC menunjukkan Tabung Haji mengalami defisit RM4.1 bilion pada tahun 2017. Apakah tindakan yang diambil kepada firma audit sebelum itu yang melaporkan Tabung Haji memperoleh keuntungan dan juga Ketua Audit Negara yang telah meluluskan akaun Tabung Haji untuk tahun 2017 dengan tidak ada sebarang defisit.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris di atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, auditan oleh Jabatan Audit Negara selesai pada 16 Julai 2018 manakala hibah bagi tahun 2017 diumumkan lebih awal oleh Lembaga Tabung Haji iaitu pada 7 Februari 2018. Pengisytiharan hibah oleh Tabung Haji dalam bulan Februari 2018 adalah tidak tertakluk kepada selesainya auditan oleh Jabatan Audit Negara.

Penyata Kewangan Tabung Haji pada tahun berakhir 31 Disember 2017 yang telah diaudit Jabatan Audit Negara jelas menunjukkan bahawa jumlah aset pada tarikh penyata kewangan adalah sebanyak RM70.3 bilion. Manakala jumlah liabiliti dan Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit termasuk hibah bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM74.4 bilion menjadikan jumlah defisit yang dinyatakan dalam penyata kewangan yang telah diaudit sebanyak RM4.1 bilion pada 31 Disember 2017.

Jabatan Audit Negara juga melalui Laporan Ketua Audit Negara bertarikh 16 Julai 2018 telah menegur Tabung Haji melalui dua *emphasis of matter* seperti berikut:

- (i) polisi rosot nilai yang tidak konsisten; dan
- (ii) kegagalan membuat peruntukan rosot nilai yang secukupnya dalam penyata untung dan rugi.

Kaedah penetapan polisi rosot nilai aset kewangan Tabung Haji tidak konsisten terutamanya pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 di mana polisi ini telah diubah sebanyak dua kali. Perubahan polisi rosot nilai ini telah diguna pakai untuk membolehkan Tabung Haji mengagihkan hibah yang tinggi untuk tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan dari teguran dari Jabatan Audit Negara tersebut, Tabung Haji telah mengambil khidmat nasihat Tetuan *PricewaterhouseCoopers* ataupun PwC bagi membuat penilaian atau *financial review* terhadap kedudukan kewangan Tabung Haji bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017 yang telah diaudit. Menurut penilaian kedudukan kewangan oleh PwC, Tabung Haji yang merekodkan defisit sebanyak RM4.1 bilion adalah tidak berkeupayaan untuk mengagihkan hibah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 sebagaimana mana dikehendaki oleh Akta Tabung Haji 1995.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada firma audit luar yang membuat auditan ke atas Penyata Kewangan Tabung Haji sebelum ini.

Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkaitan manipulasi perakaunan ini telah dibuat pada 16 Januari 2019. Kes ini masih dalam siasatan dan menunggu tindakan pihak berkuasa. Seterusnya, tindakan sewajarnya mengikut lunas undang-undang akan diambil terhadap mereka yang didapati bersalah setelah hasil siasatan diperoleh kelak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Rahemah.

■1040

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya faham apa yang dijelaskan dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sebentar tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera. Yang Berhormat Menteri, saya cuma ada satu soalan.

Saya pernah terbaca laporan yang dikeluarkan oleh Tabung Haji bahawa sejak hibah diberi, maknanya pendeposit Tabung Haji telah mengeluarkan satu jumlah yang besarlah. Cuma atas beberapa sebab. Cumanya soalan saya, apakah jaminan kerajaan bahawa pelan rasionalisasi yang dilaksanakan akan memberi pulangan dividen yang tinggi kepada pihak pendeposit? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.



**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Ada beberapa soalan tadi berkenaan dengan hibah yang telah diberi. Selepas itu, pendeposit mengeluarkan duit. Yang Berhormat Senator, itu trend biasa sebab pendeposit tunggu sahaja *announcement* dan kemudian baru mereka keluar hibah.

Saya menjawab di Dewan Rakyat minggu lepas bahawa itu memang trend biasa. Tidak ada sesuatu yang luar biasa dan setiap tahun begitulah. Berkenaan dengan pelan rasionalisasi dan bagaimana ia boleh menjanjikan hibah yang tinggi pada tahun-tahun yang akan datang. Saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa apabila kita ada pelan rasionalisasi, apa yang berlaku ialah kita mengambil semua syarikat-syarikat yang kita panggil *non-performing*. *Non-performing* itu ada 29 syarikat hartanah. Ada satu syarikat tidak tersenarai dan ada 106 *domestic security equity*, syarikat *security equity*.

Jadi, apa yang dimaksudkan dengan *non-performing*? Dimaksudkan dengan *non-performing* ialah apabila rosot nilai itu melebihi daripada 20 peratus. Ada syarikat ini sudah- seperti yang ditegur oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara ini bahawa tidak konsisten polisi rosot nilai ini. Ada yang sampai sudah 90 peratus. Rosot nilai 90 peratus tetapi tidak dilakukan. Maksudnya, *impairment* itu tidak dilakukan.

Pada tahun 2017, Lembaga Pengarah Tabung Haji membuat keputusan dua kali untuk berkenaan dengan polisi rosot nilai. Pada 20 November 2017, Lembaga Pengarah Tabung Haji membuat keputusan rosot nilai itu 85 peratus pun tidak perlu dilaporkan. Pada 9 Februari 2018, sebelum hibah ini, pada waktu hibah ini, rosot nilai itu sehingga 90 peratus.

Jadi maksudnya, *the real value* itu tidak dilaporkan, tidak ada *impairment* yang dilakukan. Jadi, apabila Tabung Haji membuat rasionalisasi, Tabung Haji kenal pasti semua syarikat yang rosot nilai lebih *non-performing* ini, maka di keluarkan, *carved out* dan diletakkan dalam SPV. Apabila perkara ini berlaku, maka telah pun dipenuhi dua syarat dalam Akta Tabung Haji iaitu syarat yang pertama ialah liabiliti mesti kurang daripada aset. Aset mesti melebihi liabiliti. Kita ingat tadi, keuntungan juga mesti mencukupi untuk beri hibah. Apabila *impairment* itu tidak berlaku dan rosot nilai itu tidak dilaporkan, nampak macam *profit* itu lebih daripada *loss*. Nampak macam keuntungan itu banyak.

Akan tetapi apabila kita betulkan balik, kita buat *impairment*, kita nampak bahawa begitu banyak jurangnya. Jumlah kesemuanya apabila kita *transfer* kepada SPV itu ialah lebih kurang RM19.1 bilion. Inilah yang diganti nilainya ke dalam akaun Tabung Haji sekarang. Itu membuatkan kita punya aset melebihi liabiliti dan lebih daripada itu, yang tinggal dalam Tabung Haji ialah syarikat-syarikat yang *performing*. *In syaa Allah* kita sudah pun menunjukkan prestasi yang baik.

Tabung Haji telah menunjukkan prestasi yang baik dan keuntungan-keuntungan itu berlaku. *Inshaa Allah* syarikat-syarikat dalam Tabung Haji sekarang ialah yang *performing*, syarikat yang *performing*, aset-aset yang *performing*. *In syaa Allah* akan memberi pulangan yang baik. Itulah antara perkara yang akan menjanjikan pulangan hibah yang baik di masa hadapan, *inshaa Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

**5. Dato' Ong Chong Swen** minta Menteri Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan:

- (a) apakah keputusan dan laporan terkini mengenai punca pencemaran udara di Pasir Gudang yang telah berlaku untuk kali kedua; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil ke atas kilang yang menjadi punca pencemaran di sekitar Pasir Gudang. Apakah juga tindakan yang akan diambil kepada pegawai atau Menteri yang masih gagal mengenal pasti punca dan pencemar yang harus bertanggungjawab dalam insiden ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini hasil siasatan mendapati tiada punca spesifik telah dikenal pasti yang menyebabkan masalah gangguan kesihatan di Pasir Gudang.

Siasatan awal Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga mengesahkan bahawa tiada sebarang kejadian pembuangan ataupun pelupusan haram pembuangan terjadual dikesan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha bagi menyasat punca-punca kejadian ini terus giat dilaksanakan dan skop serta bilangan pemeriksaan premis telah pun dipertingkatkan. Sejak insiden berlaku pada 20 Jun 2019 sehingga 12 Julai 2019, sebanyak 255 premis industri telah diperiksa, di mana 136 kompaun telah dikeluarkan dan 11 premis telah diberi penahanan operasi.

Manakala sebanyak tiga syor tindakan mahkamah telah dikeluarkan. MESTECC dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi terus giat melaksanakan usaha-usaha bagi mengenal pasti punca masalah ini. Selain itu, pengawasan kualiti udara akan dipantau secara berterusan bagi memastikan tindakan awal dapat diambil sekiranya berlakunya sebarang insiden pencemaran toksik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

**Dato' Ong Chong Swen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah pada 18 Julai, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Puan Norlin Jaafar menyatakan bahawa laporan awal bagi kajian ini dijangka akan dapat dikeluarkan pada tempoh enam minggu dari tarikh tempoh pelantikan jawatankuasa.

Ini adalah dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* pada 18 Julai 2019. Selain dari itu, ada pihak yang keluar membuat kajian sendiri untuk mengenal pasti punca pencemaran dan menyatakan hasil analisis itu akan dikeluarkan dalam tempoh sebulan. Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Puteh, Pasir Gudang tanya, bila akan berakhir?

Soalan saya adalah mengapa pihak berkuasa mengambil masa yang lebih lama dari individu dan mengapa kerajaan belum menyediakan saluran rasmi untuk menyebarkan maklumat? Walaupun kata beberapa kilang diperiksa tetapi sebenarnya tempat itu adalah diagih sebagai taman perindustrian. So, saya tanyalah kalau taman perindustrian, mengapa ada sekolah-sekolah dekat dengannya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majlis @ Fakharudy:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada waktu insiden gangguan kesihatan Pasir Gudang, kita bertindak lebih pantas berbanding dengan isu Sungai Kim Kim. Di mana pusat di Stadium Tertutup Pasir Gudang telah pun dibuka *immediately* pada hari yang sama.

Saya juga ingin beritahu bahawa Pasir Gudang mempunyai 2,005 kilang. Daripada 2,005 kilang yang telah dibina sekian lama, daripada 2,005 kilang ada 255 industri yang berasaskan kimia. Akan tetapi dalam masa yang sama juga, kita bertungkus-lumus untuk menyasat dan mengenal pasti dan menjalankan pelbagai usaha untuk kita kenal pasti dan untuk mengelakkan lagi pencemaran ini.

Saya mahu beritahu di sini bahawa kita sedang melakukan kajian itu. Memang perlu ambil masa yang sedikit untuk kita tahu benda ini secara bersepadu. Sehingga kini yang ingin saya beritahu bahawa kalau di Sungai Kim Kim hari itu kita dapat tahu punca dan kita atasi punca dan kita rawat. Akan tetapi di Pasir Gudang kita tidak dapat punca ini sehingga sekarang.

#### ■1050

Jadi, saya juga ingin beritahu di Dewan yang mulia ini bahawa sehingga pada 24 Julai, dengan usaha yang pelbagai kita telah melakukan 6,300 set cerapan udara yang kita buat setiap hari. Sepatutnya kita berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan daripada pelbagai jabatan dan agensi-agensi yang melakukan tindakan dan juga pelbagai cara untuk mengatasi masalah ini.

Suka juga saya ingin maklumkan di sini bahawa kita melakukan- MESTECC telah meneliti perkara-perkara yang perlu ditambah baik untuk mempercepatkan tindakan khususnya melalui pemerksaan sistem pengawasan kualiti udara di Pasir Gudang. Antara yang kita buat adalah kajian berkaitan *loading analysis* dan *caring capacity* yang dijalankan menentukan kapasiti bawaan udara di Pasir Gudang bagi mengurangkan risiko pencemaran udara.

Pada masa yang sama juga, dalam kajian *loading analysis* dan *caring capacity* ini, di situlah juga kita masukkan betapa pentingnya ada *buffer zone* terutama di kawasan industri, ya. Kalau kita nampak di Pasir Gudang, di situ sekolah, di situ industri dan sebagainya. Jadi, ini antara kajian yang memang memerlukan sedikit masa untuk kita beritahu dan umumkan kepada *public*, yang kita akan beritahu *in syaa Allah* dan saya kira akan menjadi panduan kepada insiden mana-mana tempat di masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Okey.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Okey. Johor eh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab berlaku di Johor ini kan? Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sebab sebelum ini pun soalan yang sama pernah dikemukakan di dalam kes Sungai Kim Kim oleh saya. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri jawab hendak beri jawapan secara bertulis tetapi tidak lagi diberi sampai sekaranglah. Saya hendak bertanya berkenaan dengan *chemical waste management* ini sebab makluman saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Ahli Yang Berhormat Menteri yang telah berbincang di dalam Dewan hendak memberi secara bertulis, Yang Berhormat boleh hubungi Setiausaha Dewan Negara.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Okey. Saya akan buat juga. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, ini berbeza sebab saya hendak bertanya berkenaan *chemical waste management*. Oleh sebab apabila sebuah syarikat ataupun kilang yang mengendalikan bahan-bahan kimia terutamanya bahan-bahan kimia yang *hazardous*, apabila hendak dilupuskan perlu diberikan laporan kepada Jabatan Alam Sekitar. Dia ada satu sistem tersebut. Ini bermakna berapa banyak bahan kimia yang dilupuskan, di mana dan ke mana?

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah penguatkuasaan sistem ini dilaksanakan oleh pihak kilang dan pihak jabatan? Berapa banyak laporan yang telah dilaporkan apabila kilang-kilang tersebut tidak menggunakan sistem tersebut? Oleh kerana kebanyakan kilang ini dia hendak jimat. Apa dia buat, itu yang dia buang dekat sungai, dia buat pelepasan udara dan sebagainya. Dia tidak mengawal pelepasan bahan-bahan kimia ini. Itu saja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Terima kasih pada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah atas soalan tambahan. Saya kira mungkin Yang Berhormat Senator maksudkan ini adalah sistem eSWIS. yang dilakukan secara *online*, ya.

Akan tetapi Jabatan Alam Sekitar ya, kita juga tidak- selain daripada kita memang kawal dari segi *online system* ini, kita juga membuat pemantauan di *ground*. Kita tidak mengharapkan semata-mata apa yang dilaporkan daripada sistem *online* ini tetapi kita juga memang melakukan pemantauan secara berkala di kebanyakan premis yang kita siasat dan kita jalankan. Saya juga mengalu-alukan kalau sekiranya sebarang aduan daripada rakyat tentang mana-mana kawasan yang mencurigakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zahari.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tidak dapat juga.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, ketika kita sedang bersidang ini rakyat di Pasir Gudang sebenarnya dalam keadaan yang tertekan. Mereka sebenarnya menantikan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya agak kecewa apabila soalan utama yang ditujukan oleh Yang Berhormat Dato' Ong Chong Swen tadi dijawab dengan ringkas oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya fikir mesti jawapan yang panjang lebar dan terutama jawapan 5(a) kerana di Dewan Negeri Johor, ada jawapan berkenaan soalan ini yang diberikan oleh Exco tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab dengan jelas iaitu punca sebenar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hampir setiap hari pelajar sekolah di sekitar Pasir Gudang mendapatkan rawatan di hospital dan juga pusat kesihatan, hampir setiap hari. Saya maklumkan ini kerana di sana ada keluarga saya dan rakan-rakan yang bersekolah di sana.

Jadi, saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri, soalan saya ialah adakah kerajaan apabila melihat kejadian ini begitu lama berlaku dan tidak ada penyelesaian, adakah pihak kementerian dan kerajaan bercadang untuk mendapatkan khidmat pakar negara luar?

Kedua, apakah pesanan Yang Berhormat Timbalan Menteri selain daripada minta rakyat dan penduduk Pasir Gudang bersabar, apakah pesanan Yang Berhormat Menteri kepada penduduk sekitar Pasir Gudang untuk jangka pendek dan jangka panjang ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Terima kasih atas soalan tambahan. Memang kita ada juga menerima beberapa cadangan tentang sekiranya kita perlu untuk mendapatkan pakar daripada luar tentang insiden Pasir Gudang, ya. Buat masa ini kita masih menggunakan khidmat tempatan yang kita kira memang masih lagi dapat menampung untuk kita melaksanakan pelbagai tugas. Nanti saya juga akan membawa perkara ini ke pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian tentang kalau sudah tiba masanya kalau memerlukan...

**Seorang Ahli:** ...Pakar.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Pakar daripada luar. Terima kasih. Saya ingin tegaskan semula di sini. Benda ini, saya tidak mahu nampak seolah-olah kita tidak membuat sesuatu. Seolah-olah kita melambatkan ataupun seolah-olah kita tidak buat kerja, ya. Pertama sekali, yang tadi saya beritahu kalau di Sungai Kim Kim dulu punca ada. Kita nampak *effect*.

Akan tetapi insiden gangguan di Pasir Gudang, kita nampak kesan saja tanpa mengetahui punca. Bahan kimia tidak dapat dikesan dalam sampel darah dan juga sampel air kencing. Ini terbukti secara klinikal Yang Berhormat Senator. Simptom-simptom juga ditunjukkan walaupun tiada bacaan kehadiran gas beracun. Ini dalam kes insiden Pasir Gudang kali ini, gangguan kesihatan.

Begitu juga, lokasi mangsa adalah jauh antara satu sama lain dan tidak dapat dibuktikan mempunyai hubung kait bila kita melakukan model penyebaran udara. Oleh sebab itu, saya beritahu dalam masa yang sama, walaupun nampak mungkin sudah, 20 Jun hari itu sehingga 12 Julai dan stadium pun telah ditutup tetapi kita dalam masa yang sama masih melakukan pelbagai usaha dan tindakan. Kita buat tiap-tiap hari. Sehingga pada hari ini, sehingga pada 24 Julai, kita telah melakukan 6,300 bacaan cerapan, bacaan gas ini.

Saya kira perkara-perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan pelbagai jentera dan pelbagai pihak yang melakukan usaha-usaha murni ini. *In syaa Allah* di masa akan datang memang kita berusaha, di pihak kementerian kita berusaha sedaya upaya bersama-sama juga dengan jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah kementerian-kementerian lain untuk menangani sedaya upaya tentang isu ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nasihat jangka masa pendek dan jangka masa panjang kementerian.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Mungkin kalau saya boleh beritahu apa yang usaha kita, bolehkah? Saya beritahu antara usaha yang kita lakukan di kementerian, ya. Satu, kita ingin mewujudkan, ini yang secara yang kita buat, mewujudkan stesen pengawasan gas pencemaran toksik melalui pembangunan enam stesen pengawasan udara automatik- *fixed station* menggunakan alat pengesan gas, *toxic fourier-transform infrared* dan satu stesen pengawasan udara bergerak.

#### ■1100

Pembelian enam alat pengukuran gas toksik bergerak, secara *mobile* seperti *Gasmet* untuk tujuan penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan kebocoran dan pelepasan gas berbahaya di premis atau punca-punca yang berpotensi di Pasir Gudang dapat dikenal pasti dan ditangani dengan segera.

Begitu juga dengan kajian berkaitan *loading analysis* dan *carrying capacity*- kita sedang jalankan bagi menentukan kapasiti bawaan udara di Pasir Gudang bagi mengurangkan risiko pencemaran udara dan dalam masa yang sama juga ini- saya rasa kajian yang paling penting di mana perlu ada *buffer zone*.

Ini saya kira satu perkara yang sangat-sangat penting untuk dilibatkan- mungkin akan diguna pakai di mana-mana pekan-pekan dan juga *city* lain selain daripada Pasir Gudang. Memandangkan Pasir Gudang telah menjadi hab industri terpenting di Johor dengan penempatan pelbagai industri seperti minyak sawit dan petrokimia terbesar di dunia, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Pasir Gudang juga akan meningkatkan pengawalan, seliaan dan penguatkuasaan di kawasan ini. Juga, mesej melalui JAS, akan mewajibkan beberapa tindakan pemantauan kepada pematuhan baharu oleh premis industri kawasan Pasir Gudang yang antara lain menetapkan agar premis industri memasang alat pemantauan pelepasan secara berterusan.

Jadi, diharapkan tindakan seperti ini juga akan dilihat dan membantu kepada membendung kes insiden-insiden yang kita tidak ingini kepada rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini kesan dia belum dikenal pasti dan cadangan yang boleh diberi oleh kementerian ini, bersabarlah sehingga kesan itu- kerja-kerja murni kementerian ini kita harus beri pandangan yang serius, kerana mereka bertungkus-lumus dan mudah-mudahan dalam jangka masa yang pendek ini kementerian dapat mengatasi masalah ini.

Silakan, Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tengok tidak dapat [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu jawapan saya kepada Tan Sri [*Ketawa*]

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya tidak pernah dapat pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Ya, silakan.

**6. Puan Asmak binti Husin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah kerajaan untuk mengawal persepsi kesihatan yang boleh mengancam kesihatan awam seperti perkhidmatan *doula* dan golongan antivaksin.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan berkaitan dengan mengawal persepsi kesihatan, berkenaan dengan perkhidmatan *doula* dan golongan antivaksin.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari perlunya mengawal persepsi kesihatan yang boleh mengancam kesihatan awam, seperti wujudnya kelompok ibu bapa yang menolak vaksin untuk diberikan kepada bayi dan anak-anak mereka dengan alasan-alasan tertentu. Untuk mengekang persepsi kesihatan yang negatif ini, kementerian sentiasa proaktif mengadakan pendidikan kesihatan dengan menganjurkan kempen-kempen serta menerbitkan bahan-bahan pendidikan dan advokasi yang mengandungi informasi sesuai untuk orang awam mahupun anggota kesihatan.

Maklumat yang jelas juga diberikan menerusi media konvensional seperti dalam televisyen dan radio dan juga melalui media sosial dengan menyebarkan fakta terutamanya berkaitan vaksin dan imunisasi, memandangkan kebanyakan mereka yang menolak vaksin adalah dalam kalangan warga yang *IT savvy*, dengan izin. Kementerian memberi penekanan yang utama kepada kelahiran selamat yang disambut oleh anggota terlatih dan bertauliah dalam bidang kebidanan. Ini berkenaan dengan *doula*. Ini adalah untuk memastikan ibu bersalin tanpa komplikasi serta melahirkan bayi yang sihat.

Bagi ibu yang berhasrat untuk bersalin di rumah, perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam garis panduan pengurusan ibu hamil. Biasanya kepada ibu yang tidak berisiko tinggi. Perbincangan juga perlu diadakan di antara anggota kesihatan yang mengendalikan ibu hamil bersama pasangan iaitu bersama dengan ibu yang mengandung dan juga suami mengenai perancangan tempat bersalin. Oleh itu, sebarang aktiviti oleh mana-mana pihak yang mempromosi serta mempengaruhi masyarakat dan mengakibatkan kepada kelahiran yang tidak selamat adalah bertentangan dengan pendirian kementerian. Kumpulan *doula* bukanlah jururawat kebidanan kerana mereka tidak berdaftar dan juga tidak terlatih- tidak berdaftar di bawah Akta Bidan 1966.

Penyebaran pendirian dan dakyah golongan yang menolak vaksin dengan mengaitkan fakta-fakta yang salah berkaitan vaksin dan program imunisasi adalah satu fenomena yang tidak sihat kerana ia menurunkan peratusan penerimaan imunisasi, seterusnya mendedahkan kepada penularan penyakit pencegahan vaksin. Untuk mengawal persepsi negatif ibu bapa terhadap imunisasi dan vaksin, kementerian telah mengadakan usaha meningkatkan kesedaran kebaikan vaksin dengan menggunakan pelbagai pendekatan, antaranya:

- (i) mengadakan kolaborasi dengan agensi berkaitan seperti JAKIM dan Pejabat Mufti untuk membetulkan pandangan masyarakat, terutamanya tentang hukum dan fatwa berkaitan imunisasi dan vaksin;
- (ii) bekerjasama dengan NGO seperti *Malaysian Paediatric Association Immunise4Life* dan *Medical Myth Masters Malaysia* dalam mempromosikan dan memberi maklumat tepat mengenai imunisasi kepada orang awam; dan
- (iii) mewujudkan Kumpulan Pengawasan Isu di Unit Komunikasi Korporat di kementerian yang bertindak untuk menjawab dan memberi respons di media sosial bagi memperbetulkan persepsi masyarakat berkaitan imunisasi dan vaksin.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Asmak.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin merujuk kepada jawapan yang telah diberikan, iaitu persepsi kesihatan ini banyak dibentuk di dalam alam maya, iaitu di komuniti maya.

Jadi, dengan ledakan globalisasi pada hari ini, kita dapati masyarakat kita banyak bergantung untuk mendapatkan ilmu pengetahuan kesihatan, kadang-kadang hendak *diagnose* kesihatan pun mereka bergantung kepada *Google*. Sampaikan doktor pun buat aduan, ada pesakit jumpa; "*Doktor, saya kena sakit kanser*". Doktor tanya; "*Macam mana awak tahu?*" "*Saya Google*". Jadi, doktor kata; "*Kenapa tidak tanya Mr. Yahoo?*".

Jadi, benda itu ia jadi macam *joke* sudah di kalangan para doktor. Saya hendak bawa juga perbincangan kita- pada hari ini dalam komuniti maya, wujud komuniti-siber kesihatan yang tidak berautoriti ataupun kurang berautoriti dan mereka ini mempengaruhi masyarakat-masyarakat terutama yang banyak terlibat dengan maya. Mereka menggunakan alasan yang kadang-kadang meyakinkan, seperti tadi alasan agama. Walaupun kita sendiri orang agama tidak mempunyai pandangan tersebut, tetapi mereka menggunakan alasan agama untuk meyakinkan.

Kadang-kadang mereka mempunyai falsafah dan ideologi tertentu yang dibawa daripada luar. Contohnya, iaitu penggunaan vitamin C. Kadang-kadang kita lihat masyarakat kita hari ini *obsess* dengan penggunaan vitamin C untuk muda dan sihat. Jadi mereka mengambil tanpa kawalan. Bila saya *check*, rupanya mereka berpegang kepada satu ideologi yang dibawa oleh satu *scholar*.

Akan tetapi, bila saya rujuk lagi, rupanya mereka ini tidak membaca secara keseluruhan ideologi tersebut dan tidak mengambil kira jurnal-jurnal kesihatan yang mengkritik pandangan ini. Lalu benda ini tersebar dan orang pun suka ambil vitamin C secara berlebihan walaupun ia mengancam kesihatan.

Namun begitu, bila saya buka MyHEALTH Portal- kita ada MyHEALTH Portal. Selepas itu kita di Malaysia kita menggunakan pendekatan *primary health* yang baharu, maksudnya lebih majulah daripada negara lain. Namun begitu- minta maaf saya sebut Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita punya MyHEALTH Portal tidak interaktif seperti komuniti maya yang lain.

Seterusnya, yang kedua- dia punya persembahan itu macam konservatif dan saya orang tua ini pun rasa tidak berapa hendak berminat sebab nampak sangat tua. Jadi, apatah lagi kalau Kementerian Kesihatan hendak menjuarai komuniti maya.

Jadi, soalan saya ialah, pertama- apakah kementerian mengambil kira perkembangan Industri Revolusi 4.0 terutama dari sudut penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Ini terutamanya dengan pendekatan *primary healthcare* dan dalam masa yang terdekat mungkin penggunaan MyHEALTH Portal secara optimum untuk menangkis persepsi kesihatan ini yang boleh mengancam kesihatan awam. Mungkin, boleh berlaku *outbreak* macam dekat Pasir Gudang disebabkan oleh persepsi ini.

Kedua, adakah kementerian bercadang untuk *regulate doula* supaya *doula* yang ada ini bertauliah, diiktiraf dan selamat *in-line* dengan undang-undang kesihatan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih- ini komen terpanjang. Soalan dua ya- berkenaan dengan *Industrial Revolution 4.0* memang kementerian memang sedar berkenaan dengan cabaran yang dibawa di bawah *Industrial Revolution 4.0* dan juga peluang yang diwujudkan akibat perkembangan dari segi teknologi.

■1110

Jadi, kementerian sedang mengkaji. Pertama, kita akan laksanakan *electronic medical record*. Melalui *electronic medical record*, kita akan membolehkan *big data* dan *artificial intelligence* di mana kita boleh adakan maklumat serta-merta berkenaan dengan penularan penyakit dan sebagainya serta-merta, *instantaneous*- di mana kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya apabila maklumat itu kita terima.

Jadi untuk komen berkenaan dengan Portal *MyHealth*, saya ambil maklum dan akan beritahu kepada pegawai yang menjaga IT supaya kita memberi perhatian. Ini supaya laman web kementerian itu lebih menarik, lebih boleh diterima khususnya oleh golongan anak muda dan mereka yang *social media savvy*.

Berkenaan dengan *doula*. Kebetulan kalau kita lihat dari segi fungsi *doula*, kita ada *engagement* dengan mereka dalam industri *doula* ini dan telah memberitahu- mereka juga terima bahawa mereka tidak boleh menggalakkan persalinan yang tidak selamat. Mereka juga tahu bahawa mereka tidak boleh main peranan untuk menyambut bayi. Jadi, peranan mereka adalah jelas. Memang peranan untuk *delivery* itu dikawal di bawah Akta Kebidanan. Jadi, ini saya rasa tidak ada masalah. Buat sementara ini, tidak ada cadangan untuk *regulate* melalui undang-undang berkenaan peranan *doula*.

Untuk makluman, Portal *MyHealth* juga gunakan *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* yang lebih interaktif. Mungkin Yang Berhormat boleh cuba *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*. Mungkin aspek yang berlainan yang saya pun tidak begitu fasih dalam perkara-perkara tersebut. Jadi, inilah jawapan saya. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Menteri yang juga seorang doktor. Kalau saya katakan *doula* terbaik adalah suami, apa pandangan doktor?

Ini kerana daripada pengalaman saya, semasa isteri saya melahirkan anak saya yang pertama, yang kedua, yang ketiga sampai yang keenam, saya... [Disampuk] Dua ibu sahaja. Dua ibu [Ketawa] Saya berada di sisinya. Tuan Yang di-Pertua. Saya berada di sisi, pegang tangan, pegang dahi, "*I love you honey*", *you know*, dan senang, secara natural.

Akan tetapi, Yang Berhormat, sekarang ini yang membimbangkan, anak saya ini sudah bertanya kepada saya, "*Daddy, hendak buat macam mana ini? My wife is pregnant*". Dia tidak tahu, Yang Berhormat. Dia risau kerana dia tidak mengalami lagi. Ya lah, dia belum mengalami sebab ini anak pertama dia. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kementerian di bawah Yang Berhormat akan mengadakan kursus-kursus ataupun pedoman-pedoman kepada suami-suami yang *the best doula* yang saya katakan tadi ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Yang Berhormat kena pasang seorang lagi, yang ketiga, baru *depa* contoh pula [Ketawa]

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat Menteri ini jahat ini [Ketawa]

**Dr. Lee Boon Chye:** Memang ini khususnya untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kaum lelaki, memang suami main peranan yang penting semasa proses bersalin.

Sebab, kalau kita lihat proses untuk bersalin ini, ia adalah satu proses yang agak mencabar untuk ibu. Kesakitan yang dialami dan risiko- berkaitan dengan risiko, mereka memerlukan *support*, sokongan dari segi *emotional* dan sebagainya. Jadi, penting untuk suami memberi sokongan sepenuhnya semasa bersalin. Kebanyakan hospital sediakan kemudahan untuk suami bersama ibu yang bersalin di hospital. Jadi, ini kita rasa tidak ada masalah.

Kedua, berkenaan dengan kursus. Memang kita adakan kursus berkala untuk ibu yang hamil semasa antenatal, semasa hamil. Tujuannya adalah supaya mereka diberitahu apa yang perlu dilakukan semasa hamil, aktiviti dan sebagainya. Juga, kita nasihatkan apa yang akan berlaku semasa bersalin dan selepas bersalin dari segi penjagaan bayi yang baru lahir. Jadi, ini adalah berkenaan dengan kursus.

Peranan *doula* adalah sebagai pembantu untuk ibu yang bersalin dan mereka memberi *moral support*, tetapi tidaklah kendalikan proses untuk menyambut bayi. Ini jawapan saya. Sekian.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat Menteri, maksud saya kursus kepada suami-suami.

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya terlupa. Sepatutnya apabila kita adakan kursus untuk ibu, digalakkan suami untuk turut bersama. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak ada kursus khusus untuk suami lagi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat Dato' Suhaimi tidak payah kursus pun. Hebat [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat, saya hendak tanya. Sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, bahawa perkhidmatan *doula* ini sebenarnya adalah untuk membantu kepada kaum ibu yang hendak bersalin. Jadi saya hendak tanya, bolehkah misalnya pihak Kementerian Kesihatan sendiri mengawal selia perkhidmatan mereka ini duduk di bawah Kementerian Kesihatan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat itu. Isu mengawal selia, ini adalah isu yang agak kontroversial. Ini kerana kalau kita hendak mengawal selia, ini bermakna kita perlu tetapkan piawaian dari segi *training*, latihan siapa yang boleh jadi *doula*, siapa yang tidak boleh jadi *doula*. Kita mesti tetapkan *syllabus* dan latihan. Jadi, ini akan merumitkan. Di sebaliknya kalau kita tidak kawal langsung, mungkin ada *doulas* yang buat kerja-kerja luar daripada keupayaan mereka. Jadi, ini satu perkara yang kita harus pertimbangkan dengan teliti. Jadi pandangan yang sedia ada, kita selalu *engage* dengan mereka supaya mereka faham peranan mereka sebagai pembantu dan bukan untuk kendalikan proses untuk menyambut bayi atau bersalin, untuk kendalikan *delivery*. Ini yang saya rasa paling penting.

Kedua, supaya mereka tidak menggalakkan ibu supaya bersalin di rumah khususnya mereka yang berisiko tinggi seperti ada kencing manis, ada darah tinggi, ada sakit-sakit yang lain. Jadi, ini saya rasa lebih baik apabila ada *engagement* supaya *doula* ini dia faham peranan mereka yang sebenar dan tidak terkeluar daripada peranan yang mereka boleh mainkan sebagai pembantu kepada ibu. Sekian.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan vaksin, Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab kalau kita tengok, vaksin kepada kanak-kanak ini ada dua. Satu, yang mandatori yang diberikan oleh pihak kementerian dan terdapat yang satu lagi senarai vaksin yang secara pilihan.

Saya hendak bertanya kepada kementerian sebab vaksin yang secara pilihan ini yang berbayar oleh ibu bapa agak mahal. Sekarang ini kalau kita tengok, banyak penyakit khususnya *pneumococcal*, influenza yang sedang melanda masyarakat kita. Akan tetapi bagi ibu bapa yang hendak mengambil vaksin ini, ia agak mahal. Ini sebab kalau katakanlah saya sendiri hendak menghantar anak saya seorang untuk mendapat vaksin pilihan yang disenaraikan, *it will cost me*, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang dalam RM200 ke RM300. Maknanya mereka yang berkemampuan bolehlah bawa anak mereka. Akan tetapi mana yang tidak berkemampuan, tidak mampu hendak bayar.



Maka soalan saya kepada pihak kementerian, apakah kerajaan bercadang untuk menjadikan beberapa suntikan vaksin ini secara mandatori dan diberi subsidi oleh pihak kerajaan? Ia bagi mengelakkan penularan penyakit ini yang makin berleluasa di kalangan masyarakat kita dan juga bagi membantu bagi mereka yang tidak berkemampuan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1120

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan vaksin, kebetulan yang sedia ada di bawah *National Immunization Programme* ada 12 vaksin yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan. Ini yang pertama.

Kedua, memang kita tahu ada vaksin-vaksin yang diberikan di swasta untuk penyakit-penyakit yang lain. Akan tetapi kementerian perlu kaji dari segi *cost effectiveness* vaksin-vaksin tersebut. Ketiga, berkenaan dengan *pneumococcal vaccine*. Memang kita faham ini memang antara Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dan kita telah buat kajian berkenaan vaksin tersebut. Memang satu vaksin yang dicadangkan oleh WHO.

Akan tetapi kalau kita hendak berikan vaksin ini kepada- untuk sebagai antara program, ini melibatkan suatu *cohort* 500 ribu kanak-kanak setiap tahun dan menelan perbelanjaan RM180 juta setahun. Kementerian Kesihatan telah mengemukakan cadangan tersebut untuk Bajet 2019 tetapi tidak diluluskan. Kementerian akan terus kemukakan untuk dipertimbangkan dalam bajet yang akan datang. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas Lind.

7. **Datuk Theodore Douglas Lind** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan ambil oleh kerajaan untuk menjamin kebebasan dan kecekapan SPRM.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan pada tahun 2009, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun dikenali sebagai SPRM adalah sebagai agensi utama membanteras rasuah di negara ini dan telah mengambil langkah berani membenarkan lima badan pengawasan bebas memantau dan menasihatnya.

Lima badan yang dimaksudkan ialah Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan juga Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah. Dalam usaha memastikan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM, badan-badan bebas ini bertindak sebagai mekanisme semak dan juga imbang. Selain ahli politik, ahli badan bebas juga terdiri daripada kalangan profesional, ahli akademik, bekas hakim, peguam dan individu yang terkenal di kalangan masyarakat.

Dalam usaha untuk terus menjamin kebebasan dan juga kecekapan SPRM, beberapa inisiatif akan dilaksanakan untuk memperkasa SPRM selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan inisiatif di peringkat domestik bergerak seiring dengan kehendak global. Antara inisiatif-inisiatif tersebut ialah Tuan Yang di-Pertua:

- (i) diwujudkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan bidang kuasa pelantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, pertukaran kawalan tatatertib dan juga penempatan perkhidmatan pegawai SPRM;
- (ii) pindaan kepada seksyen 20, Akta SPRM 2009 bagi menambahbaikkan peruntukan berhubung kesalahan rasuah dalam perolehan kerajaan;
- (iii) pindaan seksyen 3, meluaskan tafsiran "*suapan*". Tafsiran tersebut hendaklah termasuk juga suapan dalam bentuk apa-apa faedah yang lain ataupun, dengan izin, *pecuniary or other advantages*; dan

- (iv) pindaan kepada seksyen 3 juga iaitu pindaan tafsiran "badan awam" supaya merangkumi organisasi-organisasi lain yang boleh disifatkan sebagai badan awam di sisi undang-undang.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baharu lain juga turut dicadangkan bagi mengukuhkan lagi kapasiti kuasa SPRM untuk menyiasat kesalahan-kesalahan rasuah. Contohnya, kewajipan mengisytiharkan pemilikan benefisiari ataupun *beneficiary ownership*, dengan izin. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan kepada soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya selain daripada kuasa yang sekarang ada dalam Akta SPRM 2009 untuk menjalankan siasatan dan tangkapan, satu langkah yang kerajaan harus ambil supaya SPRM akan lebih berkesan dan efektif membanteras rasuah ialah SPRM diberikan kuasa penuh untuk membuat keputusan permulaan tindakan dan pendakwaan semua kes rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah seperti berikut. Apakah kerajaan mempunyai rancangan atau cadangan untuk meminda seksyen 58, Akta SPRM 2009 supaya kuasa penuh yang sekarang diberikan kepada pendakwa raya iaitu Peguam Negara, untuk membuat semua keputusan di dalam tindakan dan pendakwaan kes rasuah akan dibatalkan dan kuasa ini akan diserahkan atau diberikan kepada SPRM sepenuhnya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seperti yang kita sedia maklum bahawa semua pendakwaan terhadap kes-kes jenayah, termasuklah kes rasuah adalah dibuat oleh pihak pendakwaan iaitu daripada pihak Peguam Negara, di seksyen pihak pendakwaan iaitu Timbalan Pendakwa Raya. Jadi, ini adalah termaktub dalam Perlembagaan kita di mana pendakwaan dibuat oleh pihak pendakwaan di bawah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peguam Negara

**Datuk Liew Vui Keong:** ...Peguam Negara. Jadi, peranan pihak SPRM dalam kes-kes rasuah ini ialah utamanya, *the core function* ialah untuk menyiasat. Mereka akan menyiasat sepenuhnya atas kes-kes yang telah pun diadakan kepada mereka ataupun kes-kes di mana mereka mengambil maklum dan buat siasatan tersendiri.

Di situlah di mana siasatan akan dibuat oleh- saya difahamkan daripada *team management*, mereka dikenali sebagai MTI. Di situ mereka akan membuat siasatan penuh yang terperinci, yang *transparent* untuk memastikan bahawa *investigation paper* yang berkualiti dapat diberikan kepada pihak Peguam Negara untuk mereka membuat keputusan sama ada kes itu perlu disiasat ataupun tidak.

Seterusnya ataupun selepas itu sekiranya siasatan tidak lengkap, pihak Peguam Negara bolehlah menyuruh mereka untuk menyiasat selanjutnya sehingga keputusan dibuat oleh pihak pendakwaan untuk mendakwa mereka itu. Jadi, yang penting sekali ialah mesti mahu ada *prima facie case*. Ia terdiri untuk kes itu seperti Yang Berhormat sedia maklum, untuk berjaya di mahkamah. Selepas itu, mahkamah akan buat keputusan, terdiri daripada prinsip bahawa, *beyond reasonable doubt*- bahawa tidak ada keraguan dalam kes itu. Maka, pendakwaan telah pun berjaya untuk membawa kes itu terhadap seseorang tertuduh.

Jadi, inilah proses yang telah pun diadakan dalam negara kita sejak kemerdekaan. Pihak Peguam Negara memang ada struktur yang lengkap, di mana mereka juga ada DPP-nya dikenalkan sebagai *Deputy Public Prosecutor* ataupun Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang mencukupi untuk mendakwa semua kes-kes jenayah, termasuk kes-kes rasuah.

#### ■1130

Jadi pada setakat ini, kerajaan masih lagi dalam proses untuk meninjau sama ada, ada keperluan untuk memberikan kuasa kepada pihak SPRM kerana pada setakat ini bidang kuasa SPRM ialah untuk menyiasat. Itulah *core* fungsi SPRM buat setakat ini. Itu sahaja, terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Bagi memastikan kebebasan SPRM dan supaya lebih berkesan, sebaiknya pesuruhjaya pihak SPRM itu dilantik, dirujuk ke Parlimen dan bukan dilantik oleh eksekutif. Apakah ini satu *reform* yang perlu dibuat di SPRM?

**Datuk Liew Vui Keong:** Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, di bawah seksyen 5, Akta SPRM, setakat ini telah pun memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menasihatkan Tuanku iaitu Agong atas pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM. Ini adalah tertakluk kepada akta yang kita sedia ada pada setakat ini.

Semestinya kita ada cadangan daripada ramai yang mengatakan bahawa pelantikan Ketua Pesuruhjaya ini dibuat kepada pihak *Parliamentary Select Committee*. Akan tetapi setakat ini kita hanya ada empat pelantikan yang penting seperti yang saya katakan tadi iaitu:

- (i) Ketua Pesuruhjaya SPRM;
- (ii) Ketua Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR);
- (iii) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia; dan
- (iv) Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia.

Di mana empat pelantikan ini kena diberikan kepada pihak *Parliamentary Select Committee*. Buat setakat ini, ini adalah dalam proses cadangan, belum lagi ditentukan sebagai peraturan ataupun undang-undang yang wajar dirujuk. Jadi setakat ini kita belum ada *the procedure* ataupun *standard operating procedure* (SOP) untuk merujuk sesuatu pelantikan kepada *Parliamentary Select Committee*.

Pada masa yang akan datang saya rasa akan direalisasikan kerana saya telah pun berjumpa dengan pihak Tuan Yang di-Pertua di Dewan Rakyat, di mana proses itu sedang diperhalusi. Saya harap bahawa tidak lama lagi, kita akan dapat merujuk pelantikan-pelantikan tertentu yang saya sebutkan tadi kepada *Parliamentary Select Committee*. Manakala lain-lain pelantikan, tidak semestinya mahu dirujuk kepada PSC. Hanya empat pelantikan yang utama ini akan dirujuk. Itu sahaja, terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** [Bangun]

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Ibrahim Shah.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Saya sudah mula hendak merujuk sudah [Ketawa] Hendak balik terus.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memang telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk membanteras rasuah ini. Cuma di kalangan kami rakyat di bawah, ada kala kami pun susah hati juga apabila mendengar rungutan-rungutan di bawah tentang berlakunya campur tangan dan *conflict of interest*. Dengan perkataan itu, saya rasa kalau ada terlampau banyak sangat rungutan, ini akan menjejaskan nama baik pihak kerajaan.

Contohnya dan soalan saya, kita tahu banyak kes baru-baru ini termasuklah ada dua, tiga kes, contohnya seorang pegawai kanan di Kementerian Pertahanan dan seorang setiausaha politik di Kementerian Pertanian yang dituduh terlibat dengan rasuah. Saya hendak tahu kalau betul-betul kita serius dan *transparent*, apakah tindakan-tindakan yang telah kita ambil kerana rakyat tahu dan kita kena tunjukkan. Kalau tidak, rakyat akan tidak menghormati ketegasan kita itu.

Kedua, saya pun terperanjat pada 3 September 2018, SPRM telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa mereka cukup terkejut dengan keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang menarik balik dan membebaskan kes penjualan banglo Yang Berhormat Bagan dan dikatakan keputusan itu telah dibuat oleh *Attorney General*. Saya hendak tanya, apakah pihak SPRM bertindak demikian seolah-olah mereka tidak bersetuju? Apakah ini kalau betul, ia baik ataupun tidak baik kepada pihak kerajaan? Harap dapat penjelasan daripada pihak Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah yang begitu popular sekali di Dewan Negara ini yang sering kita dapat lihat bertanya soalan yang begitu relevan sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator di dalam Dewan yang mulia ini, pertama-tamanya kita kena faham punca kuasa pendakwa raya ataupun punca kuasa Peguam Negara kita yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan, di mana beliau telah pun diberi kuasa untuk mendakwa, untuk menarik balik apa-apa sahaja pendakwaan yang telah pun dimulakan ataupun telah dijalankan ataupun dalam proses mahkamah.

Itu adalah kuasa yang telah pun diberikan kepada beliau di bawah Perlembagaan Persekutuan kita yang telah pun dijadikan Perlembagaan kita sejak kita merdeka lagi, bukan Perlembagaan yang telah pun dibuat pada masa Pakatan Harapan menjadi kerajaan pada bulan Mei. Ini adalah sejak kemerdekaan. Jadi kuasa ini telah pun termaktub di dalam Perlembagaan dan beliau telah pun menggunakan bidang kuasa beliau untuk membuat keputusan-keputusan terhadap beberapa kes yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Senator ini.

Jadi sekiranya kita tidak berpuas hati dengan siasatan di pihak SPRM yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Senator mengenai dua kes tadi iaitu melibatkan pegawai-pegawai atasan dalam kementerian- sebab mereka ini belum lagi dibawa ke mahkamah. Mereka hanya di peringkat siasatan di mana mereka telah pun membuat keputusan bahawa tidak disiasat. Saya tidak dapat pastikan kedudukan yang sepenuhnya mengenai kes dua orang pegawai itu tetapi saya telah pun difahamkan mengenai satu kes itu, pihak SPRM telah pun buat pelepasan kepada beliau kerana beliau dapat menjelaskan di mana beliau dapatkan kewangan itu untuk membeli satu jam tangan. Saya telah pun difahamkan bahawa pegawai tersebut juga telah mengisytiharkan *interest* nya dalam perkara itu sebelum pihak SPRM membuat tindakan.

So, *this issue of conflict of interest* dalam perkara yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi tidak wujud memandangkan dia telah pun *declare his interest in that particular case*. Jadi sekiranya ada kes-kes yang lebih spesifik, saya rasa Yang Berhormat Senator tahu bahawa boleh dirujuk kepada *Operations Review Panel* dalam SPRM sekiranya tidak puas hati dengan keputusan SPRM dengan tidak menyasiat lagi kes-kes tersebut.

Seperti yang saya telah pun jawab dalam soalan utama tadi, kita memang ada unit-unit ataupun badan-badan di mana sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan SPRM untuk tidak menyasiat lagi, bolehlah membuat aduan kepada badan tersebut. Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawab soalan-soalan Jawab Lisan selesai.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.39 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

## ■1140

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah melakar sejarah pada 16 Julai 2019, di mana Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 telah diluluskan dengan mendapat persetujuan sebulat suara daripada 211 Ahli Dewan Rakyat yang hadir.

Rang undang-undang ini adalah mengenai penurunan had umur pengundi dan juga calon pilihan raya daripada 21 tahun kepada 18 tahun serta pendaftaran pemilih secara automatik. Pada hari ini adalah diharapkan rang undang-undang ini akan mendapat sokongan penuh daripada semua Ahli Dewan yang mulia ini.

Pengasas-pengasas negara kita Malaysia telah pilih demokrasi untuk politik dan pentadbiran negara. Ini bukanlah sistem asli kita, sistem asli kita ialah sistem Raja berkuasa mutlak iaitu *absolute monarchy*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sebentar.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila sambung.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan, dengan izin, pengasas-pengasas negara kita Malaysia telah pilih demokrasi untuk politik dan pentadbiran negara. Ini bukanlah sistem asli kita, sistem asli kita ialah sistem Raja berkuasa mutlak, dengan izin, *absolute monarchy*. Akan tetapi oleh kerana Raja tanpa sokongan rakyat begitu lemah sehingga terpaksa tandatangan Perjanjian *Malayan Union* untuk serah negeri-negeri mereka kepada British.

Maka rakyat telah bangun pada tahun 1946, untuk menebus balik negeri-negeri Melayu. Raja-Raja turut bersama dan bersetuju dengan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Demokrasi memberi kuasa kepada rakyat untuk mentadbir negara mereka sendiri. Adalah dipercayai rakyat tentu bijak dalam pemilihan pemimpin mereka. Mereka tentulah tidak akan pilih orang yang ternampak jelas akan kerosakan negara mereka dan membinasakan mereka.

Rakyat pasti akan menggunakan kuasa mereka melalui peti undi dan memilih wakil serta pemimpin mereka berdasarkan kebijaksanaan dan kesedaran politik mereka. Semasa Perlembagaan negara digubal Tuan Yang di-Pertua, pengasas-pengasas negara pada ketika itu berpendapat umur yang sesuai untuk layak mengundi ialah 21 tahun dengan anggapan kematangan seseorang individu itu secara umumnya dicapai pada usia berkenaan. Di mana-mana saja di waktu negara mencapai kemerdekaan umur 21 tahun dianggap sebagai sudah dewasa dan bertanggungjawab.

Di samping itu kita juga berpendapat dalam usaha membina negara yang berteraskan ilmu pengetahuan dan pengalaman, generasi muda sewajarnya menumpukan masa mereka untuk belajar tanpa diganggu polemik politik yang tidak kunjung sudah. Justeru, Perlembagaan Persekutuan yang dibuat pada masa itu menetapkan umur 21 tahun sebagai hak kelayakan mengundi di sisi undang-undang. Negara telah melalui 14 pilihan raya umum Tuan Yang di-Pertua, bermula daripada Pilihanraya Umum Pertama pada tahun 1959 sehinggalah Pilihanraya Umum Keempat Belas pada 9 Mei 2018 yang lalu.

Setelah hampir 60 tahun Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi, kelayakan had umur mengundi 21 tahun ini tidak pernah dikaji untuk diturunkan seperti mana yang dilaksanakan di negara-negara lain yang turut mengamalkan sistem demokrasi berperwakilan. Selepas tahun 1970-an Tuan Yang di-Pertua, negara-negara maju seperti *United Kingdom*, Eropah Barat, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Perancis dan Australia telah menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun.

Kemudian ia diikuti oleh negara India, Pakistan, New Zealand dan semua negara di Amerika Latin, Afrika dan Asia pada era 1980-an, yang terakhir mengikut jejak menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun ialah negara Jepun pada tahun 2016. Pada ketika ini, hanya negara Malaysia dan Singapura di ASEAN serta beberapa negara seperti Kuwait, Oman, Cameron, Lubnan, Samoa dan Tonga yang masih mengekalkan had umur mengundi 21 tahun.

Ini bermakna kesemua negara Komanwel yang lain yang mengamalkan demokrasi ala *Westminster* termasuklah negara India yang merupakan negara demokrasi terbesar di dunia dengan jumlah pengundi seramai lebih 900 juta orang telah menetapkan umur 18 tahun sebagai umur kelayakan mengundi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini hampir semua negara di Asia telah melaksanakan had umur mengundi 18 tahun dan yang terkini beberapa negara di Eropah pula telah mula menurunkan had umur mengundi yang lebih rendah daripada 18 tahun kepada 16 tahun seperti negara Austria dan Scotland.

Berikutan daripada perkembangan di seluruh dunia ini maka golongan belia di Malaysia terdorong untuk turut diberi had mengundi seawal usia 18 tahun. Langkah ini adalah bagi memberi peluang, ruang dan juga suara kepada mereka untuk sama-sama berganding bahu mencorakkan demokrasi negara melalui pilihan raya. Lagipun, pada zaman sistem persekolahan terbuka kepada semua anak muda, mereka menjadi lebih dewasa lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkaji semula umur mengundi dan mendapati secara umumnya kesedaran politik di kalangan belia telah meningkat. Pemikiran serta kematangan mereka juga terlihat lebih ke hadapan sesuai dengan kemajuan yang dinikmati negara. Mereka ini terdedah kepada maklumat yang luas, pengaruh media massa dan kemajuan teknologi maklumat menjadikan mereka golongan pintar, matang berfikir, berdikari dan lebih bermaklumat.

Kerajaan kini percaya mereka mampu mengimbangi keperluan menuntut ilmu dan kemahiran dengan kesedaran politik serta tanggungjawab mencorakkan masa hadapan negara yang lebih cerah. Kepercayaan yang diberikan ini selaras dengan hasrat kerajaan melahirkan, dengan izin, *responsible citizen* iaitu warganegara yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengalu-alukan cadangan blok pembangkang agar golongan belia seawal usia 18 tahun bukan sahaja diberi hak mengundi tetapi turut berpeluang bersuara di Dewan yang mulia ini iaitu layak menjadi calon yang apabila dipilih akan berada bersama-sama kita di sini membahaskan undang-undang untuk kebaikan negara.

Walaupun had umur kelayakan calon di kebanyakan negara Asia dan juga ASEAN masih kekal pada usia 21 tahun dan ke atas tetapi jika dilihat kepada negara-negara di Eropah, Australia dan New Zealand umur kelayakan calon telah diseragamkan dengan had umur mengundi iaitu 18 tahun. Oleh yang demikian, selaras dengan amalan demokrasi dunia, kerajaan bersetuju mencadangkan Malaysia menurunkan had umur mengundi dan had umur calon seawal 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan atas cadangan Barisan Pembangkang juga telah bersetuju untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik. Ini akan membolehkan semua warganegara Malaysia apabila berumur 18 tahun layak mendapat hak untuk mengundi. Mereka tidak lagi perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih kerana rakyat Malaysia telah mendapat kad pengenalan kali pertama pada umur 12 tahun dan dikehendaki menukar semula kad pengenalannya apabila telah mencapai umur 18 tahun. Dengan itu mereka yang mencapai umur 18 tahun akan didaftarkan secara automatik mengikut maklumat terkini di dalam kad pengenalan dan juga berhak untuk menjadi pengundi.

Kerajaan menjangkakan untuk lima tahun akan datang sekiranya pendaftaran secara automatik ini dilaksanakan bersekali dengan penurunan had umur mengundi 18 tahun. Seramai 7.8 juta pengundi baharu akan dimasukkan dalam daftar pemilih sehingga tahun 2023.

#### ■1150

Oleh yang demikian, kerajaan menganggarkan jumlah pengundi pada tahun 2023 akan meningkat lebih daripada 50 peratus menjadikan jumlah pengundi sekitar 22.7 juta berbanding 14.9 juta pada Pilihanraya Umum Keempat Belas tahun 2018.

Kerajaan telah pun memulakan kerja-kerja awal melalui pelaksanaan inisiatif reformasi pilihan raya yang telah dimulakan sejak Julai 2018 lagi. Kerja-kerja awal ini meliputi kajian dan juga penelitian ke atas pelaksanaan pendaftaran secara automatik serta keperluan pembangunan proses kerja dan pembangunan sistem. Kerajaan memahami akan keperluan untuk membuat persediaan rapi sebelum pendaftaran pemilih secara automatik ini dapat dilaksanakan sepenuhnya. Oleh demikian, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memerlukan satu tempoh waktu yang sesuai untuk memastikan kelancaran proses kerja yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud melaksanakan cadangan ketiga-tiga perkara di atas, pindaan kepada Perlembagaan perlu dilaksanakan. Huraian kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 rang undang-undang ini memperuntukkan tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Fasal 3 akta yang dicadangkan.

Fasal 2 dan 4 akan mula berkuat kuasa serta-merta pada tarikh berikutan takrif penyiaran akta yang dicadangkan dalam warta menurut seksyen 19 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388].

Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda perenggan (b) Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan umur seseorang warganegara yang layak untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Fasal 3 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Subfasal 3(a) bertujuan untuk meminda Perenggan (a), Fasal (1), Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan umur seseorang warganegara yang layak untuk mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Pindaan ini akan membenarkan lebih ramai warganegara Malaysia untuk mengundi.

Pada masa kini, seseorang dikehendaki untuk memohon bagi pendaftaran sebagai seorang pemilih dalam sesuatu bahagian pilihan raya dan tarikh kelayakan dalam Perlembagaan dalam Perenggan (b) Fasal (4) Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada tarikh permohonan itu.

Subfasal 3(b) bertujuan untuk meminda takrif kelayakan dalam perenggan (b), Fasal (4) Perkara 119 untuk memberikannya maksud sebagai tarikh seseorang didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai pemilih dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Dengan pindaan ini, apabila seseorang warganegara mencapai umur 18 tahun dan layak untuk mengundi, dia akan didaftarkan secara automatik sebagai pemilih oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Fasal 4 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 5, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan umur seseorang warganegara yang layak untuk menjadi Ahli Dewan Undangan daripada 21 tahun kepada 18 tahun serupa seperti pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 47 dalam fasal 2. Perincian kepada perkara-perkara berkaitan dengan pindaan ini adalah sepertimana dinyatakan di dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 sepertimana dalam rang undang-undang yang telah diedarkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk tatapan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pindaan kepada ketiga-tiga perkara ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam melaksanakan dan menguatkuasakan pindaan-pindaan tersebut, maka beberapa pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5], Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 perlu dibuat.

Bagi membolehkan penurunan had umur calon Dewan Undangan Negeri dilaksanakan, kerajaan negeri disarankan untuk membuat pindaan tersebut terhadap peruntukan berkaitan di dalam perlembagaan negeri atau undang-undang tubuh kerajaan negeri masing-masing. Dewan yang mulia ini menyeru dan berkeyakinan penuh bahawa kerajaan negeri akan menyokong pindaan ini dan akan turut meminda peruntukan yang berkaitan.

Justeru, saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar sama-sama merealisasikan hasrat kita semua untuk membuka peluang kepada anak-anak muda menyumbang tenaga dan idea demi memperkasakan demokrasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharap pengundi-pengundi muda akan mengambil peluang dari pindaan ini untuk lebih arif dalam politik negara dan juga mengundi dengan penuh tanggungjawab.

Justeru, SPR berperanan memberikan kesedaran proses demokrasi seawal peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan sehinggalah ke institusi pengajian tinggi. SPR memainkan peranan penting melalui Akademi Pilihan Raya yang telah pun memulakan usaha mempromosi kesedaran demokrasi sejak tahun 2007 lagi. SPR akan terus menggandakan usaha ini bersama agensi-agensi kerajaan yang lain, parti-parti politik, NGO, masyarakat sivil dan juga media massa untuk mendaulatkan demokrasi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita sebagai manusia sentiasa diuji. Pakatan Harapan yang menerajui kerajaan kini diuji dengan kuasa dan mandat besar yang diberikan rakyat. Manakala blok pembangkang pula sedar akan perlunya mereka tegur kerajaan jika ada apa-apa yang perlu ditegur. Sejak peralihan kerajaan, negara terus aman dan stabil. Keadaan ini membolehkan kita membuat pindaan undang-undang dan memansuhkan undang-undang yang menindas dalam keadaan yang mengikut undang-undang ataupun *the rule of law*, dengan izin. Kita juga menghargai tindakan *bipartisan* yang diutamakan apabila kebaikan negara terlibat.

Saya menyeru agar kita semua sama-sama pastikan kita lulus pindaan ini dengan memberikan sokongan majoriti lebih daripada dua pertiga dan mencipta sejarah baharu Malaysia. Sesungguhnya demokrasi masih hidup di Malaysia dan dikuatkan dengan tenaga dan akal fikiran anak muda.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih juga sebab Menteri turun sendiri ke kita punya persidangan. Terima kasih. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam senarai yang diberi pada saya, ada 16 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang hendak berucap. Bagus. Ramai peminatnya.

Sekarang saya mulakan dulu dengan yang pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan Yang Berhormat.

11.59 pg.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf ya. Minta kerjasama, saya beri peluang semua berucap kalau dapat tujuh minit ke lapan minit. Ya? Dipersilakan.

**Datuk Razali bin Idris:** *[Ketawa]* Kertas banyak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peringatan kepada saya. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dapat bersama-sama dengan kita pada hari ini.

■1200

Jadi, setelah saya mengambil bahagian dalam perbincangan dua hari, saya tengok Menteri dengan Timbalan Menteri berada dalam Dewan Negara. Satu tepukan kepada... *[Tepuk]* Saya ingin mengambil bahagian untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini kerana ia merupakan satu sejarah dan beberapa sejarah baharu dalam politik pilihan raya negara kita.

Akan tetapi juga kita memerlukan penelitian mendalam beberapa perkara penting berkaitan dengannya. Ia melibatkan beberapa perkara, termasuk pendaftaran pengundi, usia Yang Berhormat, berkemungkinan Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang terlalu muda dan banyak lagi. Kita gembira kerana pihak kerajaan dan pembangkang di Dewan Rakyat meluluskan rang undang-undang ini dengan sebulat suara. Persoalannya, apakah perkara yang sama akan diulangi di Dewan Senat yang mulia ini? Sebagai Senator yang mewakili pihak kerajaan, saya menyeru dan memohon kerjasama rakan-rakan semua seperti yang ditunjukkan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah usaha menurunkan usia kelayakan untuk menyertai pilihan raya daripada 21 tahun kepada 18 tahun memerlukan keberanian politik dan usaha yang sangat gigih. Kejayaan ini membuktikan Kerajaan Pakatan Harapan menilai betapa peranan belia sangat penting untuk politik dan menentukan corak masa hadapan negara.



Namun begitu, kerajaan dan negara memerlukan usaha gigih untuk mempersiapkan belia-belia kita yang rata-rata baru melepasi Sijil Pelajaran Malaysia supaya memahami politik dan menunaikan tanggungjawab mereka dengan sewajarnya.

Kita wajib sedar dan memberi tumpuan khusus kerana isu ini akan membabitkan anggaran 7.8 juta pengundi baharu seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Apa ertinya ini? Ia akan menyebabkan pelaksanaan pendaftaran pengundi, termasuk secara automatik yang akan menyebabkan pertambahan pemilih dalam daftar pemilih untuk tempoh lima tahun yang akan datang. Ramai melihat perkara ini dalam konteks kepentingan demokrasi dan ruang tetapi hakikatnya ia akan melibatkan kos, masa, penetapan *locality* dan bahagian pilihan raya yang betul yang semuanya akan menyebabkan pertambahan kerja-kerja dipihak yang terlibat dalam pilihan raya.

Saya amat yakin seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Selasa lalu, 16 Julai 2019 bahawa agensi-agensi pelaksana yang terlibat secara langsung dalam pendaftaran automatik sewajarnya diberi peluang dan ruang untuk membuat persediaan yang teratur. Ini termasuk daripada segi integrasi data antara Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Di Dewan yang mulia ini, saya mengharapkan dan yakin bahawa agensi pelaksana tidak akan bertolak ansur dengan apa-apa kesilapan kepada daftar pemilih kerana ia melibatkan hak setiap warga negara yang layak mengundi seperti mana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Saya juga ingin menekankan pentingnya pendidikan pilihan raya kepada belia-belia kita kerana jangan selepas ini kita menyalahkan belia-belia dengan mengatakan mereka belum matang kerana memilih parti atau corak politik tertentu. Kita juga tidak wajar menyalahkan belia-belia jika mereka menolak kita dalam pilihan raya. Mereka adalah orang muda yang mempunyai selera dan kehendak mereka sendiri.

Selain perkara yang disebut ini, ada beberapa perkara penting yang perlu kita fikirkan dan di bahas bersama. Pertama Tuan Yang di-Pertua, persempadanan semula. Apabila usia diturunkan kepada 18 tahun, sudah pasti jumlah pengundi pada tahun 2023 akan meningkat lebih besar iaitu ada sehingga 50 peratus di banyak kawasan. Apa maknanya ini? Tidakkah jumlah pengundi akan menjadi sekitar 22.7 juta dalam tempoh tiga tahun atau empat tahun lagi berbanding 14.9 juta pada Pilihan Raya Umum Keempat Belas lalu.

Saya melihat negeri saya yang mempunyai lapan kawasan Parlimen dan 32 DUN, memerlukan pertambahan kerusi yang agak besar di Parlimen dan DUN. Persempadanan terakhir berlaku pada tahun 1993. Bermakna, sekarang 23 tahun yang lalu. Langkah segera perlu dilakukan untuk menilai dan melihat keperluan ini. Malah, pihak kerajaan dan pembangkang boleh melihat kepentingan ini. Kita boleh bekerjasama seperti mana melakukan kelulusan terhadap rang undang-undang ini. Saya jangka di negeri saya, Kerajaan Negeri Terengganu yang dipimpin oleh PAS juga bersetuju dengan pandangan saya supaya kita memikirkkan macam mana untuk kita uruskan tambahan persempadanan semula DUN dan juga Parlimen.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, had umur sektor awam. Orang muda akan semakin ramai menyertai politik dalam perkhidmatan awam. Untuk menggerakkan jentera kerajaan demi pembangunan adalah wajar agar orang muda diberi peluang. Mereka ini tidak wajar tunggu sehingga 50 tahun atau 55 tahun untuk menduduki jawatan penting dalam kerajaan. Kita juga jangan lupa bahawa tahap pengetahuan muda-mudi yang lebih tinggi daripada yang lalu melalui memberikan peluang untuk mereka mengundi pada usia 18 tahun. Kini tahap pengetahuan dan pendidikan sudah tinggi dan sewajarnya mereka digalakkan untuk menunjukkan serta membuktikan keupayaan mereka.

Bagi membuka peluang mereka, cadangan saya adalah usia pencen hendaklah diturunkan kembali kepada 55 tahun, bukan lagi 60 tahun. Dengan permulaan mereka dalam politik mulai 18 tahun dan menjadi orang politik pada usia 18 tahun, janganlah kita tutup ruang dan lorong mereka kerana usia pencen yang begitu lambat dikekalkan oleh kerajaan.

Sesuai dengan menurunkan usia layak mengundi, bermakna warga negara yang layak menjadi Yang Berhormat juga secara automatik pada usia 18 tahun dan diiktiraf oleh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat Yang Berhormat di Dewan Rakyat berusia 18 tahun, bagaimana pula dengan kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Negara? Cadangan saya, usia 30 tahun sekarang sebagai Ahli Dewan Negara harus diturunkan kepada 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, apabila usia mengundi dibenarkan 18 tahun, bermakna belia diberi keutamaan dan dihargai. Persoalannya, wajarkah kita wujudkan Kementerian Belia semata-mata dan pisahkan dengan Kementerian Sukan? Saya berpendapat kerajaan perlu memikirkan sukan sebagai satu *business* yang mana aktiviti perlu diasingkan dengan belia. Ini kerana sukan bukan hanya belia, walaupun mereka adalah kumpulan yang paling ramai.

Namun begitu, dengan usia belia yang telah ditetapkan sekitar 30 tahun dan perlu diberi sepenuh perhatian, cadangan saya adalah wajar sekiranya Kementerian Sukan tidak lagi digabungkan dengan Kementerian Belia. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup ucapan saya selama tujuh minit, saya ingin berpantun dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus. Sila, sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua setiap kali tutup Dewan Negara, dia tutup dengan satu pantun yang indah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *InsHaa Allah*. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:**

*Ribut-ribut bawa pukut;  
Melihat gelung di Selat Jawa;  
Ahli Dewan Rakyat bersepakat;  
Ahli Dewan Negara inshaa Allah sejiwa.*

Saya menyokong dan berharap rakan-rakan Yang Berhormat yang lain turut menyokong. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Sehati sejiwa, ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Silakan.

**12.09 tgh.**

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang mencadangkan rang undang-undang tadi.

Terima kasih kerana bersama kami pada beberapa hari ini. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi menurunkan had umur pengundi kepada 18 tahun dan menurunkan umur calon bertanding pilihan raya pada 18 tahun juga tepat pada masanya dan harus disokong.

■1210

Pendaftaran pengundi automatik pada usia 18 tahun juga harus disokong. Walau bagaimanapun, sebelum pelaksanaannya Suruhanjaya Pilihan Raya harus memastikan pembangunan sistem pendaftaran automatik yang mantap dan infrastrukturnya pun mantap serta memastikan data-data daripada jabatan berkenaan, seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Kementerian Kesihatan dan lain-lain badan lagi dapat diselaraskan dengan data-data Suruhanjaya Pilihan Raya, sepertimana yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang penting dan mungkin lebih genting pula, rakyat tulen Malaysia di Sabah meminta supaya masalah pendatang asing tanpa izin yang memiliki kad pengenalan Malaysia secara tidak sah serta pembersihan daftar pengundi yang sudah pun dicemari dengan pengundi yang memegang dokumen pengenalan Malaysia secara haram, seharusnya diberi perhatian dan penyelesaian tuntas, sebelum pendaftaran secara automatik ini diimplementasikan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the illegal immigration problem in Sabah is the mother of all problems in Sabah*.

Mengikut kajian dan siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah, sekurang-kurangnya seramai 113,850 orang pemegang kad pengenalan Malaysia di Sabah diragui.

Jika laporan ini tidak mencukupi, adalah menjadi satu fakta bahawa, antara tahun 1960 hingga tahun 2000, jumlah penduduk bumiputera di negeri Sabah menunjukkan peningkatan yang luar biasa iaitu sebanyak 417 peratus atau sama seperti sepasang suami isteri yang melahirkan seramai 834 orang anak dalam tempoh 40 tahun.

Pertumbuhan jumlah penduduk yang begitu luar biasa dan ketara ini tidak akan berlaku jika tidak ada penyelewengan atau salah guna kuasa. Jika perkara ini tidak ditangani dan pendaftaran pengundi secara automatik dilaksanakan, daftar pengundi di negara ini akan lebih tercemar lagi dengan pengundi-pengundi yang tidak sah, pengundi-pengundi yang tiada perasaan patriotik terhadap negara ini dan tiada perasaan cinta kepada Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan menggugat keselamatan dan kedaulatan kita. Oleh itu, sekali lagi kami di Sabah mencadangkan supaya semua kad pengenalan yang didaftarkan di bawah negeri Sabah ditarik balik dan dikaji serta disiasat kesahihannya. Saya mencadangkan satu unit khas Jabatan Pendaftaran Negara dibentuk khusus untuk melaksanakan perkara ini.

Jika penarikan kad pengenalan di seluruh Malaysia dapat diselaraskan bagi tujuan pembaharuan dan penambahbaikan sebanyak lima kali dan dikaji serta disiasat-minta maaf. Jika penarikan kad pengenalan di seluruh Malaysia dapat dilaksanakan bagi tujuan pembaharuan dan penambahbaikan sebanyak lima kali, tidak ada sebabnya penarikan kad pengenalan yang didaftar di negeri Sabah sahaja tidak dapat dilaksanakan.

Sekali lagi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is imperative that we clean our electoral roll before the implementation of the automatic voter registration system. Otherwise, the presence of foreigners with illegally obtained Malaysian identity documents or now electoral roll will self-perpetuate and will increase exponentially.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri, oleh kerana jika RUU ini mendapat kelulusan kita akan mendapat tambahan sebanyak 3.7 million pengundi baharu. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang penambahan kerusi kawasan Parlimen. Sabah sangat mengharapkan dan mencadangkan supaya persempadanan semula kawasan Parlimen harus dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Suruhanjaya Pilihan Raya.

Apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963, Sabah dan Sarawak mempunyai sejumlah 35 peratus kawasan Parlimen iaitu 40 buah kerusi daripada jumlah keseluruhan pada masa itu, sebanyak 114 buah Kerusi Parlimen di Dewan Rakyat. Kini, dengan sebanyak 25 buah Kerusi di Sabah dan sejumlah 31 buah kerusi di Sarawak, kedua-dua negeri tersebut hanya mempunyai sebanyak 56 buah Kerusi daripada sejumlah 222 buah Kerusi di Parlimen. Ini bermakna, Sabah dan Sarawak hanya mempunyai 25 peratus daripada jumlah keseluruhan Kerusi Dewan Rakyat.

Ini Tuan Yang di-Pertua, sudah melanggar tujuan dan niat apabila Malaysia dibentuk, di mana Sabah bersamaan dengan Sarawak memegang sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Kerusi Parlimen. Ini adalah untuk mewujudkan, dengan izin, *check and balance* di mana hak-hak dan kepentingan negeri Sabah dan Sarawak tidak diabaikan dalam mana-mana pindaan Perlembagaan Malaysia. Kita perlu kembali kepada status ini.

Oleh itu, amatlah diharapkan kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya memberi keutamaan dan perhatian khusus kepada perkara ini. Jika ia dapat dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja akan menunjukkan keikhlasan Kerajaan Pusat kepada negeri Sabah dan Sarawak serta rakyatnya, malah lebih penting lagi ia akan mengembalikan semangat kekitaan yang wujud semasa Malaysia dibentuk. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Yang Berhormat betul-betul bercakap tujuh minit, terima kasih banyak ya. Tadi sudah kita dengar suara anak watan ya. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, silakan.

**12.18 tgh.**

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatulalahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung dengan umur mengundi bagi rakyat Malaysia.

Sebelum itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Pakatan Harapan kerana bersetuju mendengar pandangan dan cadangan pembangkang kerana bersetuju mengadakan pindaan Perlembagaan Persekutuan merangkumi penurunan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun, dari pendaftaran secara manual kepada pendaftaran secara automatik dan juga calon pilihan raya kepada 18 tahun.

Seperti yang kita ketahui, negara telah melalui 14 Pilihan Raya Umum bermula dari pilihan raya umum pertama pada tahun 1959 hinggalah Pilihanraya Umum Keempat Belas pada 9 Mei 2018 yang lalu. Setelah hampir 60 tahun Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi, kelayakan had umur mengundi pada 21 tahun ini tidak pernah dikaji untuk diturunkan sepertimana yang dilaksanakan di negara-negara lain yang turut mengamalkan sistem demokrasi.

#### ■1220

Jadi sangatlah bertepatan pada masa ini, negara kita mengorak langkah ke hadapan untuk mengukuhkan lagi institusi demokrasi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Suruhanjaya Pilihan Raya, seramai 3.6 juta orang muda berusia 21 tahun ke atas termasuk golongan mahasiswa tidak mendaftar sebagai pemilih untuk menunaikan tanggungjawab mengundi pada Pilihanraya Umum Keempat Belas yang lalu. Malah sehingga 31 Januari 2019, jumlah tersebut telah meningkat kepada empat juta orang. Angka tersebut amatlah membimbangkan kerana ia menggambarkan tidak cakna orang muda tentang sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Pada hari ini, kita akan menggubal Perlembagaan Persekutuan iaitu menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun dan ia akan didaftarkan secara automatik. Pendaftaran pengundi berusia 18 tahun secara automatik dianggap baik kerana dapat mengelakkan seseorang yang baru mempunyai kesedaran untuk mengundi pada pilihan raya daripada terlepas berbuat demikian kerana tidak mendaftar. Pada masa yang sama, ia menjimatkan tenaga kerja dan perbelanjaan SPR serta parti politik yang selama ini terpaksa turun padang untuk mendaftarkan pemilih. Kita sedar untuk melaksanakan pendaftaran secara automatik bukanlah semudah seperti mana yang kita hendak bercakap dan ia perlu ada penyelarasan antara agensi-agensinya yang terlibat.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan sudah memulakan penelitian terhadap pendaftaran secara automatik ini? Adakah kerajaan berhasrat untuk memulakan pendaftaran automatik tersebut kepada rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas yang tidak mendaftar sebagai pemilih pada Pilihanraya Umum Keempat Belas yang lalu?

Tuan Yang di-Pertua, pada 22 Mei 2018, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengumumkan syarat lebih ketat untuk menukar alamat kad pengenalan, pemohon perlu mengemukakan syarat permastautinan seperti bil utiliti, resit atau perjanjian sewa rumah berkuat kuasa 2 Mei 2019. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah syarat yang diperkenalkan tersebut dapat menyelesaikan isu kesamaran dalam Rang Daftar Pemilih? Apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mengenal pasti pendaftaran yang meragukan sama ada terlalu ramai pengundi pada alamat yang sama atau pengundi yang bukan mendiami alamat tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 95 peratus negara di dunia ini telah melaksanakan undi berumur 18 tahun. Malah ada yang lebih muda iaitu 17 tahun di Indonesia misalnya, umur mengundi mereka adalah 17 tahun. Di bawah Akta Usia Dewasa 1971 [Akta 21] menetapkan umur dewasa adalah 18 tahun dan mereka boleh menggunakan hak mereka untuk mendapat pinjaman kewangan, lesen memandu, lesen perniagaan, memasuki kontrak dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa umur 18 tahun sudah pun diiktiraf sebagai dewasa dan mempunyai hak yang sama dengan orang dewasa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya tidak ada diskriminasi yang jelas kepada guru-guru yang terlibat dengan politik asalkan mereka dapat menjaga tatasusila. Guru-guru yang menyokong pembangkang disisihkan, diberikan amaran dan sebagainya. Begitu juga dengan para pelajar. Saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kerajaan, bagaimana suasana di sekolah apabila kita membenarkan politik di dalam sekolah? Apakah akan ditetapkan polisi di sekolah-sekolah?

Saya berharap pihak kerajaan memberi jaminan yang jelas tentang keadaan di sekolah selepas ini.

Selain daripada itu, jika para pelajar secara terbuka menyokong parti pembangkang, apakah akan berlaku tekanan kepada pelajar-pelajar ini? Adakah akan ada diskriminasi kepada mereka yang menyokong pembangkang apabila mereka ingin masuk ke universiti-universiti dan sebagainya? Mereka juga memerlukan pinjaman PTPTN, mereka juga memerlukan pinjaman MARA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi dengan tujuan-tujuan untuk mengekang pergerakan aktiviti pelajar-pelajar universiti. Akta Universiti dan Kolej Universiti walaupun ia telah dipinda, tetapi masih lagi bersifat kekangan. Apakah pihak kerajaan bersetuju kalau akta-akta seperti AUKU dan seangkatan dengannya dihapuskan? Bagi membenarkan proses demokrasi ini dan benar-benar dapat diambil bahagian oleh anak-anak muda yang bakal menjadi pengundi.

Jika dilihat pada negara seperti Australia, New Zealand, Kanada, India, Thailand malah Indonesia, mereka telah menerapkan pendidikan politik melalui subjek tertentu kepada semua aliran sekolah menengah dan pengajian tinggi. Pelaksanaannya dilihat dengan memberi impak positif terhadap kefahaman rakyat mereka mengenai demokrasi dan pilihan raya di negara-negara yang terlibat. Adakah pihak kerajaan akan melaksanakan pendidikan politik melalui subjek tertentu kepada semua aliran sekolah menengah dan pengajian tinggi di negara ini? Seperti yang dilaksanakan oleh negara-negara lain bagi menjamin proses demokrasi yang lebih progresif.

Akhir sekali, saya bersetuju dengan cadangan pindaan Perlembagaan ini. Saya berharap pihak kerajaan meneliti dengan secara teliti kebimbangan-kebimbangan yang saya sebutkan tadi terutama di sekolah. Semoga niat murni yang ingin dilakukan oleh kerajaan dapat mengukuhkan lagi institusi demokrasi di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

Sekarang saya menjemput pula peserta nombor empat, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin. Dipersilakan.

**12.27 tgh.**

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan mengenai pindaan Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Awalnya mengambil kesempatan ini mewakili sebahagian suara daripada rakyat jelata tidak kira golongan muda mahupun dewasa di mana tempat saya sendiri di Sabah-Negeri di Bawah Bayu, kami menyokong penuh nawaitu murni Kerajaan Pakatan Harapan dalam usaha meminda Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana beberapa faktor utama perlu diambil perhatian difahami serta dinilai bersama oleh pelbagai pihak tidak kira fahaman politik sama ada daripada proksi kerajaan mahupun pembangkang, agama, kaum, peringkat umur dan umumnya lapisan masyarakat majmuk di negara ini dalam usaha meningkatkan dan bersama-sama memartabatkan suara anak muda.

Tuntasnya setelah menyaksikan 14 kali pilihan raya umum berlangsung di negara ini, kita hanya melihat golongan umur 21 tahun dan ke atas sahaja yang diberikan mandat untuk memilih wakil rakyat di kawasan masing-masing, sama ada semasa PRU mahupun PRK yang diadakan. Logiknya, dalam usaha meminda Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019, realiti umur 18 tahun ini juga merupakan entiti yang sudah melepasi zaman persekolahan, peringkat sekolah menengah iaitu dengan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia. Sudah boleh memilih hala tuju kehidupan, diberikan peluang pekerjaan tetap, menceburi bidang perniagaan, dikenakan undang-undang berat seperti undang-undang sivil selain mereka ini boleh menjadi antara pemegang saham syarikat-syarikat besar dan sebagainya.

Ringkasnya, kita boleh takrifkan kumpulan umur 18 tahun ini sama taraf dengan golongan umur 21 tahun ke atas yang lebih dewasa. Cuma bezanya di sini adalah jarak umur tiga tahun dan kapasiti yang diperuntukkan dalam Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan untuk layak mengundi, sebelum ini adalah dihadkan kepada umur 21 tahun ke atas sahaja.

**■1230**

Namun demikian, tidak dinafikan isu yang hangat dan menjadi bualan *netizen* dan sering kali dilontarkan oleh segelintir masyarakat adalah tahap kematangan iaitu corak atau pola pemikiran umur 18 tahun untuk membuat pilihan dan membuat sebarang keputusan masih diragui, tetapi isu ini hanyalah persepsi atau andaian semata-mata.

Sebabnya, untuk mengukur kematangan golongan umur 18 tahun, ianya terlalu subjektif. Kembali kepada kenyataan saya sebelum ini, melihat kepada keadaan dan kebebasan iaitu hak-hak mutlak yang diperuntukkan kepada peringkat umur 18 tahun di dalam *survival* kehidupan seharian mereka adalah sama dengan golongan umur 21 tahun ke atas terutamanya dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan mahupun sistem perundangan di negara kita.

Selain itu, kegelisahan dan kerisauan oleh setengah pihak mengenai proses pelaksanaan, bentuk atau cara pendekatan yang akan diaplikasikan untuk memastikan pindaan rang undang-undang Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan ini tidak memudaratkan ataupun menjejaskan sistem demokrasi berperlembagaan negara.

Saya percaya perkara ini dapat diatasi di bawah pimpinan kerajaan yang sedia ada pada hari ini kerana rangka berserta perancangan yang strategik dan kebebasan yang telah diberikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya pastinya memudahkan pelaksanaan mengenai pindaan peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya masyarakat sejagat khususnya negara-negara demokrasi di dunia ini menjadi saksi dan menyaksikan perubahan dilakukan oleh mereka. Tidak timbul isu atau permasalahan yang menggugat keamanan mahupun dalam dan luar negara apabila mereka meminda Perlembagaan negara untuk menurunkan had umur pemilih.

Sedangkan jikalau kita lihat dari sudut sejarah negara-negara serantau, sejarah pentadbiran mereka merupakan peninggalan penjajah terdahulu. Sebagai contoh, negara Indonesia dijajah oleh pihak Belanda, Filipina oleh pihak Sepanyol dan negara Australia telah dijajah oleh pihak British yang mana British juga pernah menjajah negara kita sebelum ini.

Jadi, hasil daripada pengamatan ini, seharusnya tidak menjadi masalah untuk kita turut sama dalam usaha meminda had umur 18 tahun menjadi pemilih disekalikan dengan daftar pemilih secara automatik dan umur untuk menjadi calon diturunkan kepada 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, secara figuranya, peratus tertinggi penduduk di Malaysia pada ketika ini terdiri daripada golongan muda. Tidak bermaksud golongan yang lebih dewasa dipinggirkan. Namun, golongan muda ini perlu didekati dengan suara mereka dimartabatkan. Cadangan atau idea dan cara mereka perlu diselarikan dengan apa-apa polisi dan pembangunan yang ingin dilaksanakan di negara ini demi masa depan pembangunan negara yang lebih maju ke hadapan dan teratur serta masa depan terjamin untuk generasi di masa hadapan.

Pada hakikatnya, anak muda pada hari ini ingin perubahan dalam menyambut baik nawaitu murni Kerajaan Pakatan Harapan apabila meminda had umur mengundi kepada 18 tahun untuk memartabatkan suara anak muda dan seterusnya mengorak langkah dalam menuju ke arah pembaharuan demi negara Malaysia yang lebih maju dan membangun.

Kesimpulannya, sebagai Ahli Dewan yang mulia ini dan juga rakyat tempatan negeri Sabah, sekali lagi saya menyatakan sokongan penuh terhadap pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu had umur 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik serta mengurangkan umur untuk menjadi calon wakil rakyat kepada umur 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup ucapan perbahasan saya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad serta semua barisan Kabinet kerajaan di atas usaha sama dalam menjayakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Tidak dilupakan, kepada semua barisan proksi pembangkang yang bertindak dengan baik untuk proses periksa dan imbang sepanjang proses pindaan perkara Perlembagaan tersebut berlangsung.

Akhir kalam, "*Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh*". Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin. Terima kasih banyak.

Sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair. Dipersilakan, Yang Berhormat.

### 12.36 tgh.

**Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan yang bagi saya adalah cukup penting sebab kita tahu pindaan terhadap Perlembagaan yang merupakan undang-undang tertinggi iaitu *supreme law* di negara kita memerlukan dua pertiga daripada jumlah Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam rang undang-undang ini hanya melibatkan pindaan kepada empat fasal sahaja tetapi implikasinya adalah cukup penting dari segi prinsipnya untuk menyuburkan demokrasi di negara kita. Ini kerana pindaan yang terlibat iaitu Artikel 47, Artikel 119 dan juga Jadual Kelapan untuk negeri-negeri merupakan satu implikasi yang membolehkan masa depan anak muda kita turut berpeluang untuk mengambil bahagian dalam menentukan masa depan negara kita dan juga masa depan mereka sendiri.

Bagi saya, ada dua perkara penting iaitu menurunkan umur minimum pengundi atau untuk menjadi calon kepada 18 tahun.

Kedua, menjadi pengundi secara automatik apabila mencapai ataupun menjelang umur 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, perdebatan hangat telah pun lama berlaku di beberapa buah negara untuk mengurangkan usia pengundian di bawah 21 tahun. Isu kematangan belia umur bawah 21 tahun yang sering dibangkitkan.

Hak mengundi adalah teras demokrasi. Sebelum ini memang di kebanyakan negara, umur layak mengundi ditetapkan pada 21 tahun dan lebih. Mulai tahun 70-an, barulah ada majoriti negara termasuk negara-negara Komanwel telah mula mengurangkan umur kelayakan ke 18 tahun malah 16 tahun pun ada. Ini termaktub dalam perlembagaan-perlembagaan mereka. Ada negara yang mewajibkan mereka mengundi dan ada yang tidak. Pada amnya, negara-negara maju sudah pun lama memberi pengiktirafan kepada warga mereka di bawah umur 21 tahun. Nampaknya, negara kita tidak ketinggalan.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membenarkan belia berusia 18 tahun untuk mengundi dan melayakkan mereka bertanding sebagai calon dalam pilihan raya adalah merupakan satu detik bersejarah bagi negara kita di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Namun, diakui sehingga kini, negara belum sampai ke tahap di mana semua warga yang layak ini diwajibkan mengundi.

Biarpun demikian, demokrasi masih subur di negara kita dan ia harus lebih diperkukuhkan dengan sumbangan dan semangat para belia. Pepatah Melayu menyebut, "*Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara.*" Semuanya memberikan rangsangan dan satu harga mahal atas generasi muda.

### ■1240

Mungkin atas kesedaran ini, Dewan Rakyat telah mendapat undi *super majority* dalam meluluskan pindaan kepada rang undang-undang ini. Ini juga membuktikan dalam hal-hal berkaitan dengan kepentingan bersama Ahli Dewan untuk menunjukkan sikap yang rasional dan matang. Semoga semangat sebegini berterusan untuk kebaikan bersama kerajaan dan pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini negara sekarang akan melonjak ke setapak lagi dalam landskap politik untuk bersama dengan beberapa buah negara maju yang lain di dunia. Ia juga mencerminkan kematangan politik yang ditunjukkan oleh anggota Dewan. Di samping itu, peristiwa ini akan menjadi satu rangsangan bagi warga muda untuk memahami betapa peranan mereka dalam politik negara dihargai. Langkah ini sudah tentu akan mematangkan lagi belia di negara ini. Antara hujah untuk menurunkan usia mengundi kepada 18 tahun, termasuklah rakyat pada zaman internet dan tanpa sempadan sudah pun mencapai kematangan politik melalui media sosial.

Kami yakin mereka yang berumur 18 tahun sudah bersedia dan boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Lagipun usia ini, malah umur 16 tahun pun belia di kebanyakan negara telah mencapai usia kerja.

Dalam konteks negara kita pula, mereka akan layak menjadi calon pilihan raya, memegang jawatan dalam kerajaan dan meraih pendapatan.

Jika ini berlaku, maka undang-undang perlu juga diubah di mana mereka pun layak membayar cukai pendapatan pada usia muda ini. Selalu orang kata orang muda biasanya adalah golongan kritikal pandangannya terhadap kerajaan.

Akan tetapi pada pendapat saya, Kerajaan Pakatan Harapan yang ada pada masa kini tidak memikirkan kepentingan politik semata-mata tetapi memikirkan kepentingan dan masa depan negara kita dan generasi yang akan datang. Jikalau hendak kekalkan sebagai kerajaan secara berterusan, mungkin janganlah buat pindaan ini. Kalau dibuat, ini mungkin faktor yang akan menyebabkan kami menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar. Sebanyak 50 peratus penambahan pengundi, sesuatu yang kita tidak tahu macam mana terjadi esok. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri lebih mementingkan keperluan untuk anak-anak muda terlibat dalam proses mendemokrasikan institusi dalam negara.

Selain dari melayakkan pemuda berusia 18 tahun ke atas untuk bertanding sebagai Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dalam pilihan raya, pendaftaran pengundi pula adalah secara automatik. Tentu sekali parti-parti politik akan cuba menyebarkan pengaruh mereka ke sekolah-sekolah, baik kerajaan, persendirian atau swasta. Kementerian harus awasi perkara ini supaya pelajar tidak dipengaruhi unsur-unsur siasah negatif dan benci-membenci antara kaum dan agama untuk mendekati politik.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Yang Berhormat Senator, boleh mencelah sedikit?

**Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair:** Ya.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dari untuk segi *public education media*. Jadi, tidak dinafikan bahawa *political education* adalah antara faktor terpenting dalam memberi kesedaran kepada rakyat. Namun begitu, rasanya Malaysia masih belum ada undang-undang khusus bagi mengawal pergerakan media pada masa musim pilihan raya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat dan juga ingin mengesyorkan kepada pihak kerajaan agar mewujudkan undang-undang pengamal media bagi memberi liputan adil kepada semua pihak ketika pilihan raya. Juga memberi peluang, bukan sahaja kepada parti pemerintah tetapi juga kepada parti-parti pembangkang untuk menyebarkan hasrat mereka kepada rakyat. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair:** Ya, saya setuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator. Akan tetapi bukan sahaja media yang memainkan peranan yang besar untuk mempengaruhi kaum belia dalam pemikiran politik, sebaliknya daripada bangku sekolah akan bermula. Itulah perenggan *next* yang saya hendak bahas.

Dengan didikan yang sempurna berkaitan dengan kesedaran politik dalam masyarakat pelbagai kaum, diharapkan belia dapat meluaskan pergaulan mereka merentasi kaum dan agama. Ini dapat dicapai jika sekolah kebangsaan menjadi pilihan dan tempat tumpuan semua rakyat negara ini. Pergaulan antara kaum di sekolah boleh membibitkan kesedaran awal tentang pentingnya politik dan perpaduan. Diharapkan calon-calon di pilihan raya nanti merentasi batas kaum dan agama. Calon daripada satu kaum boleh bertanding dan diterima oleh pengundi daripada semua kaum. Jika ini berlaku, negara akan mencipta satu lagi sejarah, di mana perpaduan kaum dapat menjamin kestabilan politik negara.

Kesedaran berpolitik di kalangan pelajar, biarlah kementerian yang menentukan pendekatannya dan bukan parti-parti politik di luar sana. Sebagai persediaan, dicadangkan subjek Sejarah di sekolah merangkumi komponen undang-undang asas Perlembagaan pemerintahan dan politik negara supaya pelajar boleh sahaja dapat bersedia tetapi juga akan memahami sejarah dan dasar-dasar kerajaan dalam mentadbir negara sebelum mereka mencapai usia 18 tahun.

Jika pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan bersama dengan menurunkan usia pengundian hingga 18 tahun, kerajaan meramalkan penambahan 7.8 juta pemilih baharu akan dimasukkan dalam pendaftaran pengundi sehingga tahun 2023. Kerajaan juga menganggarkan bahawa pada tahun 2023, bilangan pengundi akan meningkat kepada lebih daripada 50 peratus kepada sekitar 22.7 juta pemilih, berbanding dengan 14.9 juta pemilih pada Pilihanraya Umum Keempat Belas.



Maka, dicadangkan kawasan pilihan raya juga harus disemak semula supaya setiap kawasan dapat mewakili komposisi pengundi yang lebih seimbang. Sempadan *constituent* yang ada sekarang harus disemak semula. Ini sudah tentu akan melibatkan kos yang tinggi kepada kerajaan.

Namun, pembaharuan harus diteruskan demi kebaikan generasi akan datang dan untuk meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara maju yang mengamalkan demokrasi. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan had umur mengundi dari 21 tahun hingga 18 tahun serta pendaftaran pengundi secara automatik dialu-alukan.

Saya percaya panorama politik negara akan berubah dan semua pihak akan membuat strategi baharu yang lebih mencabar untuk menghadapi PRU Ke-15 nanti. Kami tetap yakin dengan keupayaan belia kita untuk membuat keputusan yang bijak dan rasional dalam memilih pemimpin negara nanti.

Sebelum saya mengundur, sekali lagi saya menegaskan saya menyokong rang undang-undang pindaan had mengundi umur 18 tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, biasa ya.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh.

**12.49 tgh.**

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang berbahas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019. Terlebih dahulu saya ingin memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua agar memberi ruang yang agak lebih luas bagi saya tukar *channel* dari satu bahasa kepada bahasa Inggeris apabila diperlukan. Terima kasih.

■1250

Memandangkan Yang Berhormat Menteri Dato Liew Vui Keong sudah memberi *factual backdrop* and agak *detail*. *It is not necessary for me to deal with the rational for the amendments. I will go straight to the points that I want to say.*

*First, with the automatic registration of voters, we hope that the government will take this opportunity to give more meaningful expression to Schedule Thirteen of the Federal Constitution, and ensure that there is proportional representation in the various Constituency. Also, it is our hope that the problem of gerrymandering would be eradicated which is infected the electoral roll of the country.*

*There is another area that we hope the government will look into, that is bringing back the third vote. We look forward to the time when the Minister of Law will come back to the Dewan to introduce yet another amendment to enable the youths to take part in Local Elections in the Local Council, District Council and City Council. That will be another step forward in the promotion of Parliamentary Democracy in this country.*

Tuan Yang di-Pertua, *the other issue that I want to touch on is on political education...*

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak tegur secara ikhlas. Yang Berhormat Senator selalu dalam bahasa Inggeris. Selalu sangat. Tidak bolehkah kita menggunakan Bahasa Malaysia ataupun buat *preparation* yang awal? Ini kerana ini seolah-olah tidak menghormati Bahasa Malaysia. Saya mohonlah Tuan Yang di-Pertua sebab Yang di-Pertua pun tidak membenarkan ataupun tidak dalam bahasa Inggeris. Saya hendak tahu penjelasan. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cuba Yang Berhormat Senator, sebolehnya dalam Bahasa Malaysia. Cuba seberapa boleh ya.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Saya cuba Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan politik adalah juga mustahak untuk mendidik pengundi-pengundi terutamanya bermula di peringkat sekolah. Kita tahu masa sekarang pilihan pengetua sekolah pun tidak dibuat secara pengundian. Ada baiknya kita memulai mengajar pelajar-pelajar di sekolah menengah terutamanya memilih pengetua sekolah, *prefect* sekolah secara undian *rather than* pelantikan oleh guru.

Kita juga melantik mereka *good governance*, dengan izin. Semalam, on *Tuesday* dalam masa Sesi Soalan Jawab Lisan, ada seorang Yang Berhormat Senator bertanya sama ada 1MDB akan dijadikan mata pelajaran Sejarah. Yang Berhormat Senator dari Johor kemudiannya membuat bantahan, mengikut beliau 1MDB ada *sub judice* kerana perbicaraan terhadap pihak-pihak si tertuduh dalam kes tersebut. Izinkan Tuan Yang di-Pertua, *the subject that was raised has nothing to do with sub judice because irrespective of the outcome of the trial, the questioner is asking whether 1MDB will be taught as a subject.*

*In fact, it is in the Lower House that sub judice was used by the Speaker to stop any question being raised on 1MDB, despite that we have no case at that time.* Ada wajar juga kita ajar murid-murid sejarah berkenaan dengan parti-parti yang ditubuhkan di negara kita. *Why some political parties were strong than and now they are weak.*

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya lihat surat khabar *front page* ada dua bendera, satu atas dan satu di bawah. Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat semua boleh *cam* mana parti politik yang berkaitan. Merupakan satu bendera satu di atas, satu bendera di bawah. Biasanya kalau dua parti itu sama kekuatan benderanya pasti *horizontal* bukan *vertical* satu atas satu bawa [Ketawa]

Apabila saya meneliti gambar dengan lebih jelas, saya pun nampak bulan pun kurang bulat dan malangnya juga kurang terang. Tengok, hujung bendera yang dibawa itu pun berkedut. Saya fikir sama ada perkara ini merupakan satu tanda bulan yang di bawah berasa sedikit malu. Jika bulan tidak terang macam mana lebih Kerusi boleh menang?

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencilahan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator boleh tidak mencelah?

**Tuan Nga Hock Cheh:** Sekejap, saya habis dahulu.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bagi habis dahulu.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *Now, this is the fly end of the flag*, berkedut. Macam satu *couple- we know they are incompatible but they have a marital ideal only to find out very fast it become an ordeal.*

Jadi, sebelum *they fix the marital seal, it is good that they examine the deal and this is the message I want to send to my jiran on my right, and I came back and I find one jiran from PAS and at my back* lagi di blok yang saya duduk ini. Saya ada Yang Berhormat Senator dari UMNO, Yang Berhormat Senator dari BERSATU, Yang Berhormat Senator dari MIC, Yang Berhormat Senator dari PKR dan Yang Berhormat Senator dari MCA.

*I want to congratulate the Speaker for the very visionary seating arrangement that he has given to me and my two juniors here in Dewan Rakyat would be very envious of the unique seating position that I enjoy in this Dewan Negara...*

**Puan Asmak binti Husin:** Boleh sudah?

**Tuan Nga Hock Cheh:** Okey.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. Pertama, tahniah sebab akhirnya boleh juga berucap dalam bahasa Melayu cuma mungkin kena mengambil masa lah. Saya sebenarnya saling belajar dengan Yang Berhormat Senator Tuan Nga saya belajar bahasa Inggeris. Dia belajar Bahasa Melayu.

Berkenaan dengan *education*, dalam sistem pendidikan kita tentang demokrasi, parti politik dan sebagainya saya ingat pengalaman saya sebagai pendidikan memang dalam subjek Sejarah kita, kita sudah ada pendidikan mengenai demokrasi, pembentukan Perlembagaan, parti politik dan sebagainya. Begitu juga pengalaman saya di universiti saya pun mengajar perkara yang sama. Boleh tanyalah bekas VC saya.

Memang kita ada subjek tersebut. Betul tidak? Cerita tentang PAS, UMNO, DAP dan sebagainya. Cuma, apabila pendekatan pengajaran itu tidak berbentuk semasa, satu. Kedua, pengajaran itu tidak berbentuk ilmiah itu yang menjadi masalah dan menyebabkan anak muda tidak boleh terima. Contohnya, macam Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh cerita tadi sebenarnya cara kaedah tersebut bila kita cerita tentang bendera semua, kaedah tersebutlah sebenarnya tidak sesuai untuk dibawa masuk dalam sistem pendidikan kita.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator.

**Puan Asmak binti Husin:** Ini kerana ia dilihat dalam bentuk yang tidak akademik. Macam saya walaupun saya daripada PAS tetapi kita menceritakan secara betul macam mana sejarah DAP daripada perspektif sosialis contohnya. Macam mana pembentukan UMNO dari perspektif nasionalisme. Macam mana perspektif PAS dari sudut pembangunan politik Islam .

Jadi di situ kita memberikan pendekatan ilmiah. Satu lagi ialah mengenai 1MDB. Bagi saya tidak ada masalah kita hendak sentuh dalam subjek politik ataupun subjek berkaitan mengenai 1MDB sebagaimana saya pernah mengajar satu ketika itu satu subjek *Islamic Financial Legal Framework*. Dalam itu ia ada satu *part* yang berkaitan dengan *Criminology of Finance* dan macam mana kita bincang tentang isu-isu di Malaysia. Ketika itu memang timbul kes-kes dan ada dalam buku teks cerita-cerita berkaitan dengan MAS, PEWAJA dan sebagainya.

Kita gunakan pendekatan ilmiah, maknanya dengan merujuk kepada artikel-artikel yang berautoriti. Jadi isunya sekarang ialah apabila subjek ini dibentangkan kepada pelajar bukan dalam sentuhan akademik dan ilmiah dan ada pengaruh kecenderungan politik macam tadi contohnya dia ajar untuk pendekatan yang lebih tinggi sesuai. Akan tetapi kalau untuk pelajar-pelajar yang masih lagi mencari itu yang sebenarnya yang kita perlu akses. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya Yang Berhormat Senator hendak sambung kah? Sebab sudah pukul 1.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Sambung pukul 2.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Hendak sambung kah Yang Berhormat? Sambung pukul 2 ya Yang Berhormat Senator. Jadi sekarang *rest*. Jadi 12.50 tengah hari. Jadi kita berhenti pukul 1 ya.

Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi, kita sudah bagi peluang bercakap tadi dan jam pukul 1 sudah ya dan kita sambungkan ya Yang Berhormat Senator selepas 2.30 petang nanti.

Jadi, Ahli Yang Berhormat yang saya hormati, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh.

2.32 ptg.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada sesi tadi, saya telah mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas susunan duduk bi-partisan di blok saya yang terdiri daripada berbilang kaum dan juga berbilang parti politik. Ada PAS, ada UMNO, ada Bersatu, ada PKR, MCA, MIC, semua. Kita mempunyai mini UN-keluarga. Ini di mana, kadang-kadang mulut berlawan, tetapi hati sentiasa berkawan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tadi saya merujuk kepada surat khabar semalam... *[Menunjukkan senaskhah akhbar]* Ditulis di dalam bahasa Inggeris, maka saya ingin memohon keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua dan telah pun memberikan kebenaran kepada saya menggunakan bahasa Inggeris ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Membolehkan saya memberikan ucapan saya dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, *I pointed out earlier, the two flags- one on the top and one at the bottom*, di mana bulan pun kurang bulat dan kurang terang cahayanya. *So, the headlines read "Pact in the bag". So, now, I am making a surmise and conjecture- could this rather pathetic big flag below be due to the fact that it is being "Packed in the bag" with skeletons that caused this second flag to be unable to fly, as in the top one. Maybe, my friends they want to go back and review the pact before it misused.*

Akhirnya, saya mohon menyokong rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Jangan *very long* lah [Ketawa] Oleh sebab Yang Berhormat Senator ini pandai bercakap.

**2.35 ptg.**

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk ikut serta di dalam perbahasan kita pada hari ini yang saya anggap satu perbahasan yang amat bersejarah di Parlimen ini kerana kita akan meminda Perlembagaan Persekutuan, khususnya di bawah Fasal 119, dan juga Perkara 47 dan ada juga berkenaan dengan menurunkan had umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun serta *automatic registration* pengundi. Dahulu kita hendaklah mendaftar, sekarang kita didaftarkan dan juga menurunkan umur kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat iaitu menjadi calon dalam pilihan raya kepada 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya- bila orang banyak bercakap tentang umur 21 tahun diturunkan dan sudah boleh mengundi, saya ingat sewaktu saya mula turun mengundi adalah dalam pilihan raya Parlimen tahun 1978, saya ingat pada bulan Julai. Waktu itu, saya berumur- sudah ber-*register*, tetapi umur belum genap 23 tahun dan dianggap sebagai pengundi-pengundi muda pada ketika itu.

Jadi, apabila kita hendak turun mengundi, kita ambil slip di pondok panas- parti kita, jadi orang tua dan pekerja-pekerja, pemimpin-pemimpin parti mengingatkan kita apa tujuan kita dalam pilihan raya. Apa tujuan kita mengundi? Itu adalah *basic* yang sepatutnya semua kita sebagai pengundi mengetahui apa tujuan kita mengadakan pilihan raya. Jadi, pesan orang tua-tua di pondok panas, jangan buang undi, baik-baik mengundi. Kalau salah mengundi, salah yang diundi, buruk akibatnya kepada negara kita. Itu yang dipesan oleh orang tua-tua, waktu kita mengambil slip untuk mengundi di pondok panas.

Sebenarnya bila kita mengundi di pilihan raya, kita sebenarnya hendak memilih sebuah kerajaan. Kerajaan yang akan memerintah negara kita untuk tempoh lima tahun yang akan datang. Kalau kita silap pilih, bermakna kita akan silap memilih kerajaan. Silap memilih kerajaan, yang akan menderita- kata orang tua-tua dahulu lah, kata dia, waktu kita pergi mengundi, kita "dibasuh". Istilah politik. Kita "dibasuh" dahulu. Kita dibasuh, katanya, "baik-baik mengundi, salah undi, buruk akibatnya".

Bukan apabila kita memangkah di kertas undi, *nawaitu* kita, memangkah untuk memilih sebuah kerajaan yang terbaik untuk menjaga kebajikan rakyat, menjaga kemakmuran negara, itulah tujuan kita mengundi. Apabila kita memberi mandat di kertas undi, *nawaitu* kita, kita memilih sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk membangun negara kita, untuk menjaga negara kita dan untuk menjaga kepentingan rakyat kita. Bukan pada hari ini sahaja, tetapi untuk anak cucu kita yang akan datang.

■1440

Itu yang diingatkan oleh pekerja-pekerja parti kepada saya sebagai pengundi muda pada ketika itu bila kita hendak turun mengundi. Saya rasa itu satu nasihat yang baik yang saya ingat hingga hari ini, hingga saya menjadi pemimpin-pemimpin di dalam parti saya sendiri pun, saya meneruskan nasihat itu kepada pengundi-pengundi muda bahawa jangan membuang undi sembarangan. Undi itu adalah sesuatu yang amat berguna. Salah undi, buruk akibatnya. Jadi, itulah pesan orang tua dahulu kepada saya, saya menurunkan nasihat itu kepada pengundi-pengundi muda dan saya harap kita menurunkan umur undi pun pesanan itu tetap berharga. Pada saya, tetap berharga.

Itulah sepatutnya kita letakkan nasihat itu kepada pengundi-pengundi muda lebih-lebih lagi mereka yang berumur 18 tahun. Maka, nasihat itu saya rasa adalah amat berguna kepada kita untuk kita menasihatkan pengundi-pengundi yang baharu mahupun pengundi-pengundi yang telah dewasa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah saya nak terus menuju kepada aspek pendaftaran automatik, *automatic registration*. Dahulu, kita mendaftar apabila kita sampai umur 21 tahun kita pergi ke SPR, isi borang, kita mendaftar sebagai pengundi. Sekarang ini kalau pemahaman saya ialah pendaftaran automatik bermakna bahawa adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), tanggungjawab kerajaan untuk terus mendaftar kita. Dalam perkara ini, kalau kita pengundi baharu, ianya bermakna kita terus mendaftar mengikut alamat di dalam kad pengenalan kita. Kita mendaftar mengikut alamat di dalam kad pengenalan kita.

Persoalan di sini ialah, apakah *automatic registration* ini memberi kuasa penuh kepada SPR untuk membuat pendaftaran baharu untuk kita? Misalannya seorang pengundi itu berdaftar di satu kawasan pilihan raya di Sarawak, mengikut alamat IC yang waktu dia mendaftar, alamat lamalah. Kemudian itu bila *election*, dia balik ke Sarawak untuk mengundi.

Akan tetapi bila dia sudah bekerja di Kuala Lumpur misalannya, sudah ada membeli rumah di sini dan sebagainya, dia tukar alamat IC. Adakah SPR akan *review* satu persatu pengundi itu mengikut alamat baharu mereka dan boleh menukarkan tempat mengundi itu daripada kawasan pilihan raya di negeri Sarawak kepada salah satu daripada kawasan pilihan raya di Kuala Lumpur ataupun di Selangor dan sebagainya? Ini satu persoalan yang saya rasa perlu juga dijawab. Adakah SPR akan diberi kuasa untuk *review* ini? Jadi, menukar sistem pengundian ini.

Ataupun mereka tidak mengganggu mana-mana pengundi yang sudah didaftarkan di satu kawasan mengundi mengikut alamat IC mereka yang lama. Walaupun mereka sudah berpindah ke tempat baharu, tukar alamat baharu, SPR tidak mengganggu pendaftaran itu. Ini perlu diperjelaskan di dalam aspek *automatic registration* ini. Kalau tidak, akan menimbulkan persoalan-persoalan selanjutnya.

Dalam hal ini juga, bila disebut sebagai *automatic registration*, adakah SPR mempunyai satu kuasa untuk memindah pengundi daripada kawasan ini, dia sudah tukar alamat dalam IC, dia boleh pindah ke tempat-tempat lain? Adakah itu akan berlaku? Kalau itu berlaku, apa kuasa pengundi untuk merayu supaya mereka boleh balik mengundi di tempat yang lama? Saya fikir adakah SPR atau kerajaan akan menubuhkan satu tribunal di mana pengundi-pengundi boleh membuat rayuan kalau pemindahan itu berlaku tanpa keizinan pengundi? Jadi saya rasa perkara ini perlu diperhalusi supaya tidak akan menimbulkan persoalan tentang integriti SPR di dalam perkara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya nak sentuh di sini ialah tentang- mungkin luar daripada konteks pindaan ini tetapi satu perkara yang perlu saya hendak bawakan. Baru-baru ini SPR telah melantik ahli suruhanjaya yang baharu. Kerajaan melantik dan pada saya agak mengecewakan. Kali ini tidak ada ahli yang dilantik daripada Sarawak dan Sabah. Saya rasa sejak penubuhan Malaysia, anggota-anggota SPR ada wakil dari Sarawak dan Sabah. Akan tetapi dalam pelantikan yang baharu ini, saya rasa, saya tak tahulah pasal Sabah tetapi saya rasa di Sarawak tidak ada ahli yang dilantik.

Saya merayu supaya perkara ini dikaji kerana tidak ada orang yang lebih arif, tiada orang yang lebih faham tentang situasi di Sarawak dan di Sabah melainkan orang Sabah dan orang Sarawak sendiri. Saya harap perkara ini dikaji supaya komposisi ahli-ahli SPR melambangkan dan mencerminkan keseluruhan di mana ada wakil Sarawak, ada wakil Sabah, *of course* ada wakil dari Semenanjung Malaysia. Saya tidak fikir bahawa tidak ada personaliti dari Sarawak dan dari Sabah yang tidak ada kepakaran. Mereka juga handal di dalam hal-hal pilihan raya dan sebagainya.

Jadi satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu mengambil banyak masa. Ia adalah tentang kedudukan bila pengundi kita sudah bertambah banyak, sudah tentu kerajaan merasa hendak membuat persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya, ertinya untuk menambahkan Kerusi. Akan tetapi saya rasa untuk hal ini, untuk Sarawak dan Sabah khususnya, kita mempunyai *uniqueness* kita sendiri.

Oleh sebab itulah kalau ada dialog dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak, ada kawasan pilihan raya pengundinya hanya 4000 ke 5000 dibandingkan Kerusi di bandar yang mungkin pengundinya dalam satu Dewan Undangan Negeri sampai 30 ribu ke 40 ribu. Ini mungkin kalau daripada segi *proportion*-nya memanglah tidak seimbang tetapi bagi kita, kita mahu kawasan-kawasan pilihan raya itu misalannya kawasan untuk orang hulu, kawasan untuk masyarakat yang etniknya tertentu sahaja mesti mahu ada perwakilannya duduk di dalam Dewan Undangan Negeri dan sebagainya.

Begitu jugalah saya meminta supaya mengikut semangat MA63, seharusnya suara kita di Parlimen mestilah sekurang-kurangnya satu pertiga daripada kerusi Parlimen di Dewan Rakyat mestilah wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak, begitu jugalah di Dewan Negara ini. Pada permulaannya, di Dewan Negara ini kita ada satu pertiga perwakilan dari Sarawak dan Sabah. Kalau kita lihat komposisi Dewan Negara ini 70 orang ahli, sekurang-kurangnya ada 20 ahli dari Sarawak dan Sabah. Sekarang ini saya rasa tak sampai 10 orang pun. Jadi, perkara ini perlu diberi pertimbangan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah apa yang hendak saya sampaikan di dalam perbahasan ini dan saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ya, silakan Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang.

■1450

2.50 ptg.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat sekalian. Terima kasih kerana memberi laluan untuk saya berbahas berkenaan pindaan rang undang-undang ini, khasnya pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan.

Saya sendiri menyambut baik pindaan ini sebab ini adalah satu sejarah bagi negara kita. Di mana kita telah memberi penghargaan, penghormatan ataupun pengiktirafan kepada anak-anak muda kita untuk menjadi sebahagian daripada proses demokrasi di negara ini. Akan tetapi saya akan bawa- sungguhpun rakan-rakan saya dari Sabah dan Sarawak telah membawa beberapa isu, saya akan terus kepada isu berbangkit yang saya ingin bawa di sini.

Pertama sekali, berkenaan dengan calon berusia 18 tahun ini. Saya ingin juga tahulah, apakah ada kriteria khas untuk mereka jadi calon? Oleh sebab untuk menjadi calon dan menjadi wakil rakyat itu perlulah mempunyai sesuatu kredibiliti ataupun satu tahap di mana mereka ada kemampuan untuk menjadi wakil rakyat dan membawa isu.

Jadi, saya rasa memang tidak salahnya untuk mereka jadi calon tetapi saya rasa perlu ada kriteria khusus untuk memastikan mereka ini ada kemampuan untuk membawa- khasnya apabila menjadi seorang *legislator* ataupun pembuat undang-undang. Jadi, inilah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian lah, adakah kita ada satu proses untuk memastikan mereka ada contohnya, taraf pendidikan tertentu ataupun dari segi ekonomi, adakah mereka mempunyai kemampuan?

Perkara kedua yang saya ingin bawa di sini khasnya, ini sangat penting dan sebenarnya adalah satu isu besar di Sabah iaitu berkenaan dengan pendaftaran secara automatik. Di Sabah, isu ini telah banyak ditimbulkan dan sebenarnya banyak pihak telah menyatakan kebimbangan mereka apabila proses pendaftaran secara automatik ini telah diperkenalkan. Khususnya, ini ada kaitan dengan IC. Kita tahu di Sabah banyak isu ataupun penyertaan di mana selepas laporan RCI yang telah dikeluarkan beberapa tahun yang lalu, telah dengan jelas menyatakan bahawa ada kepincangan di mana nama-nama individu ataupun orang-orang yang tidak sepatutnya mendapat kewarganegaraan ini, mereka telah masuk dalam *database* JPN.

Jadi, ini telah banyak kali disuarakan oleh bukan sahaja wakil rakyat dari Sabah tetapi juga rakyat dan NGO-NGO membangkitkan perkara ini. Akan tetapi setakat ini kita belum dapat melihat bagaimana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ada usaha yang lebih drastik untuk membersihkan *database* JPN ini sebelum ia dijadikan *database* yang akan digunakan oleh SPR kelak, apabila ini sudah terima. Jadi, saya ingin bertanya kepada...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon hendak dapatkan pencerahan sedikit daripada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian.

Saya mendengar isu yang dibangkitkan mengenai pendatang asing tanpa izin, di Sabah terutamanya. Saya mohon pencerahan. Kita ada dua senario, ada kumpulan yang digelar sebagai pendatang asing tanpa izin yang saya percaya mereka ini mempunyai kerakyatan daripada negara jiran kita, sama ada Filipina ataupun Indonesia. Ada juga kelompok yang *stateless*. Barangkali ibu ataupun ayahnya merupakan rakyat daripada negara jiran. Mungkin datang berkahwin dengan penduduk tetap kita kemudian dapat anak tetapi gagal untuk mendaftarkan anak tersebut. Barangkali mungkin berpisah atau ada isu-isu yang lain.

Jadi, apa saranan Yang Berhormat Senator kepada pihak kerajaan? Bagaimana kita hendak mengenal pasti? Barangkali apakah strategi mengasingkan mereka di tempat transit buat waktu ini sesuai ataupun tidak? Ini kerana saya pernah dengar ada perancangan terdahulu untuk mengasing dan *cordoned* mereka buat seketika. Saya mohon pencerahan dan pandangan, terima kasih.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan. Berkenaan dengan isu *stateless* atau orang yang tidak ada dokumen ini, sebenarnya ini adalah satu isu yang berasingan. Berkenaan dengan isu yang telah saya bangkitkan iaitu orang yang mempunyai IC yang sepatutnya tidak layak tetapi ada IC.

Perkara yang berkenaan dengan isu tidak ada dokumen itu sebenarnya saya rasa ada kaitannya dengan proses yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mendaftarkan mereka. Jadi, ada juga saranan daripada rakan-rakan saya di sini, di mana kalau boleh-sebenarnya cara yang terbaik ini adalah untuk membuat pendaftaran semula semua orang Sabah.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya apabila berlaku pendaftaran secara besar terhadap *stateless* yang tidak berdokumen ini, ia akan menyebabkan satu kemasukan jumlah yang besar yang memerlukan proses verifikasi yang jauh lebih *complicated* sebenarnya. Apabila JPN memasukkan dalam senarai mereka, kalau dibuat kemasukan secara besar-besaran itu, maka saya tidak pasti *automatic registration* itu pasti mempunyai kesannya.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih atas komen tersebutlah. Akan tetapi bagi saya proses untuk mendaftarkan orang yang tidak ada dokumen ini sebenarnya isu berlainan. Saya anggap ini sebagai berlainan sebab isu pokoknya adalah kebimbangan rakyat Sabah terhadap orang-orang yang tidak sepatutnya dapat.

Jadi, kalau orang yang belum ada itu tidak menjadi masalah sebab kita boleh melalui satu proses, ada mahkamah dan sebagainya. Ada proses yang sudah saya rasa jelas. Akan tetapi apa yang kami lebih risau ini adalah mereka yang sudah didaftarkan, sudah ada dalam *database* JPN. Ini yang menjadi isu besar dan memang jelas dalam RCI telah menyatakan ada dan jumlahnya bukan sedikit. Jadi, ini yang menjadikan isu ini- orang Sabah amat cemaslah apabila dengar ini sebab kita masih menunggu proses RCI dan *recommendations* daripada RCI ini untuk dilaksanakan. Jadi, saya rasa perlulah ada satu *guidelines* khas untuk Sabah kerana isu ini sangat besar dan ia melibatkan negara punya *security* dan juga kita punya kedaulatan, bagi saya.

Perkara ketiga yang saya ingin bawa di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan dengan- apabila bertambahnya pengundi ini, sudah tentunya kita memerlukan lebih banyak kerusi. Dengan adanya semangat MA63 ataupun *Malaysian Agreement 63* ini yang menjadi teras utama manifesto Pakatan Harapan.

Jadi, saya berpendapat bahawa Jadual 13 dalam kita punya Perlembagaan Persekutuan ini juga berkenaan dengan persempadanan pilihan raya ini juga harus dilihat dari aspek sudut pandang *proportionate representation*, bukan berdasarkan berapa ramai pengundi, jadi mereka lebih banyak itu. Jadi, sebab Sabah akan jadi berada dalam posisi yang tidak- *underdog* lah bagi saya. Tidak akan mendapat kerusi ini.

Jadi, baru-baru ini telah tambah sejumlah 13 buah Kerusi Dewan Undangan Negeri. Jadi, sudah tentunya sudah menjadi masanya kita mahu rujuk semula. Kalau boleh, kita mahu lihat jumlah kerusi ini haruslah juga berpadanan dengan semangat rakan kongsi setara itu.

Sabah dan Sarawak seharusnya mendapatkan sekurang-kurangnya satu pertiga kerusi Parlimen. Jadi, apabila- kalau ada usaha-usaha untuk meminda Perlembagaan, sekurang-kurangnya Sabah serta Sarawak mempunyai posisi, di mana kita menjadi penimbang tara. Jadi, inilah yang saya ingin bawa di sini, Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata tersebut, saya ingin mohon menyokong penuh pindaan ini. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**2.59 ptg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tidak ada? Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana tadi sudi membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri juga kerana dia sudi memanggil kita dan memberi taklimat untuk Ahli Dewan Negara dua-tiga hari lalu tentang kandungan spesifik dalam pindaan sebelum ia akan di bentang hari ini.

■1500

Terima kasih juga kepada pihak SPR yang sudi hadir bersama dalam taklimat tersebut. Perjumpaan itu memanglah Ahli Dewan Negara amat mengalu-alukan. Kita harap taklimat sedemikian ini dapat dilanjutkan dan seterusnya dengan kementerian yang lain sebelum membentangkan rang undang-undang baharu.

Kita juga merasa sangat lega kerana Ahli Dewan Rakyat juga dari pihak pembangkang dan khasnya ahli daripada Gabungan Parti Sarawak, apabila cadangan mereka tentang pendaftaran automatik diterima oleh pihak kerajaan. Seterusnya, di dalam Dewan Rakyat ada dua pertiga juga menyokong rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahulah di dalam negara Asia ini, usia pengundi adalah sekarang sudah diturunkan sebanyak kepada 18 tahun umur pengundi. Hanya Singapura sahaja belum menurunkan kepada 18 tahun kerana ia masih 19 tahun. Di negara Australia dan New Zealand, adalah rendah lagi daripada 18 tahun untuk pengundi dan 18 tahun juga untuk menjadi calon.

Tuan Yang di-Pertua, selepas rang undang-undang ini diluluskan nanti, dapat memberi peluang besar untuk belia didaftarkan secara automatik. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia berumur 21 tahun ke atas tetapi belum mendaftar adalah empat juta orang. Rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun hingga 21 tahun adalah 1.8 juta orang. Secara baharu *automatic registration* nanti, dengan izin, memang kita tidak ada orang yang ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan sedikit. Soalan saya adalah berikut. Satu, adakah belia yang baru mencapai 18 tahun umurnya akan terus didaftarkan menjadi layak mengundi dan layak jadi calon?

Kedua, mungkin dia masih akan menunggu tamatnya masa pembatalan yang akan makan masa selalunya lebih daripada tiga bulan. Bolehkah masa ini dapat dipercepatkan lagi?

Ketiga, adakah cara semakan *cross reference*, dengan izin, dengan juga bersama dengan Pendaftar Negara, Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Jabatan Insolvency dan sebagainya? Keempat, mohon mempercepatkan masa proses permohonan penukaran alamat dan kawasan mengundi selain dari alamat dalam kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah banyak sudah dilontarkan dan dihujahkan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, jadi saya pun cukuplah. Akan tetapi sebelum saya mengundurkan diri, saya akan menyampaikan satu kerat pantun. Pantun ini daripada orang berpengalaman dan berusia lebihnya untuk pengundi baharu. Inilah bunyinya.

*Manis jangan lekas ditelan;  
Pahit jangan lekas dimuntahkan;  
Mati semut kerana manisan;  
Manis itu mungkin bahaya makanan.*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya bukan semata-mata mengikut keputusan Dewan Rakyat tetapi dengan pandangan persendirian selaku Ahli Dewan Negara menyokong penuh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

### 3.05 ptg.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 iaitu DR 21/2019. Salam sejahtera dan salam Malaysia baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong rang undang-undang ini untuk meminda tiga peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan ini. Peruntukan pertama ialah Perkara 47 ini yang membabitkan dengan kelayakan untuk menjadi seorang calon atau menjadi seorang Wakil Rakyat di Dewan Rakyat yang diturunkan dari 21 tahun ke 18 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kelayakan untuk Dewan Negara masih kekal 30 tahun seperti di perenggan (a) pada Perkara 47 ini.



Kedua, ini terbabit dengan Perkara 119(a) di mana kelayakan untuk mengundi ini diturunkan dari 21 tahun ke 18 tahun. Peruntukan yang ketiga yang meminda ini ialah Perkara 119(b), di mana diberikan untuk pendaftaran dengan cara automatik.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sepertimana yang banyak Ahli Yang Berhormat menyatakan, ini satu keputusan yang akan bersejarah kerana kita akan mengubah cara landskap politik kita di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, ini memang langkah yang tepat dan sesuai untuk masa hadapan di mana kita akan melangkah kepada masa depan menjadi sebagai satu negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua sedia maklum juga bahawa masa zaman sekarang, belia lebih awal matang jika dibandingkan dengan pada masa dahulu. Mungkin pada masa kami, kebanyakan kita ini masih menjadi belia. Mereka lebih maju di dalam semua perkara kerana diberi pendedahan awal terhadap maklumat melalui Internet, media elektronik dan media sosial seperti *Facebook*, *YouTube*, *Twitter*, *Instagram* dan lain-lain.

Oleh yang demikian, mereka ini sangat memahami dan tahu keadaan di sekeliling mereka. Mereka pasti mana yang baik, mana yang tidak betul, mana dasar dari parti politik yang baik dan mana mereka tidak suka. Jadi, biarpun mereka 18 tahun, untuk memilih parti politik mana mereka suka atau mana kerajaan mereka hendak pilih tidak sukar.

#### ■1510

Tuan Yang di-Pertua, tambahan juga kita dapati bahawa belia yang berumur 18 tahun sudah menjadi anggota ATM, bomba dan polis. Jadi mereka ini pun muda, hanya 18 tahun tetapi mereka ini memikul tanggungjawab yang berat. Mereka ini seperti di ATM atau PDRM memikul berat tentang keselamatan negara kita dan juga pada kedaulatan negara kita.

Jadi ini yang sesuai kita memberikan hak kepada mereka untuk mengundi dan mengambil satu tanggungjawab untuk memainkan peranan dalam negara kita ini. Seperti mana saya kata tadi, langkah ini yang paling baik dan penting kerana mereka ini sebagai pemimpin yang akan datang dan pewaris negara kita, mereka harus digalakkan untuk mengambil berat semua urusan negara termasuk tanggungjawab untuk memilih pentadbiran atau kerajaan negara yang mana pada pendapat mereka ada yang baik, untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

Tambahan pula langkah ini akan menggalakkan proses demokrasi yang kita amalkan di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini seperti mana telah diutarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Negara sebelum ini, kita dapati hampir 100 negara yang kelayakan mengundi adalah berumur 18 tahun.

Selain daripada negeri maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada, *France*, negara seperti sedang membangun seperti Yaman dan Zimbabwe juga di mana kelayakan undi pun 18 tahun. Selain daripada itu, kita dapati juga di mana beberapa negara seperti Indonesia, Sudan, Timur-Timor iaitu *East Timor*, umur kelayakan adalah 17 tahun.

Jadi ini ialah satu trend kita maju kepada abad ke 21 atau pada akhirnya, ini satu langkah yang baik. Satu perkara yang dengan pindaan ini tidak jelas ialah kalau dengan pendaftaran automatik ini Tuan Yang di-Pertua, apa terjadi pada empat juta rakyat Malaysia yang belum mendaftar undi, yang mereka ini selepas lewat daripada 18 tahun. Ini jumlah yang ramai, empat juta. Jadi kita mesti cari cara bagaimana mereka yang lewat daripada 18 tahun, bagaimana kedudukan mereka sebagai pengundi kerana secara automatik bila umur 18 tahun, mereka ini didaftar sebagai pengundi. Jadi saya harap mungkin Yang Berhormat Menteri nanti boleh jelaskan bagaimana kedudukan mereka yang empat juta orang ini yang belum mendaftar sebagai pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima pakai apa yang diutarakan oleh sahabat saya dari Sabah iaitu Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin dan juga sahabat saya Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang mengenai kebimbangan kami di negeri Sabah ini, kalau dengan pendaftaran automatik, kita bimbang kerana kita banyak isu mengenai IC palsu di negeri Sabah. Jadi ini satu - harapnya kerajaan akan berhati-hati atau SPR bila membuat dan menjalankan pendaftaran automatik ini.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, sudah lupa apa yang hendak cakap itu. Yang akhir Tuan Yang di-Pertua, dengan ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokong.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Oh ya, sokong [*Ketawa*] Okey Tuan Yang di-Pertua kita pendekkan. Tuan Yang di-Pertua memang sesuai dan tepat pada masa ini untuk menurunkan had umur kelayakan mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun memandangkan negara kita hampir mencapai taraf sebagai negara yang maju. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh pindaan peruntukan Perlembagaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita lagi dekat 15 lagi Yang Berhormat Senator yang hendak ucap.

Silakan Yang Berhormat Dr.

### 3.16 ptg.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertuah pada hari ini dapat bersama-sama membahaskan pindaan Perlembagaan yang sangat bersejarah dalam 60 tahun sejarah negara ini iaitu satu pindaan untuk menurunkan had mengundi dari umur 21 tahun ke 18 tahun yang saya rasa ini satu kesempatan terbaik yang diberikan kepada kita di Dewan mulia ini untuk membuat keputusan untuk masa depan negara.

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini sangat penting kerana ia menentukan masa depan negara. Ada tiga perkara yang dinyatakan di sini, satu menurunkan had umur mengundi. Kedua, pendaftaran secara automatik, ketiga usia bertanding untuk calon pilihan raya diturunkan ke 18 tahun berbanding 21 tahun sebelum ini.

Ini bermakna satu peningkatan besar kepada pengundi. Dijangkakan 7.8 juta rakyat Malaysia akan didaftarkan secara mengundi secara automatik di mana 3.4 juta adalah daripada mereka yang berusia 18 tahun. Sementara selebihnya, mereka yang sudah lebih daripada 21 tahun yang masih belum mengundi. Saya rasa automatik ini penting. Saya pernah nyatakan hasrat saya pada Pengerusi SPR satu ketika dulu.

Soalan saya, kenapa tidak boleh daftar secara automatik dan saya kata dekat Tan Sri, saya kata kalau tidak *reti* hendak buat, biar saya tolong dengan teknologi yang ada. Akan tetapi undang-undang ketika itu tidak membenarkan, tetapi *alhamdulillah*, pada hari ini pendaftaran secara automatik ini telah dibenarkan.

Jadi satu peluang yang besar, tidak lah susah-susah hendak berbaris panjang di pejabat pos atau petugas-petugas parti mencari pengundi-pengundi, pergi masuk kampung, naik *flat*, turun *flat* cari pengundi. Oleh sebab kali ini pengundi didaftarkan secara automatik. Cuma kesan pada undi ini ada kesannya. Kesan yang paling besar ialah pertambahan pengundi mendadak di kawasan bandar. Di kawasan luar bandar, jumlah pelajar sekitar 1,000 di satu sekolah. Di kawasan tempat saya berkhidmat, ada dekat 10 buah sekolah baharu. Ada 10 buah sekolah dan banyak lagi kawasan pembangunan baru dan dijangkakan satu-satu kawasan itu akan melambung.

Ada sebahagian DUN di negeri Selangor, jumlah pengundinya 83 ribu satu DUN 83 ribu. Tidak tahu berapa DUN kalau di Sabah, berapa ribu ya. Mungkin 6,000, 8,000, 12 ribu. Satu DUN di negeri Selangor ada kawasan sampai 80 ribu, 70 ribu. Kalau pertambahan ini meningkat, satu DUN mencapai 90 ribu ke 100 ribu dan satu Parlimen mencecah 130 ribu. Jadi ini memberi kesan besar kepada keseimbangan kawasan-kawasan pengundi dan jumlah pengundi. Satu DUN dan Parlimen yang terlalu ramai pengundinya, tetapi kawasan lain yang sedikit. Jadi keberkesanan seorang anggota Dewan Negeri atau Parlimen tidak lagi berkesan sebab kawasannya begitu luas dan padat.

### ■1520

Maklumlah di bandar penduduk tinggal di atas, berbanding di kampung, ia melebar. Ledang tidak ada atas, bukan? Ledang melebar semua, bukan? Tiga ekar, empat ekar satu rumah. Jadi, keberkesanan wakil rakyat di bandar akan menurun kerana kawasan jadi luas. Ini ada kesan kepada persempadanan semula kawasan pilihan raya. Jadi, adakah SPR akan membuat semakan semula ekoran daripada sistem rang undang-undang yang kita luluskan ini di mana pendaftaran secara automatik, lambakan pertambahan yang besar di kawasan bandar?

Kesan kedua ialah, kita maklum keseimbangan kaum di negara ini. Ini Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri sangat berminat. Kita maklum kawasan-kawasan bandar yang penduduknya ramai daripada kaum Cina berbanding kawasan luar bandar yang ramai orang Melayu dan, Tuan Yang di-Pertua, estet tidak ada lagi.

Di Shah Alam tidak ada estet lagi, Tuan Yang di-Pertua. Di Selangor, estet jadi bandar. Jadi, orang-orang India juga tinggal di kawasan bandar.

Kawasan Seputeh umpamanya, kawasan Subang Jaya, pengundi Cinanya ramai berbanding Melayu. Jadi, penambahan pengundi Cina akan meningkat di satu-satu kawasan. Ini melibatkan komposisi kaum jadi tidak seimbang di kawasan-kawasan pilihan raya. Sekali lagi, apakah SPR akan menyemak semula agar komposisi kaum juga diambil kira dalam menentukan kawasan pilihan raya?

Apakah *gerrymandering*, maknanya, *the government will distinct the area* untuk memastikan kemenangan pilihan raya. Apakah *gerrymandering* juga akan digunakan semula dalam penentuan sempadan pilihan raya untuk memastikan kemenangan parti pemerintah atau menyusun kawasan pilihan raya supaya komposisi kaumnya dapat ditentukan?

Seterusnya ialah daftar daripada Jabatan Pendaftaran Negara akan terus ke daftar di SPR. Jadi, SPR terima apa sahaja data daripada JPN. Bukan hanya di Sabah, di kawasan negeri Selangor...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bermakna Yang Berhormat hendak kerajaan mendapatkan bilangan pengundi mengikut kaum, disusun semula?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Disusun semula supaya seimbang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu adalah tempat mereka tinggal. Bagaimana Yang Berhormat?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Itu susunan. Kalau yang lepas, saya dapati *gerrymandering* digunakan, disusun kawasan. Ini yang lepas. Kawasan yang kami menang besar, dikumpulkan setempat. Kawasan yang kami kalah, satu tempat.

Jadi, *gerrymandering* digunakan untuk menyusun daftar kawasan. Apakah ini akan digunakan semula untuk memastikan supaya komposisi kaum itu digunakan? Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pilihan raya pelik. Antara Pekan dengan Kuantan itu jauh tetapi Pekan dihubungkan dengan Kuantan supaya tentera di kawasan Kuantan menyokong Pekan. Jadi, adakah ini akan digunakan balik? Menyusun pengundi mengikut susunan kaum.

Saya hendak kongsi pengalaman saya. Bukan hanya di Sabah tetapi di negeri Selangor, saya pergi di sebuah rumah di Kuala Selangor ketika Pilihanraya Kecil Ijok, satu rumah penuh dengan warga Pakistan tetapi tunjuk IC kepada saya. Saya tengok IC dari mana, dari Sabah. Orang Sabah sudah berhijrah ke Semenanjung. Ini juga akan menjadi pengundi-pengundi di Semenanjung. Bukan hanya kekhawatiran di Sabah, mereka sekarang berada di Semenanjung. Saya tengok orang Pakistan, memang muka Pakistan betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang Pakistan pun.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Pakistan betul tetapi ada IC biru dari Sabah. Jadi, limpahan pemegang IC Sabah ini sudah ada di Semenanjung. Bukan hanya Sabah risau, orang Semenanjung pun risau juga kerana pemegang IC nya juga bukan warganegara dan ini juga berlaku. Apakah cara untuk menyemak pemegang-pemegang IC palsu ini dibuat oleh SPR? Sebab sistemnya secara automatik.

Satu lagi perkara yang saya hendak menunjukkan ialah dalam pengalaman kita yang lepas, sistem pilihan raya yang ada, saya dapati ada yang *queues* sampai tiga jam. Saya masuk mengundi berbaris pukul 9.30 pagi, hampir pukul 12 tengah hari baru keluar. Jadi, adakah SPR dengan lambakan pertambahan jumlah pengundi yang ramai ini akan mengubah sistem pilihan raya? Wajar kah *e-voting* diperkenalkan dalam sistem pilihan raya kita supaya memudahkan sistem pilihan raya?

Atau saya lihat situasi di Indonesia, satu pusat mengundi, 250 orang. Tidak semestinya di kawasan sekolah. Boleh buat depan kedai, bawah pokok, bawah *flat* dan sebagainya. Dalam masa tiga jam, selesai waktu mengundi.

Jadi, ini juga persoalan-persoalan penting yang saya rasa SPR kena ambil tanggungjawab sebab kesan kepada rang undang-undang ini ialah kepada SPR dan SPR bertanggungjawab kepada rang undang-undang ini. Kita di sini luluskan sahaja. Tanggungjawab, *burden* ini kepada SPR dan SPR pastikan ketelusan dalam sistem pilihan raya.

Jadi, itulah pandangan saya. Saya mengalu-alukan kehadiran ramai pengundi daripada anak muda yang diberi kesempatan untuk mengundi dalam pilihan raya akan datang dan saya mengalu-alukan betapa ramainya wakil rakyat muda akan masuk dalam Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Rakyat.

Cuma, saya lihat di Dewan Negara ini agak senior, Tuan Yang di-Pertua. Saya buat *joke* baru-baru ini. Saya kata apabila saya balik ke Dewan Undangan Negeri, saya rasa saya sudah tua. Saya masuk Dewan Negara, saya rasa saya muda sebab ramai yang lebih senior daripada saya [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi *Members of Parliamentary Standing Committee on Ministry of Fisheries and Livestock Bangladesh...* [*Tepuk*] Diketuai oleh Mrs. Kaniz Fatema Ahmed. Kepada Mrs. Kaniz Fatema Ahmed, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Mrs. Kaniz Fatema Ahmed dan delegasinya akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Bangladesh. *Welcome to the Parliament of Malaysia...* [*Tepuk*]

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

### 3.27 ptg.

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Terima kasih kerana memberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

Rang undang-undang ini adalah unik dalam sejarah Dewan Rakyat. Cadangan rang undang-undang dibentangkan pada 4 Julai 2019 tetapi ditarik balik pada 10 Julai 2019 dan dibentangkan semula pada 11 Julai 2019. Diluluskan di Dewan Rakyat dengan 211 undi pada 19 Julai 2019.

Kerajaan berjaya mendapat 95 peratus sokongan kerana sudi terima cadangan daripada pembangkang, menerima dan memasukkan syarat iaitu pendaftaran pengundi secara automatik dan kelayakan menjadi calon pilihan raya.

Yang Berhormat Senator juga diberi dua kali taklimat atas rang undang-undang ini di Dewan Negara. Ini menunjukkan kerajaan berusaha keras untuk memastikan rang undang-undang ini diluluskan juga dengan sebulat suara di Dewan Negara. Jadi, keputusan hari ini terletak di tangan semua rakan yang ada di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada sedikit perasaan bimbang dan ragu terhadap rang undang-undang ini kerana kenaikan mendadak bilangan pengundi. Rang undang-undang ini melibatkan penurunan umur pengundi dari 21 tahun hingga 18 tahun dan juga pendaftaran automatik termasuk mereka yang sudah melebihi umur 21 tahun tetapi belum mendaftar. Dianggarkan jumlah pengundi akan naik secara mendadak dan mencecah 22.7 juta pengundi pada tahun 2023.

### ■1530

Maka, persempadanan semula perlu dipertimbangkan. Adakah kerajaan sudah mengenal pasti daerah serta kawasan yang akan mempunyai bilangan pengundi layak yang melampau?

Kedua, sistem pendaftaran. Sistem pendaftaran sekarang, terutama di antara agensi tidak begitu *linked*, dengan izin, di mana orang yang bekerja dan tinggal di daerah lain boleh pergi mengundi di kawasan lain. Secara amnya, sepatutnya jika seseorang itu telah tinggal di satu tempat lebih dari tiga bulan, dia harus pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengubahkan alamat di dalam IC. Namun, ini tidak berlaku dan masih ada orang yang membiarkan.

Dengan pengalaman saya sendiri di Subang Jaya, saya pernah pergi jalan-jalan jumpa pengundi. Ada jumpa orang yang kata, "*Oh, Dato! You datang dari Kelantan. Eh, saya pun datang dari Kelantan!*" Akan tetapi selepas 10 minit perbualan, *check* Pendaftaran Pengundi, tidak ada nama dia. Saya pun tanya, "*Tuan sudah tinggal di Subang Jaya berapa lama?*" "*20 tahun*". "*Sekarang tidak ada nama di sini. Undi macam mana?*" "*Balik kampung*." Dengan izin, *20 years staying in a place and joined the community, but yet they are not voting there and telling me, "I will support you."* But, where the support comes from when they are not voting there?

So, inilah masalah yang saya rasa jika orang duduk sana 20 tahun pun tidak hendak mengundi di sana lagi. Minta-minta selalu datang pejabat, minta ini, minta itu. Macam mana *ni*? Jika pendaftaran automatik dilaksanakan, kemungkinan akan ada masalah nanti di mana pengundi akan keluar mengundi tetapi alamat masih lagi yang lama walaupun mereka telah lama berpindah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak salah untuk membenarkan golongan berumur 18 tahun mengundi kerana mereka boleh dianggap matang di sisi undang-undang. Mereka bayar cukai jika sudah berpendapatan. Boleh membuat sesetengah keputusan untuk dirinya dan harus berdepan dengan hukuman seperti dewasa sekiranya melanggar undang-undang dan sebagainya.

Justeru itu, adalah wajar mereka diberi peluang untuk menentukan sesiapa yang dipilih untuk menjadi wakil rakyat dan pada masa hadapan menggubal undang-undang yang melibatkan mereka ini. Namun, isu kematangan belia masih timbul. Beberapa bancian dilaksanakan oleh golongan media dan sebagainya. Hasilnya, ada golongan muda yang berpendapat 18 tahun adalah terlalu muda di atas sebab seperti isu politik tidak dibincangkan di sekolah.

Remaja akan lebih mudah terikut kehendak keluarga atau ibu bapa atau mudah dipengaruhi kawan atau guru dan mungkin tidak mampu menganalisis...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencilahan, mohon pencilahan Yang Berhormat Senator Dato'?

**Dato' Ong Chong Swen:** Okey.

**Puan Asmak binti Husin:** Dibenarkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Asmak binti Husin:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada disebutkan tentang pendidikan politik di sekolah penting sebab umurnya 18 tahun. Cuma saya hendak tanya sebab macam saya cerita tadi sebelum kita rehat. Di sekolah ini, memang sudah ada subjek berkaitan dengan Perlembagaan, demokrasi dan sebagainya. Di universiti pun ada pendidikan tersebut. Jadi, sebenarnya apakah yang kita hendak daripada *approach* mendidik politik?

Maknanya, politik yang bagaimana kita hendak perkenalkan kepada anak-anak? Ini disebabkan tadi, apabila Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh cerita fasal pendidikan politik juga, Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh angkat *paper* yang menunjukkan bendera PAS dengan UMNO, adakah ini pendidikan politik yang kita maksudkan?

Kalau begini, saya tentang habis-habisan. Oleh sebab apa? Ini kerana tidak ilmiah, satu. Sumber rujukan juga tidak ilmiah. Jadi, kalau bentuk pendidikan begini, bagaimanakah nanti anak yang kita akan hasilkan?

Jadi, sebenarnya apakah yang dimaksudkan dengan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen? Pendidikan politik yang bagaimana yang patut kita bagi kepada anak-anak kita? Adakah kita hendak mewarisi politik perkauman, politik parti yang tidak matang kepada anak-anak kita? Sekian, terima kasih.

**Dato' Ong Chong Swen:** Sebenarnya, kalau saya cadanglah dalam sekolah, pasti ia ada silibus yang berkenaan Perlembagaan dan semua. Akan tetapi selain daripada itu, pasti ada juga mengenalkan parti-parti yang- *the major party*, dengan izin, yang berada di negara kita. Ini supaya budak-budak itu baru tahu, kalau tidak ada, mereka tidak diperkenalkan semua, parti yang mana. Biarlah kalau 10 parti pun, 20 parti pun, masukkan di dalam sekolah.

Biarkan mereka tahu mana parti yang tubuh pada masa-masa yang membina negara kita, ya. Itu jawapan [*Ketawa*] Okey, saya kena sambunglah, mana pula ini? [*Ketawa*] Saya kata isu kecenderungan boleh menyebabkan golongan muda terkeliru ketika membuat pilihan. Besar kemungkinan membuat keputusan yang tidak matang atau mengikut perasaan semata-mata dan golongan 18 tahun masih bertumpu kepada pelajaran.

Ini sebab kalau diikuti dulu di Barisan Nasional, kalau untuk calon DUN, sekurang-kurangnya kena ada SPM atau Diploma. Calon untuk Parlimen, sekurang-kurangnya *Degree*. Itu yang kita diberitahu kalau hendak cadangan calon. Akan tetapi sekarang kalau 18 tahun, tidak tahulah.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** ...SPM.

**Dato' Ong Chong Swen:** SPM [Ketawa] Okey.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah penting kerajaan menyediakan pendidikan sivik seperti yang dilaksanakan di negara maju seperti Kanada dan sebagainya, di mana pelajar sekolah diberi- yang tadi tanya, diberi pendedahan kepada sistem Parlimen, perundangan, proses pengundian dan sebagainya.

Juga selama ini, kita telah mempraktikkan budaya menghalang pelajar dari melibatkan diri dalam politik. Ini hanya berubah pada tahun lepas apabila Akta Universiti dan Kolej Universiti dipinda untuk membenarkan pelajar universiti kebebasan dalam politik. *Merdeka Center* juga telah melakukan satu bincuan, *survey*, dengan izin, terhadap golongan muda dan mendapati 70 peratus golongan ini tidak berminat dalam politik. Sebanyak 75 peratus berpendapat politik terlalu susah difahami. Keadaan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan pengetahuan pendidikan sivik yang rendah dan masalah pelajar dihalang dari melibatkan diri dalam politik.

Maka, dengan penurunan had umur ini, sistem demokrasi Malaysia terdedah kepada pelbagai kelemahan yang semua harus diselesaikan sebelum PRU yang akan datang. Juga, dengan reformasi pilihan raya, Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya sedang mencadangkan pelbagai undang-undang untuk memastikan proses pilihan raya lebih sistematik, efisien dan sempurna.

Maka, saya harap kerajaan boleh bekerjasama dengan semua pihak berkenaan bagi memastikan pilihan raya yang akan datang adalah telus dan sempurna sepenuhnya. Cadangan-cadangan dari Dewan Rakyat, dari Dewan Negara dan dari NGO harus diambil perhatian dahulu sebelum pelaksanaannya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah ada bangkitkan tetapi saya sokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 dengan penuh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran.

■1540

3.40 ptg.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tahun 2023 ramai Ahli Dewan Rakyat terdiri daripada penyanyi, ahli sukan, siapa lagi? Pelakon yang popular-popular ini oleh sebab pengundi muda 38 juta akan mengundi, mereka akan menyokong idola-idola mereka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Maka sebab itu kita tidak usah risualah. Anak muda kita umur 18 tahun, dia tahu apa hendak pilih. Dato' Ong, kita tidak usah risau. Pendidikan di sekolah mereka akan belajar ini. Sama juga macam kita dulu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak belajar apa pun, sudah tua ini barulah kita tahu ada parti DAP, ada parti Keadilan. Dahulu kita tahu dacing, dacing, dacing ataupun apa itu? Kapal layar, kapal layar, kapal layar, itu sahaja yang kita tahu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kapal layar [Ketawa]

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Akan tetapi tidak usah risau. Di Bangladesh, calon 21 tahun boleh mengundi 18 tahun. Betul Yang Berhormat? Kalau faham angguk, kalau tidak faham... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, tahu kah kita bahawa pengundi ataupun Ahli Dewan Rakyat termuda di *United Kingdom* pada tahun 1667 berumur 13 tahun, Christopher Moore. Kelayakan dia apa Dato'? *Degree*? SPM pun tidak ada, umur 13 tahun. Cuba kita bayangkan 13 tahun telah masuk ke *House of Commons* tetapi diubah pada tahun 1695 kepada 21 tahun balik oleh sebab mungkin bila dilihat, dinilai umur 13 tahun tidak memberi sumbangan kepada negara ataupun masyarakat pada ketika itu.

Seterusnya *United Kingdom* ubah balik dan untuk melayakkan mereka mengundi kekal 18 tahun dan menjadi calon juga 18 tahun. Itu di *United Kingdom*. Jadi kalau kita buat pilihan untuk menurunkan umur ke 18 tahun, kira okey Tuan Yang di-Pertua, kita selari dengan negara maju. Apa yang berlaku di Amerika Syarikat? Saira Blair, umur 18 tahun, studen telah dipilih menjadi Senator pada tahun 2014 tetapi sekarang ini kalau kita lihat risalah yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Amerika telah ubah balik untuk menjadi pemilih 18 tahun tetapi menjadi calon 25 tahun, ini yang berlaku.

Maknanya Amerika telah menilai umur 18 tahun ke 24 tahun ini tidak boleh memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan negara dari segi perbahasan kah, daripada percambahan idea mungkin tidak boleh, maka sebab itu dinaikkan kepada 25 tahun. Akan tetapi kita lihat dalam dokumen yang dibekalkan kepada kita majoriti negara-negara layak mengundi 18 tahun dan layak menjadi calon juga 18 tahun. Akan tetapi kita lihat apa yang berlaku sekarang di negara kita walaupun boleh mengundi 21 tahun, boleh menjadi calon 21 tahun tetapi tidak adapun Ahli Dewan Rakyat yang berumur 21 tahun.

Oleh sebab umur 21 tahun ini masih belum ada pengaruh, masih belum ada kekuatan untuk mencari pengaruh dan juga menaja diri sebagai calon. Calon yang termuda ialah Yang Berhormat Batu, umur 23 tahun, sedang belajar. Sekarang ini dia pun bingung hendak belajar kah atau hendak jadi wakil rakyat, kita pun tidak tahu. Mungkin dia *quit* belajar, dia jadi Wakil Rakyat oleh sebab wakil rakyat elauannya lebih RM16 ribu. Siapa tidak mahu ini? Kalau jadi studen dia tidak dapat apa.

Maka sebab itu saya ucap tahniah kepada kerajaan yang berani membuat rang undang-undang ini untuk menurunkan umur boleh mengundi ataupun jadi pengundi dan juga jadi calon kepada 18 tahun. Dari segi pendidikan kita tidak usah risau, *in syaa Allah* rakyat kita akan belajar secara sendiri dan akan memilih parti-parti yang mereka sukai.

Tuan Yang di-Pertua, ada falsafah kata, "*Money is not everything, but everything needs money*". Pengundi-pengundi kita ini umur 18 tahun kalau disuruh mengundi, hendak kena bergerak dari satu tempat ke satu tempat mana ada duit? Baru lepas SPM, 18 tahun duduk dalam matrikulasi *class* ataupun duduk dalam *Lower 6* ataupun *Upper 6*. Mana mereka ada duit? Macam mana mereka hendak pergi tempat mengundi?

Maka sebab itu saya ingin menyarankan kepada kerajaan, kalau hendak suruh mereka mengundi sediakan elaun mengundi untuk mereka. Kalau tidak boleh mereka sahaja, semua orang yang pergi mengundi sediakan elaun, itu akan menggalakkan mereka untuk pergi mengundi. Terbukti sekarang ini walaupun 21 tahun banyak yang miskin, banyak yang tidak ada duit, memang tidak akan pergi keluar mengundi Tuan Yang di-Pertua. Setuju Tuan Yang di-Pertua? Maka sebab itu saya cadangkan kepada kerajaan untuk memikirkan *mechanism* cara mengundi. Kalau hendak jimatkan kewangan buat e-undi. Mungkin dari rumah, mana-mana pun kita boleh mengundi Tuan Yang di-Pertua.

Kedudukan sekarang Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita buat pilihan raya pada tahun 2023 dengan Kerusi- 222 Kerusi, kadar satu kerusi akan menjaga sebanyak lebih kurang 90 ribu pengundi. Akan tetapi saya ingin mencadangkan sekiranya pilihan raya diadakan pada tahun 2023 dengan bilangan pengundi 2.7 juta orang saya cadangkan supaya bilangan kerusi di tambah kepada 400 Kerusi dan kadarnya satu Kerusi akan mengandungi lebih kurang 22,700 pengundi. Tuan Yang di-Pertua setuju dengan saya Tuan Yang di-Pertua? Jadi kita boleh ada ramai Wakil Rakyat di dalam Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya setuju tidak berapa guna, Yang Berhormat Menteri kena setuju [*Ketawa*]

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tidak, saya halakan ke Tuan Yang di-Pertua kenen kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada, dia dengar itu. *In syaa Allah* dia kena tukar Dewan Rakyat, ubah pergi Putrajaya untuk buat 400 kerusi. Sekarang ini 222 Kerusi sahaja tidak muat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, Yang Berhormat.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Maka sebab itu saya cadangkanlah dua perkara, tambah kerusi dan kedua tambah elaun untuk pengundi. Kalau hendak suruh belia mengundi dan kalau tidak boleh buat e-undi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambah kerusi Dewan Negara?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Dia automatik. Dia ikut kadar. Kalau 222 Kerusi, 70 Kerusi Dewan Negara. Kalau 400 kerusi sekurang-kurangnya 120...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** ...Kita tambah ini. Cuma umur tadi kita sudah katakan kita turunkan kepada 30 tahun ataupun 25 tahun sebagai Senator Dewan Negara. Dengan sedikit pencerahan yang saya beri mudah-mudahan diberi pertimbangan oleh Yang Berhormat Menteri. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang menurunkan umur pengundi kepada 18 tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

**3.48 ptg.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana telah memberi keizinan untuk saya turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

Kita sedia maklum bahawa dalam RUU ini adalah khusus untuk menurunkan had umur daripada 21 tahun ke 18 tahun. Ini kerana kita tahu dekat negara kita pun apabila seseorang itu berumur 18 tahun dikira sebagai dewasa. Maknanya tanggungjawab membuat keputusan dan sebagainya diberikan kepada umur 18 tahun. Maka saya menyokonglah dengan adanya pindaan RUU ini.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan yang diusulkan agar daftar pemilih yang layak mengundi secara automatik bila mana individu ini mencapai umur 18 tahun, SPR dan kerajaan perlu pastikan juga sistem data individu pemilih dengan pangkalan data JPN, yakni Jabatan Pendaftaran Negara benar-benar boleh mencapai tahap kebolehpercayaan 99 peratus, sekurang-kurangnya. Oleh sebab tadi ramai rakan-rakan Senator kita juga mengutarakan tentang IC palsu kemudian isu RCI, *stateless* dan sebagainya.

Maka saya perlu menegaskan bahawa implikasi pendaftaran secara automatik ini perlu digandingkan dengan keupayaan JPN bagi membendung kegiatan sindiket pemalsuan kewarganegaraan dan didaftarkan sebagai pengundi hantu.

■1550

Ini sebab kita tak nak nanti kalau dahulu masa Barisan Nasional menang macam-macam, 40 ribu orang pengundi hantu masuk. Akan tetapi bila Barisan Nasional kalah, tak ada pula pengundi hantunya. So, kita nak pastikan bahawa apabila adanya pindaan Perlembagaan ini, bukan sahaja SPR perlu bersiap sedia, tetapi JPN juga perlu memainkan peranan yang sangat penting. Ini sebab kita tak nak SPR bersiap sedia, tetapi JPN dari segi dia punya kredibiliti dan sebagainya, tak boleh dipercayai dan akhirnya, ia akan menjadi satu impak yang negatif apabila dijadikan polemik semasa pilihan raya.

Maka, sebagai langkah kawalan dan keselamatan, SPR dan JPN perlu mempunyai kerangka pangkalan data warganegara yang lebih sempurna dan amat sahah agar isu pengundi hantu tidak menjadi isu yang boleh disensasikan dan dipolemikkan bagi parti-parti politik negara.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri. Pertama, sejauh manakah persediaan SPR dan JPN agar integrasi maklumat data pemilih yang mencapai umur 18 tahun di perkasa dan ditingkatkan keselamatannya.

Kedua, sejauh manakah SPR menangani isu-isu protes daftar pemilih oleh pemegang taruh di setiap bahagian pilihan raya agar ia tidak mendatangkan kemudaratan dan menjejaskan proses pemurnian reformasi demokrasi di Malaysia. Ini sebab kita tahu apabila adanya- kalau sekarang ini secara kebiasaannya apabila ada pendaftaran baharu, SPR akan mempamerkan senarai-senarai nama pengundi.

Akan tetapi, saya tak pasti apakah mekanisme yang akan dilaksanakan oleh SPR sekarang tentang isu-isu daftar pemilih ini. Ini sebab kadang-kadang kita di dalam IC alamatnya lain, tetapi kadang-kadang kita mendaftar di tempat lain. Nama alamat, alamat IC dan alamat pengundian adalah dua alamat yang berbeza. Maka mungkin SPR akan mempamerkan, tetapi akan ada protes-protes daripada parti politik dan sebagainya. Bagaimanakah pihak SPR hendak menyelaraskan perkara-perkara seperti ini supaya ianya tidak berlaku?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya menjadi pembahas yang ke-17 ini, saya rasa ramai sudah banyak menyentuh tentang segala-galanya. Cuma saya ingin hendak merekodkan dan menekankan tentang isu pendidikan.



Ini sebab saya rasa banyak isu yang lain tentang menambah sempadan kawasan pilihan raya, saya rasa amat kritikal apabila penambahan pengundi dan sebagainya telah disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang lain.

Akan tetapi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi mengatakan bahawa dari segi aspek pendidikan itu amat penting apabila kita meminda Perlembagaan ini. Ini kerana kita meminda Perlembagaan ini mengambil kira tentang persekitaran negara-negara luar. Maknanya, Malaysia satu-satunya negara yang belum menurunkan umur dari 21 tahun ke 18 tahun. Akan tetapi, kita juga perlu lihat tentang dari segi aspek sosial kita, sama ada dari segi pendidikan, adakah rakyat kita sudah bersedia ataupun tidak.

Akan tetapi saya menyokong usaha untuk pindaan ini, tetapi dalam masa yang sama, pendidikan juga harus diberi bukan sahaja dalam bentuk akademik. Tadi Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin kata dari segi akademik dan dari segi ilmiah. Akan tetapi kita juga perlu memberi penekanan, pendedahan dan juga pendidikan kepada pengundi khususnya kepada orang muda dari aspek yang berbeza. Maknanya dibenarkan contohnya, *open discussion* dalam TV. Maknanya tidaklah *open discussion* itu hanya untuk pelajar-pelajar di universiti, tetapi sekarang ini perlu digalakkan perdebatan contohnya secara demokratik di kalangan pelajar sekolah.

Saya memang dimaklumkan bahawa SPR telah pun menerusi Akademi Pilihan Raya telah memperkenalkan Program Pendidikan Pengundi mulai tahun 2017. Namun, ia dilihat tidak menyeluruh apabila hanya melibatkan segelintir pelajar sahaja. Misalnya sehingga Oktober 2018, sebanyak 102 Program Pendidikan Pengundi telah berjaya diadakan dengan penyertaan seramai 31,355 orang pelajar yang berumur di antara 18 tahun hingga 26 tahun.

Selain itu, 23 buah MRSM dengan jumlah penyertaan seramai 3,873 orang pelajar telah mengikuti program ini. Jika dibandingkan dengan jumlah 31 ribu ini dengan jumlah penambahan pengundi lebih kurang dalam empat juta ini sangat jauh nisbahnya.

Maka kita minta kalau boleh dan saya juga mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, bagaimanakah sekurang-kurangnya kerangka ataupun gambaran- mungkin sebab rang undang-undang ini baru diluluskan, kemungkinan belum ada satu kerangka yang cukup jelas, tetapi sekurang-kurangnya boleh diterangkan dalam Dewan yang mulia ini, bagaimanakah sekurang-kurangnya kerajaan bercadang ataupun merancang untuk memberi pendidikan bukan sahaja dalam bentuk ilmiah, dalam bentuk sekolah, pendidikan akademik tetapi bagaimanakah untuk membentuk masyarakat generasi muda ke arah pemikiran politik matang.

Maknanya bukan mengundi berdasarkan emosi dan berdasarkan media sosial, tetapi berdasarkan tentang apa yang kerajaan ataupun parti-parti politik yang bertanding pada pilihan raya itu akan beri ataupun membantu membangunkan negara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang pindaan Perlembagaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

### **3.56 ptg.**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan, khasnya perkara 47(b), untuk menurunkan had umur menjadi calon dan juga menjadi seorang pengundi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong sepenuhnya ke atas pindaan tersebut yang menurunkan umur 21 tahun ke 18 tahun. Begitu juga, maka mengikut susulan daripada pindaan yang dicadangkan untuk definisi "*pemuda*" yang terbaru yang diluluskan oleh Dewan Negara ini iaitu dalam lingkungan 15 tahun ke 30 tahun, maka hal ini juga saya rasa dapat mencetuskan atau memprovokasi Dewan Negara kita untuk memikir sama ada kerajaan ataupun Dewan Negara yang mulia ini bersedia untuk turut seperti yang saya bangkitkan sebelum ini, untuk menurunkan umur kelayakan seseorang itu dilantik ataupun dengan reformasi Dewan Negara dipilih pada masa hadapan untuk menjadi seorang Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat sedikit kajian pada lapan negara iaitu di Kanada, had umur kelayakan adalah umur 30 tahun sebagai seorang Senator; di Perancis adalah 24 tahun; di Indonesia adalah 21 tahun; di Mexico adalah 25 tahun; dan di Australia, Jerman, *Spain* dan *United Kingdom*, untuk menjadi seorang Senator adalah berumur 18 tahun sahaja. Itu sedikit kajian daripada saya. Saya harap mungkin perkara ini dibangkitkan boleh mencetuskan satu perbincangan ataupun perkara ini diperhalusi oleh kementerian atau kerajaan di mana Dewan yang mulia ini juga sebagai institusi legislatif yang tertinggi di negara kita, dapat disertai oleh golongan muda dan di mana kita memberi suara mereka atau memberi peluang kepada mereka untuk menyertai dalam proses Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap ada juga undang-undang yang berkaitan harus juga diubah. Saya telah memeriksa satu akta iaitu Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018. Had umur untuk menjadi seorang Pesuruhjaya Sumpah masih dikekalkan pada umur 21 tahun. Saya harap kalau seorang itu boleh dipilih menjadi wakil rakyat pada usia 18 tahun, maka dia berhak juga dilantik sebagai seorang Pesuruhjaya Sumpah pada umur 18 tahun. Itu mungkin boleh dikaji semula, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan, kepada semua khususnya pada 16 Julai di mana Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat yang hadir iaitu seramai 211 orang yang telah mencipta sejarah dan menyokong pindaan Perlembagaan tersebut. Saya harap di Dewan yang mulia ini nanti kita dapat sokongan yang sepenuhnya daripada kalian semua. Itu sahaja daripada saya, saya mohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum berbahas, jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ini sudah bahas berkenaan topik tersebut, tak payah bahas lagilah.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop.

■1600

4.00 ptg.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Anak ayam sedang berlari;  
Sambil berlari dengan Mak Siti;  
Walaupun ada kebimbangan di hati;  
TokAabah tetap sokong RUU ini [Ketawa]*

**Puan Asmak binti Husin:** Tok Abah bimbang.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Sebab kebimbangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu sahaja sebab yang lain-lain sudah disebut oleh sahabat-sahabat. Ia berkait dengan penggunaan data daripada JPN.

Setakat inilah, dalam semua taklimat yang diberi dan juga yang kita dengar, Daftar Pemilih yang akan digunakan oleh SPR nanti ialah Daftar Pemilih yang dirujuk ataupun diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Jika yang ini betul, merujuk kepada Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78], dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990, berdasarkan Peraturan 15 iaitu, "*Setiap seorang yang memiliki Kad Pengenalan dan bertukar tempat kediaman ke satu tempat yang seseorang itu tinggal selama tempoh 90 hari atau lebih, hendaklah ia membuat gantian penukaran alamat kepada Kad Pengenalan tersebut*".

Jadi, yang ingin saya bertanya ialah jika ada individu membuat penukaran alamat berdasarkan Peraturan 15 ini di JPN, adakah sistem data yang akan digunakan oleh SPR itu juga nanti automatik ditukar? Saya juga difahamkan adalah menjadi satu kesalahan sebenarnya kalau dia tak tukar setelah dia bermastautin 90 hari dekat situ. *Now*, ini adalah isu yang saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat jelaskan dalam ucapan penggulungan nanti.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah undi individu-individu yang tidak siaman, yang kurang waras ataupun memiliki masalah mental akan dikira? Ini kerana saya percaya mereka yang ada masalah ini, yang menjadi pesakit di Tanjung Rambutan ataupun di Hospital Tampoi, senarai nama mereka juga akan disenaraikan juga sebagai pengundi. Ini kerana selepas pindaan ini, semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas adalah tersenarai dalam senarai daftar pemilih dan boleh mengundi.

Jika undi ini dikira, bagaimana pula prosesnya SPR untuk mengenal pasti individu-individu yang berkenaan?

Satu lagi isu ialah undi pos. Sekarang ini pun kita ada masalah untuk membezakan- sebab tentera dia ada kad pengenalan tentera. Kemudian bila dia bersara, dia dapat kad pengenalan awam. Jadi, kita juga ada isu bagaimana hendak mengenal pasti ataupun hendak menyelesaikan masalah kad pengenalan yang seperti ini.

Jadi, kalau dilihat, banyak persoalan-persoalan yang dibangkitkan ini ada kaitan banyak dengan struktur yang ada di Jabatan Pendaftaran Negara dan setakat ini kita belum lagi mendengar apa-apa penjelasan ataupun *update*, dengan izin, daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Yang terakhir yang saya hendak bangkitkan di sini ialah apakah jaminan daripada kerajaan sekiranya sistem data automatik daftar pemilih ini yang akan digunakan oleh SPR nanti akan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa agar ia selaras atau, dengan izin, *synchronize* dengan data di JPN?

Adakah kedua-dua agensi ini akan menggunakan *cloud* yang sama untuk berkongsi data-data tentang individu yang bertukar alamat, yang berpindah kawasan, yang telah meninggal, semuanya ini dan lain-lain? Ia untuk memastikan data yang kita guna pakai itu 100 peratus boleh dipercayai tanpa akan menimbulkan masalah atau keraguan pada masa-masa akan datang.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah SPR masih akan meneruskan prosedur yang sepertimana diamalkan sekarang, iaitu di mana setiap tiga bulan, SPR akan mempamerkan Daftar Pemilih Tambahan untuk dibuat semakan kepada Daftar Pemilih Induk? Saya sangat-sangat berharap Yang Berhormat Menteri dalam ucapan penggulungan nanti dapat memperjelaskan dan memaklumkan kepada kita tentang isu-isu yang berbangkit ini.

Sebagai rumusan perbahasan ini, dengan semangat pindaan ini, saya berharap golongan muda akan mengambil peluang untuk lebih matang dan bijak di dalam politik negara dan mengundi dengan penuh tanggungjawab. Dengan itu, saya bersetuju dengan kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*Demokrasi masih hidup di Malaysia, dikuatkan dengan tenaga dan akal fikiran anak muda*"...

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Boleh begitu? [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Silakan, Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying.

#### 4.06 ptg.

**Puan Lim Hui Ying:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberikan untuk menyertai perbahasan rang undang-undang ini.

Pada 10 Disember 1971, saudara Yang Berhormat Lim Kit Siang, ketika itu Ahli Parlimen Bandar Melaka, dalam ucapan penangguhan beliau dalam Dewan Rakyat telah menggesa kerajaan untuk menurunkan had umur pengundi kepada 18 tahun.

Empat puluh tahun- tahun selepas itu, pada 16 Julai 2019, Dewan Rakyat dengan sebulat suaranya telah menyokong pindaan Perlembagaan bagi tujuan tersebut. Kedua-dua Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang telah menyetujui perbezaan politik masing-masing bagi melaksanakan satu perkara yang membawa kebaikan kepada rakyat Malaysia. Syabas saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat.

Dalam pada itu, saya berpendapat kita juga harus mengiktiraf visi saudara Yang Berhormat Lim Kit Siang yang begitu ke hadapan ketika itu untuk menyetujui suatu usul yang akhirnya mendapat penerimaan kedua-dua pihak selepas 48 tahun. Terdapat pelbagai pihak yang menyatakan kebimbangan tentang kematangan belia berumur 18 tahun untuk mengundi menentukan masa depan negara.

Pelbagai hujah telah pun dikemukakan untuk menyanggah pandangan sempit sedemikian. Saya tidak ingin lagi mengulangi hujah-hujah tersebut. Malah pada tahun 1971 lagi, Ahli Parlimen Bandar Melaka telah berhujah; "*Seseorang itu patut diberi hak mengundi dan kata putus bagaimana kehidupannya dan bagaimana negara ini ditadbir di peringkat umur di mana masyarakat menjangka mereka menggagas tanggungjawab sosial sebagai orang dewasa.*"

Tuan Yang di-Pertua, namun, saya berasa kekhawatiran yang munasabah ialah bagaimana kita boleh membuka pentas penyertaan politik kepada belia setelah sekian lama mereka dinafikan hak tersebut. Pada hari ini, masyarakat memandang serong politik seakan-akan ia benda yang tidak baik dan kita tidak patut mendedahkan anak muda kepada politik. Kadangkala kita tidak boleh menyalahkan mereka yang mempunyai persepsi sebegini apabila sekian lama politik tanah air dicemari dengan politik perkauman, rasuah dan salah guna kuasa.

Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan di sini bahawa penyelesaian kepada politik yang buruk ini bukannya pengasingan daripada politik tetapi kita perlu ada politik baharu yang bersifat membina, berintegriti serta merangkumi nilai-nilai progresif seperti demokrasi, keadilan dan persaudaraan.

Dalam aspek ini, kerajaan perlu memikirkan mekanisme untuk memperkenalkan semula politik baharu ini kepada masyarakat kita termasuk anak-anak di bangku sekolah lagi. Kebimbangan umum bahawa anak-anak tidak patut didedahkan kepada politik ialah sebab mereka berpandangan politik itu kotor. Jika politik itu ialah tentang urus tadbir baik, unsur-unsur keadilan, demokrasi dan kelestarian, maka saya yakin pengenalan politik waima di bangku sekolah bukan suatu perkara yang negatif.

#### ■1610

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan jadual pelaksanaan ketiga-tiga pindaan tersebut. Adakah ketiga-tiga ini akan dilaksanakan serentak ataupun pendaftaran pengundi berumur 18 tahun sudah pun boleh bermula sementara menunggu sistem pendaftaran automatik disiapkan?

Saya berharap pihak kerajaan akan memberikan satu pelan tempoh masa yang jelas kerana perkara ini berpotensi menjejaskan pilihan raya yang akan datang. Semua parti politik perlu diberi maklumat awal dan pelan yang munasabah untuk membuat persiapan masing-masing. Akhir sekali, saya juga ingin mengesyorkan agar pindaan turut dibuat bagi menurunkan had umur keahlian Dewan yang mulia ini. Kita telah pun membahaskan rang undang-undang berkaitan belia yang begitu penting dalam minggu ini yang telah pun diluluskan.

Maka, jelas hala tuju pentadbiran hari ini ialah pengupayaan belia memberikan suara yang lebih jelas dan platform yang lebih luas kepada belia sebagai penentu dan pembentuk masa depan negara. Justeru, tidak logik jika had umur pengundi serta umur keahlian Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri diturunkan kepada 18 tahun, umur keahlian Dewan yang mulia ini masih kekal dalam kerangka lama. Saya berharap kerajaan akan segera melaksanakan penurunan umur keahlian Dewan Negara kepada 18 tahun bagi memenuhi aspirasi serta dasar semasa negara dan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan jika ada seorang rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun pada tahun 1971 ketika saudara Lim Kit Siang membangkitkan cadangan penurunan umur pengundi, pada hari ini dia sudah pun berumur 66 tahun. Jika kerajaan ketika itu menerima cadangan saudara Lim Kit Siang, maka rakyat Malaysia tersebut sudah pun berpeluang mengundi dalam 11 pilihan raya umum.

Pada minggu lepas, rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan Rakyat telah sepakat tidak mengira fahaman politik bersama-sama membuat suatu keputusan yang sepatutnya telah dibuat setengah abad yang lalu. Walaupun lewat hampir 50 tahun, namun kita boleh berasa bangga kerana undi 18 tahun ini telah pun terlaksana. Kini perhatian ditumpukan ke Dewan yang mulia ini. Saya berharap kita juga akan membuat keputusan yang betul seperti rakan-rakan kita di Dewan Rakyat.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh tambah sedikit?

**Puan Lim Hui Ying:** Nanti, sebentar ya. Lagi satu *sentence* sahaja.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 dan mengalu-alukan para belia Malaysia untuk membawa nafas baharu ke dalam arena politik negara. Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak boleh celah lagi.

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak bolehlah. Tambah sedikit, tambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Setujukah kalau saya kata walaupun Yang Berhormat Lim Kit Siang tidak berjaya membawa undi 18 tahun semasa beliau menjadi Wakil Rakyat tetapi Yang Berhormat Lim Kit Siang boleh meninggalkan pusaka kerana dua orang anaknya berada di dalam Dewan Negara dan juga seorang lagi sebagai Menteri Kewangan. Boleh bersetuju?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua orang dalam Dewan Negara?

**Datuk Razali bin Idris:** Seorang dalam Dewan Negara, Ahli Senator dan seorang lagi sebagai Menteri Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

#### 4.13 ptg.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini. Saya juga bersetuju dengan pindaan umur mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun dan pindaan umur menjadi calon 21 tahun ke 18 tahun serta pendaftaran secara automatik.

Akan tetapi saya ada satu, dua isu mengenai pendaftaran secara automatik sebab dikatakan pendaftaran secara automatik untuk orang yang berumur 18 tahun. Saya mahu tahu bagaimana orang yang lebih dari 18 tahun sekarang iaitu 19 dan 20 tahun yang belum mendaftar mengikut peraturan sekarang? Juga diberitahu yang berumur 21 tahun dan belum mendaftar menjadi pengundi ialah hampir empat juta. Itulah angka yang diberi.

Jadi, bagaimana kumpulan ini? Adakah mereka juga didaftarkan secara automatik atau mereka mesti mendaftar diri mengikut peraturan yang sekarang? Ini yang saya mahu penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Ini disebabkan kalau mereka yang berumur 21 tahun ke atas yang belum mendaftar menjadi pengundi, kalau dia boleh berdaftar secara automatik, tidak perlu dia memohon menjadi pengundi. So, senang juga. Jadi pada pendapat saya, kalau yang umur 21 tahun ke atas boleh juga mendaftar secara automatik senang untuk mereka yang empat juta ini, satu.

Kedua, mengikut taklimat diberi dalam dua kali itu, tempat mengundi mengikut alamat dalam kad pengenalan (IC). So, saya hendak bertanya, bolehkah dia diberi pilihan di mana dia mahu jadi pengundi? Saya bertanya begini sebab di Sarawak khususnya, kebanyakan orang duduk di bandar tetapi asal dari luar bandar. Apabila dia mengundi, dia mahu balik ke luar bandar atau ke kampung atau rumah panjang. Jadi, yang berasal dari rumah panjang atau kampung, saya bercadang dia patut diberi pilihan di mana dia mahu mengundi. Oleh sebab asalnya, *rootnya* memang di luar bandar. Satu lagi, pada pendapat saya yang pendaftaran automatik ini dipakai untuk pilihan Parlimen dan mungkin di satu-satu negeri tidak memakai pindaan ini. Oleh sebab mungkin ia punya aturan sekarang seseorang itu tidak boleh menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri sebelum berumur 21 tahun. So, berdasarkan itu saya cadangkan kerajaan mungkin mahu mengkaji dan menyelaraskan ini dengan kerajaan negeri yang berlainan dari Kerajaan Pusat dalam umur yang bila dia boleh mengundi atau tidak.

Tadi rakan saya ada mengatakan umur yang boleh menjadi Ahli Dewan Negara di sini. Akan tetapi kita harus ingat, sistem kita di Dewan Negara ini adalah mengikut *House of Lords* di England, bukan secara Senat-senat di negara-negara lain. Jadi, mungkin had umur menjadi Ahli Dewan Negara ini tidak sama, tidak boleh dibandingkan negara-negara yang Senatnya terpilih. Mungkin kita kajikan sebelum kita mencadangkan turunkan umur seseorang menjadi Ahli Dewan Negara. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Silakan.

#### ■1620

#### 4.20 ptg.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Robbil'amin, wassalatu wassalamuala asrafil ambiyaa iwal mursalin, wa'ala alihii wasahbihi ajma'in.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk ikut serta dalam perbahasan pindaan Perlembagaan pada kali ini. Memandangkan apa yang saya hendak sebut ini sudah disebut oleh sahabat-sahabat sebelum ini jadi saya akan mengambil masa sedikit sahaja.

Pertama ialah berkenaan dengan hidup bernegara merupakan satu tanggungjawab besar dan kewajipan besar untuk didukung oleh rakyat. *Alhamdulillah* di Malaysia kita dapat hidup bernegara dengan begitu baik dan kita bersyukur kepada Allah keamanan negara kita dipelihara oleh Allah sampailah ke hari ini. Dalam menunaikan tanggungjawab hidup bernegara ini, memilih pemimpin adalah merupakan satu tanggungjawab yang besar. Di mana pemimpin merupakan penentu kepada nasib dan juga masa depan negara dan juga generasi atau rakyat negara itu.

Baik buruk negara itu sangat bergantung kepada pemimpin negara dan pemimpin negara itu ditentukan oleh para pemilihnya. Oleh yang demikian Nabi Muhammad SAW memberi amaran keras kepada orang-orang yang menjadi pemimpin melalui satu sabdanya... [*Membaca sepotong Hadis*] Antaranya maksud hadis, iaitu orang yang paling teruk diazab, orang yang paling teruk menanggung azab di hari kiamat nanti ialah pemimpin yang menyeleweng. Ini sekali gus memberi amaran kepada para pemilih supaya jangan memilih pemimpin yang menyeleweng dan suatu kesalahan yang besar memilih pemimpin menyeleweng yang merosak dan mengkhianati amanah negara.

Saya menyokong penuh pendidikan politik di negara kita ini supaya ia dibina dengan baik dan mempunyai kurikulum yang baik supaya pemimpin dan rakyat negara ini benar-benar mematuhi bukan saja undang-undang negara tetapi sekali gus agama rasmi negara ini. Secara umumnya kita mempunyai dua undang-undang, yang pertama undang-undang yang tertinggi sekali ialah undang-undang Allah SWT, undang-undang universal yang mesti dipatuhi oleh semua insan yang menjadi penduduk dan pengguna alam ini dan yang kedua ialah undang-undang negara.

Oleh kerana pemilihan pemimpin ini suatu pemilihan yang besar dan suatu kewajipan besar rakyat jadi saya ingin tahu dan ingin bertanya kepada kerajaan status mengundi itu sendiri. Adakah ia bersifat sukarela ataupun suatu kewajipan. Kalau ia bersifat sukarela jadi terpulanglah hendak keluar mengundi kah, tidak keluar tidak ada masalah. Akan tetapi kalau ia suatu kewajipan negara, jadi apakah ia tidak ada suatu undang-undang yang mewajibkan atau menuntut supaya rakyat keluar mengundi. Kalau tidak keluar mesti ada satu hukuman ataupun satu tindakan yang dilakukan terhadap orang-orang yang cuai dan tidak bertanggungjawab terhadap negara.

Saya difahamkan di Thailand bahawa para pengundi yang tidak keluar mengundi ataupun tidak bertanggungjawab terhadap tanggungjawab mengundi ini ada satu tindakan daripada pihak kerajaan yang menyebabkan mereka diberinya satu hukuman ataupun tindakan yang menyebabkan mereka itu misalnya tidak boleh minta, tidak diberi peluang pekerjaan ataupun sebagainya di bidang-bidang tertentu. Saya rasa di negara kita pun boleh kita fikirilah bagaimana orang-orang yang tidak bertanggungjawab dalam pilihan raya ini diberi satu hukuman ataupun diberikan apa saja yang dikira munasabah supaya dengan hukuman itu mereka berasa bertanggungjawab, supaya mereka keluar mengundi sebagai rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, suatu kemalangan besar yang berlaku di negara kita ialah apabila politik dipisahkan daripada agama. Akibat daripada itu, maka politik dianggap sebagai suatu yang kotor, suatu yang cemar dan akhir sekali politik berlaku tanpa agama dan orang yang hidup dalam dunia politik seolah-olah tidak beragama.

Ini suatu kemalangan yang besar sedangkan negara kita telah meletakkan Islam sebagai agama rasmi atau Agama Persekutuan, yang sepatutnya segala tindakan negara atau apa dasar-dasar negara ataupun apa saja prinsip yang hendak dilaksanakan di negara itu jangan bercanggah dengan Perlembagaan ini termasuklah juga budaya pilihan raya. Saya mengira budaya pilihan raya di negara kita ini masih lagi tidak sihat dan banyak penyakit-penyakit yang perlu diubati.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya mengkaji kanser atau penyakit-penyakit yang berbahaya yang berlaku dalam budaya pilihan raya ini dan supaya ia dapat diubati dan tidak dibiarkan ia menjadi satu malapetaka dan ia berbahaya kepada perpaduan negara pada masa-masa yang akan datang. Saya berharap semoga kebaikan yang ada dalam sistem pilihan raya di negara kita ini dikekalkan, segala kebaikan yang sedia ada dan yang kedua ialah kita cuba kembangkan lagi sebagaimana yang kita bincang pada hari ini semoga sistem pilihan raya dan sistem demokrasi di negara kita ini dapat dihayati dengan baik.

Ketiga kita mesti berusaha bersungguh-sungguh membuang segala kelemahan dan keburukan yang berlaku dalam sistem pilihan raya ini. Kita harap pilihan raya kita mematuhi syariat dan mematuhi undang-undang negara dan jangan menghalalkan perkara yang diharamkan oleh undang-undang negara dan juga oleh agama itu sendiri. Bukan saja agama Islam tetapi juga agama-agama yang lain dan saya harap pihak kerajaan jangan sama sekali menyetepikan peranan agama itu sendiri kerana manusia tanpa agama tidak akan boleh dikawal oleh undang-undang.

Undang-undang tidak mampu mengawal manusia, hanya agama boleh mengawalinya. *Inshaa Allah* jika seseorang itu mematuhi agama masing-masing sama ada Islam ataupun bukan Islam, dia akan menjadi orang yang setia kepada negara dan undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, *inshaa Allah* dengan pindaan undang-undang pada kali ini kita harap negara kita menjadi sebuah negara moden yang dapat mendidik rakyat supaya rakyat juga menjadi moden dalam pilihan raya dan juga dalam semua kehidupan. Semoga negara ini menjadi sebuah negara yang baik dan diredai oleh Allah SWT kerana masa depan manusia itu bukan hanya di dunia ini saja.

Saya ingin memesan sebelum saya meninggalkan Dewan ini, semoga kita memikirkan *the last world*, alam yang terakhir iaitu kita semua akan menuju alam yang terakhir ini di mana segala perbuatan termasuklah kegiatan politik dan apa saja yang kita lakukan di dunia ini kita harus ingat di sana ada lagi satu mahkamah yang teragung, mahkamah Allah SWT yang akan menentukan masa depan kita sama ada susah ataupun senang, syurga ataupun neraka.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

#### ■1630

Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana memberi saya laluan. Saya mendengar dengan teliti perbincangan Yang Berhormat Senator dan saya melihat pola agama yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator. Kalau melihat daripada "*Projected Changes in Global Population*", populasi dunia- *Projected* Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2050, orang-orang Kristian yang beragama Kristian daripada 2.1 bilion akan meningkat kepada 2.9 bilion. Orang-orang Islam daripada 1.6 bilion pada tahun 2010, akan meningkat kepada 2.76 bilion pada tahun 2050. Makna kata peningkatan yang cukup mendadak. Bagi orang-orang Hindu, 1 bilion kepada 1.38 bilion.

Apakah Yang Berhormat dengan peningkatan ini, satu hari nanti anak-anak muda kita akan mengundi mengikut agama? Atau satu kajian telah dibuat Yang Berhormat Senator iaitu di Poland, di mana seorang budak berumur 18 tahun telah ditemu duga. Katanya, bila diminta untuk komen, pada masa itu kajian dibuat sama ada 18 tahun layak mengundi, dia menjawab, "*18th years old is not enough for me*", kata dia. "*You may not have completed the first 12 years of education. You have no knowledge of politics. So, you make a bad choice. After all, every vote counts. It could make a different. So it does not seem okay to me that we can vote at 18th years old*". Dia kata, "*... is not okay for me*" dan dia kata, "*If I were given to choose between my favourite singer and the candidate that I do not know, I will choose my favourite singer*".

Maknanya, anak-anak muda 18 tahun ini dia mengikut idola dia. Kalau pada ketika itu, dia melihat contoh kita bagi katalah seorang *favourite singer* di Malaysia, Siti Nurhaliza contohnya. Tiba-tiba bertanding di Kelantan berlawanan dengan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini, Yang Berhormat berucap, berbahas [Ketawa]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya mula sakit tekak Tuan Yang di-Pertua. Sebab sakit tekak saya tidak masuk nama saya tetapi semangat mendengar Yang Berhormat Senator tadi, maka saya bangun. Jadi, saya hendak minta komen Yang Berhormat ustaz, bagaimana kalau ustaz tengok pola yang begini? Apakah anak-anak kita satu hari akan melantik idola sebagai calon-calon pemimpin kita yang akan mencorakkan negara kita ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Suhaimi hendak berucap?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya tidak masuk nama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji sudah habis kah? Hendak jawab juga?

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Memanglah manusia ini mengikut Al-Quran Nul Karim, ada tiga golongan: *minhum zhalimu linafsih*, ada satu golongan orang yang menyalahgunakan dirinya; *waminhum muqtasid*, ada yang sederhana; dan, *waminhum sabiqun bil khairat*, ada yang ke depan dan maju ke hadapan. Jadi, di mana-mana pun tiga golongan ini ada di seluruh dunia ya. Tidak dinafikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi akan berlaku di mana pemilih dalam pilihan raya akan memilih calon-calon yang menurut idolanya.

Walau bagaimanapun, akan ada pemilih-pemilih yang rasional, yang berpegang teguh pada prinsip, sama ada prinsip agama dan budaya, yang akan memilih calon-calon yang benar-benar boleh memimpin negara atau memberi sumbangan kepada negara. Itulah jawapan saya. Saya rasa jawapan yang lebih baik daripada Yang Berhormat Senator sendiri lah.

Kita harap dalam negara kita ini akan lahir pemilih-pemilih yang berwibawa dan bijaksana kerana memang kita dididik daripada awal lagi untuk memilih pemimpin-pemimpin yang baik dan bijaksana demi kepentingan negara. Sifat manusia ya, sifat semula jadi manusia ini di mana pun atau agama apa-apa pun, dia sentiasa cinta kepada kebaikan dan benci kepada keburukan. Cuma, yang berbeza ialah dalam penentuan kebaikan dan keburukan itulah yang berbeza.

Kita harap dengan lulusnya pindaan ini, kita harap sistem pilihan raya di negara kita atau sistem demokrasi di negara kita ini benar-benar mematuhi Perlembagaan negara kita khususnya Perlembagaan yang menyebut Islam sebagai agama rasmi dan juga agama-agama lain akan boleh diamalkan. *Inshaa Allah*, jika semua rakyat mendapat pendidikan politik yang baik dan politik ini jangan dipisahkan dari agama.

Kita mengalami suatu pemikiran yang sangat berbahaya, di mana politik dipisahkan dalam agama dan politik di-*secular*-kan. Maka lahirlah budaya-budaya yang tidak sihat, penyakit-penyakit yang berbahaya dalam sistem politik negara kita ini. Kita harap penyakit-penyakit ini akan dapat diubati melalui pendidikan-pendidikan yang disebut dalam ucapan-ucapan Yang Berhormat Senator sebelum saya. So, itu sahaja lah apa yang saya dapat sebut kerana yang lain-lain itu sudah disebut oleh sahabat-sahabat kita. *Wallahuaklam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Usul Yang Berhormat.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.37 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai di bahas dan diputuskan DR21/2019 Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 seperti yang tertera sebagai No. 1 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 29 Julai 2019.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Seorang yang menyokong.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung perbahasan.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**4.38 ptg.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri ruang kepada saya untuk terlibat di dalam perbahasan pindaan Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, kita tengok ada empat pindaan Perlembagaan Persekutuan iaitu yang paling penting adalah menurunkan umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat Senator, sambung.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu kebanggaan bagi kita rakyat Malaysia dan juga saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Rakyat kerana mereka telah 100 peratus mengundi berkenaan dengan pindaan Perlembagaan ini. Penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun ini bagi saya kita telah memberi ruang yang baharu dan juga telah mengiktiraf anak muda ini untuk terlibat di dalam proses penggubalan dan juga pembuat dasar dalam negara. Sebelum ini kita melihat bahawa anak muda ini kita ketepikan khususnya di dalam menceburi politik dan juga untuk terlibat secara langsung di dalam politik.

■1640

Akan tetapi, maksud saya bukan apabila kita menurunkan tempoh umur mengundi ini, kita mahu anak muda ini untuk bergerak 100 peratus di dalam politik. Akan tetapi yang paling penting bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah penglibatan anak muda ini di dalam politik. Mereka terlibat sama di dalam dasar dan pembangunan negara. Kita tidak mahu seperti dahulu, anak muda ini hanya digunakan apabila kempen pilihan raya adalah hanya untuk memasang bendera ataupun membuat kerja-kerja yang bukan kerja-kerja strategik di dalam untuk memenangi pilihan raya tersebut tetapi mereka hanya melakukan kerja-kerja di lapangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya apabila tempoh had umur mengundi diturunkan, peranan pihak khususnya Kementerian Pendidikan harus menerapkan satu sistem ataupun mewujudkan satu sukatan pelajaran yang baharu dengan memasukkan pembelajaran seperti mengajar Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan hak asasi manusia, berkenaan dengan apa itu demokrasi, berkenaan dengan rukun negara dan sebagainya. Ini kerana di peringkat sekolah menengah, saya lihat, pembelajaran tidak diajar- khususnya daripada Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5. Ini kerana pelajar-pelajar yang Tingkatan 3 tahun ini, mereka akan mengundi pada PRU Ke-15 akan datang. Jadi, peranan ini kita harus ambil daripada sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan penurunan had umur ini juga, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya had umur di Dewan Negara ini pun diturunkan juga bersesuaian dan juga seiringan dengan penurunan had umur belia dan juga had umur untuk mengundi ini. Ini kerana di Dewan Negara ini kita tengok suara anak muda agak kurang disebabkan umur itu minimum 30 tahun. Sebab itu saya pun, saya rasa muda di Dewan Negara ini. Akan tetapi di Dewan Rakyat, saya rasa tua sedikit. Disebabkan umur itu kita tetapkan 30 tahun. Jadi, saya cadangkan kepada kerajaan supaya boleh juga meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan had umur Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menurunkan tempoh atau had umur daripada 21 tahun kepada 18 tahun ini, kita harus melihat dalam satu skop yang besar. Itu secara kerangka yang besar secara holistik. Kita tidak perlu melihat hanya untuk politik sahaja. Apabila mereka layak mengundi, maksud mereka hanya terlibat dalam politik sahaja.

Akan tetapi, kita harus melihat apabila penurunan umur ini, kita mesti menekankan kepada anak muda ini untuk mereka berjaya dalam sukan, sebagai contoh. Ini kerana kita tengok negara-negara Eropah, Amerika Syarikat sejak 1970-an, mereka sudah turunkan tempoh mengundi. Di Amerika Latin seperti dalam *handout* yang kita dapat, sejak 1980-an, mereka menurunkan tempoh umur layak mengundi ini. Maka itu, kita tengok mereka sangat cemerlang dan berjaya di dalam sukan ini.

Kita tengok dalam *World Cup*, sebagai contoh. Mereka umur 17 tahun, mereka sudah main profesional. Umur 20 tahun ini mereka sudah main *World Cup* di peringkat antarabangsa. Akan tetapi bagi kita di Malaysia ini, untuk menjadi pemain profesional dalam sukan baik bola sepak dan sebagainya, umur 21 tahun ke atas. Ini kerana kita lambat menurunkan had umur layak mengundi ini.

Kita juga tengok dari segi keusahawanan, Tuan Yang di-Pertua. Bila menurunkan ini, kita harus melihat bagaimana kita memberi pendedahan kepada anak muda ini untuk mereka bergiat aktif ataupun terlibat secara langsung di dalam keusahawanan. Kita mahu anak-anak muda ini di peringkat awal, selepas mereka habis sahaja universiti, mereka boleh mengurus perniagaan dan mungkin mereka menjadi CEO dan sebagainya.

Begitu juga di peringkat kepimpinan. Apabila kita menurunkan ini, kita tidak mahu mempergunakan anak muda ini. Kita tidak mahu apabila kita menubuhkan kelab belia ataupun persatuan belia ini, tetapi pihak parti politik baik kerajaan mahupun pembangkang menggunakan belia-belia ini untuk kepentingan politik mereka. Akan tetapi, kita mahu kerajaan mesti mengeluarkan satu dasar ataupun membuat satu perancangan secara holistik bagaimana untuk memajukan anak muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan Persekutuan ini juga apabila melayakkan umur 18 tahun mengundi ini, saya rasa persempadanan semula sistem kawasan pilihan raya itu harus juga diambil kira. Ini kerana kita tahu, seperti yang Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, ramai tadi, apabila penurunan had umur kepada 18 tahun ini, jumlah pengundi akan bertambah. Dan kita tengok khususnya di bandar-bandar ini, selepas persempadanan semula baru-baru ini sebelum PRU Ke-14, secara demografinya dan juga secara komposisi kaum itu memang tidak adil. Kalau tengok di bandar ataupun di luar bandar ini, perbezaan pengundi komposisi kaum dan juga keluasan kawasan mengundi dan juga jumlah mengundi itu perlu disemak semula, dan kita tahu untuk membuat persempadanan semula ini memerlukan pindaan Perlembagaan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Menteri juga mahu untuk meminda Perlembagaan supaya kita dapat membuat persempadanan semula supaya suara wakil rakyat itu benar-benar mewakili suara rakyat Malaysia? Ini kerana sesetengah tempat seperti Putrajaya, jumlah pengundinya kalau dibandingkan dengan PJ Utara itu sangat jauh beza dia. PJ Utara 160 ribu tetapi Putrajaya hanya 8,000 sahaja. Akan tetapi wakil mereka di Dewan Rakyat hanya seorang sahaja. Ini bagi saya tidak menggambarkan suara rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran automatik ini memang sangat baik. Akan tetapi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pendaftaran automatik ini apabila dilaksanakan, mengikut kriteria yang bagaimana? Ini kerana ada orang yang memang tidak berminat untuk mengundi dan bila tidak berminat, maka mereka tidak mendaftar untuk mengundi sebagai pemilih.

Akan tetapi, apabila kerajaan melaksanakan sistem automatik sebagai pemilih, maka nama mereka itu boleh mengundi tetapi mereka tidak mahu mengundi. Jadi, kita tidak mahu ada orang yang menggunakan pengundi-pengundi yang tidak mahu mengundi ini mengambil kesempatan di atas nama mereka. Memang ada yang berlaku seperti yang lepas-lepas, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang meninggal tetapi mengundi. Ada yang tidak pergi mengundi tetapi nama mereka pergi mengundi.

Jadi, saya cadangkan kepada kerajaan khususnya kepada pengundi automatik yang 18 tahun ke atas ataupun yang tidak pernah mengundi, yang tidak pernah mendaftar sebagai pengundi supaya mereka boleh mengundi tetapi untuk mengesahkan mereka itu boleh mengundi ataupun tidak, pemilih sendiri mesti membuat pengesahan mereka mengundi di mana.

**■1650**

Mungkin alamat mereka di Sarawak tetapi mereka tinggal di Semenanjung Malaysia ataupun mereka tinggal di Semenanjung Malaysia tetapi mereka tinggal di Sabah dan Sarawak sebagai contoh dan mereka tinggal di sana sudah lama, sudah *permanent* di sana. Akan tetapi mereka didaftarkan di Semenanjung Malaysia.

Jadi, adakah pihak kerajaan juga mahu mereka balik ke tempat mengundi yang telah didaftarkan melalui sistem automatik tadi? Maka itu, saya mencadangkan supaya mereka membuat pengesahan. Walaupun nama mereka itu ada di dalam daftar pemilih tetapi mereka tidak boleh mengundi sekiranya mereka tidak membuat pengesahan di mana mereka boleh mengundi.

Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan Perlembagaan ini untuk memberi peluang kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya anak muda. Kepada anak muda, saya cadangkan inilah peluang anak muda untuk terlibat di dalam pembangunan negara. Kita tidak mahu anak muda ini dikontrol ataupun dikuasai oleh orang yang terlampau dewasa sebelum ini.

Sebelum ini banyak kita tengok, baik dalam politik ataupun persatuan walaupun itu persatuan muda, kelab muda tetapi yang memegang jawatan di dalam kelab-kelab tersebut ataupun persatuan tersebut adalah yang berumur lebih daripada 30 tahun.

Jadi, saya menyokong dan juga saya menyarankan sekali lagi supaya anak muda, ayuh kita mengambil inisiatif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini untuk kita membina negara kita yang lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, terima kasih.

Dijemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh, dipersilakan.

**4.52 ptg.**

**Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan 2019 iaitu menurunkan had umur pengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun.

Saya berharap kawan-kawan saya Senator bersabar sedikit sebab kami akan ulangi apa yang telah dibincangkan oleh semua ini. *So, please be patient.*

Okey Tuan Yang di-Pertua, had mengundi dalam pilihan raya ialah perkara utama yang harus diberikan perhatian serius oleh kerajaan dan badan yang mengendalikan pilihan raya dalam sebuah negara demokrasi berperwakilan dan dijamin di bawah Perlembagaan.

Perkara 119(1) Perlembagaan Persekutuan menjamin bahawa setiap warganegara yang mencapai umur 21 tahun yang bermastautin dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan adalah berhak mengundi dalam pilihan raya iaitu di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Namun di bawah perkara yang sama, Perlembagaan juga meletakkan sekatan hak mengundi kepada rakyat yang hilang kelayakan seperti termaktub di bawah Perkara 119(3)(a) dan (b). Perlembagaan menetapkan umur 21 tahun sebagai hak kelayakan mengundi bagi mereka yang layak di sisi undang-undang-undang dan negara kita telah pun melalui 14 pilihan raya umum mengikut penetapan tersebut.

Justeru itu, Pakatan Harapan melalui Manifesto PRU-14 berjanji mengkaji dan melakukan reformasi terhadap beberapa perkara utama dalam sistem pilihan raya. Antaranya ialah dalam aspek urusan pilihan raya, perjalanan pilihan raya, termasuk had perbelanjaan kempen, penggunaan dakwat kekal, pengundian pos rakyat luar negara, penyertaan kumpulan pemerhati, pengenalan pasukan penguat kuasa kempen dan peraturan-peraturan kecil yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun sebagai langkah segera, perkara yang perlu dikaji untuk menambahbaikkan ialah berkaitan hak rakyat dalam proses demokrasi untuk memilih wakil dan kerajaan. Paling utama yang perlu dilaksanakan ialah had umur layak mengundi perlu di turunkan dari 21 tahun ke 18 tahun.

Dari sudut kesesuaiannya, antara faktor yang menyokong perlunya diturunkan had umur kelayakan mengundi kepada 18 tahun ialah:

- (i) syarat umur 18 tahun dalam banyak perkara ialah sebagai syarat dasar mengikut penetapan mengikut pelbagai perundangan lain-lain berkuat kuasa di negara ini. *Minimum age* adalah 18 tahun untuk mereka untuk mengendalikan apa-apa benda.
- (ii) belia yang berumur 18 tahun telah tamat persekolahan peringkat SPM sedia untuk masuk ke alam pekerjaan dan menceburi bidang perniagaan ataupun bekerja sebagai persendirian. Maka, mereka yang bekerja untuk mencari pendapatan, memikul tanggungjawab sebagai seorang anggota masyarakat, mereka sudah matang dan boleh mendirikan rumah tangga pun. Maka, sewajarnya mereka diberikan hak mengundi untuk memilih wakil dan menentukan kerajaan.
- (iii) pada umur 18 tahun mereka sudah layak membuat permohonan lesen memandu, lesen perniagaan, memohon pinjaman kewangan, menyertai pasukan keselamatan tentera atau polis dan menyertai apa-apa kontrak dalam perjanjian.

Tanggapan bahawa warganegara bawah 12 tahun dianggap belum matang dan tidak boleh membuat keputusan bijaksana dan rasional tidak boleh diterima. Suasana persekolahan dan persekitaran moden mempengaruhi pemikiran warga muda. Mereka terdedah kepada maklumat yang luas, dipengaruhi media massa dan kemajuan teknologi maklumat. Ini menjadikan mereka kumpulan pintar, matang berfikir, berdikari dan lebih bermaklumat.

Tuan Yang di-Pertua, menurunkan had umur layak mengundi kepada 18 tahun akan memberikan hak mengundi kepada lebih ramai warganegara dewasa. Namun, matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya sekadar membabitkan pindaan had umur kelayakan sahaja. Perkara ini diselesaikan bersama-sama dengan melakukan pindaan kepada kaedah cara pendaftaran dan kaedah mengisi dan menyerahkan borang pendaftaran seperti sekarang kepada sistem pendaftaran secara automatik.

Sistem pendaftaran secara automatik perlu dilaksanakan sebelum PRU-15, ia amat mudah untuk dilaksanakan. Melalui sistem pendaftaran automatik, warganegara yang mencapai umur pada tarikh kelayakan iaitu berpandukan kepada pangkalan data warganegara di Jabatan Pendaftaran Negara, nama dan butir diri boleh dipindah secara automatik menjadi daftar pemilik tambah (DPT-SPR).

Senarai DPT baharu ini hanya diserahkan dari daftar pemilik induk untuk kegunaan dalam pilihan raya setelah daftar ini melepasi proses saringan dan pembersihan yang mengeluarkan nama yang telah hilang kelayakannya di sisi undang-undang. Ini paling penting supaya kita dapat mengeluarkan orang yang tidak dapat mengundi dalam pilihan raya yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, *I just need to* tambah satu perkara di sini ialah saya mohon pihak kementerian mengkaji semula implementasi *database* pengundi-pengundi. Oleh sebab dalam pemilihan yang baru-baru ini kita dapati dalam satu rumah kita dapat 20 ke 30 orang mengundi dalam satu tempat. So, bila masa kita mendaftar automatik mungkin perkara ini akan menjadi lebih merunsingkan kepada kawasan-kawasan yang mengundi itu. Okey, selepas proses saringan dan pembersihan, setiap nama di bawah kategori yang hilang kelayakan diasingkan untuk dikeluarkan sebelum DPT disahkan dan diwartakan.

So, saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini- saya dengan ini menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019. Sekian, terima kasih. *Thank you.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Dipersilakan.

**4.58 ptg.**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada petang ini.

Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada rakan-rakan saya yang telah memberikan pandangan yang cukup baik dengan berbagai-bagai pandangan yang telah diberikan, yang saya sendiri mempelajari idea-idea baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat semasa saya menjadi Naib Canselor UiTM. Ramai juga ibu bapa yang membawa anak-anak mereka masuk ke bilik saya dan saya memerhatikan tingkah laku ibu bapa. Ibu bapa akan memberitahu anak-anak, "*Sudah dibagi peluang masuk universiti ini, sudah dibagi peluang, engkau belajar kuat-kuat, pastikan engkau dapat Degree. Ayah emak ini orang miskin, siapa hendak menjaga adik-adik esok*". "*Sudah dapat Degree, sudah lulus, jadi lah apa engkau hendak jadi, hendak menjadi engineer kah, hendak menjadi lawyer kah, hendak menjadi magistrate kah, bahkan hendak menjadi Menteri, jadi lah emak tidak kisah, janji hidup kamu stable dan menjadi seorang insan yang berguna kepada negara.*"

Saya tidak pernah- hampir 10 tahun menjadi Naib Canselor, tidak pernah saya dengar ibu bapa beritahu anak-anak. "*Anak, masuk universiti besok jangan lupa main politik ya, masuk politik.*" [Ketawa] Saya tidak pernah dengar.

Walau bagaimanapun, saya hendak menyatakan sebagai *introduction* sahaja. Secara peribadi, saya menyokong rang undang-undang ini. Secara peribadi juga saya ingin memberi beberapa pandangan dan contoh untuk membantu pihak kerajaan bagaimana cara untuk kita memperkukuhkan proses ini supaya hasrat kita ini berjaya.

**■1700**

Itu matlamat saya pada petang ini sebab saya rasa kerajaan telah mengambil satu tindakan yang berani, satu tindakan yang telah memberikan satu kepercayaan, *confidence* dan pengiktirafan kepada anak muda. Ia membenarkan walaupun kita tahu banyak kumpulan yang tidak setuju tetapi kerajaan mengatakan kita dengan satu sistem yang baru ini kita hendak bagi kepercayaan kepada anak-anak muda kerana anak-anak muda ini merupakan *the future leaders*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti pindaan rang undang-undang ini yang mengenai penurunan had umur kepada 18 tahun merupakan satu tindakan yang dilihat sebagai progresif dan relevan. Apatah lagi ia telah juga diamalkan dan dilaksanakan di kebanyakan negara di dunia ini.

Namun demikian, sungguhpun cadangan ini baik tetapi pada hikmat saya beberapa faktor perlu dipertimbangkan sebelum ianya dapat dilaksanakan supaya kita dapat fikirkan bersama untuk menjayakan projek ini. Di dalam perbincangan soal penurunan had umur pengundi kepada 18 tahun, sering kali kita mendengar bahawa penurunan had umur mengundi ini akan memberikan impak kepada proses pendemokrasian negara.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan Indeks Demokrasi pada tahun 2017 oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga kelima di peringkat seluruh Asia dan secara keseluruhannya di peringkat global kita berada di kedudukan 59. Secara tidak langsung, meletakkan tahap demokrasi di Malaysia adalah jauh lebih baik berbanding dengan negara-negara yang telah melaksanakan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun seperti Indonesia, kedudukannya di tangga 68; China kedudukan di tangga 139 Thailand di tangga 107; kita 59. Cukup baik.

Justeru itu, ini menunjukkan bahawa penurunan had umur semata-mata perlu mengambil kira aspek-aspek lain kerana demokrasi bukannya hanya melibatkan pilihan raya semata-mata. Ini kerana sekiranya kita hanya melihat pilihan raya sebagai satu-satunya ukuran demokrasi, kita hanya akan melihat demokrasi itu terlaksana hanya lima tahun sekali sahaja.

Justeru, sekiranya penurunan had umur kepada 18 tahun ini diluluskan, pihak kerajaan perlu mempersiapkan generasi muda agar memahami demokrasi bukannya dalam konteks pilihan raya sahaja bahkan ianya perlu melangkaui aspek-aspek lain seperti isu-isu semasa, ekonomi, sosial, politik, Perlembagaan dan peri pentingnya perpaduan di dalam negara ini. Kita berbilang kaum, perpaduan kita mestilah berteraskan kepada sifat keikhlasan, toleransi, tolong-menolong, jangan ada sifat-sifat dengki, marah bahkan menganiayai dan menzalimi kaum-kaum lain. Perpaduan cukup penting.

Maka, khususnya yang saya hendak tekankan pendidikan demokrasi, sivik dan kenegaraan secara sistematik dan serius adalah prasyarat yang mesti diberikan kepada anak-anak muda ini. Saya tahu di peringkat sekolah kita ada kursus sivik kewarganegaraan, saya tahu. Akan tetapi ingin bahkan telah pun saya tekankan dalam Dewan ini beberapa kali, subjek ini diajar umpama 'melepaskan batuk di tangga'. Kita tidak serius. Bahkan guru-guru yang mengajar subjek ini langsung tidak ada pengalaman ataupun kelulusan, hanya mengambil sesiapa sahaja untuk mengajar subjek ini.

Apa yang saya hendak katakan, sebab kita sudah ambil tindakan yang cukup baik, kita betulkan balik, mesti berdasarkan kepada satu struktur yang betul, sistem yang betul supaya anak-anak kita faham kerana mereka ini hendak kita didik terlebih dahulu sebelum mereka mengambil bahagian dalam politik negara di peringkat yang begitu muda.

Di dalam membincangkan aspek penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun ini, satu aspek penting yang harus difikirkan oleh pihak kerajaan adalah mengenai persoalan, sejauh manakah penurunan had umur akan menambahkan jumlah pengundi setelah pindaan ini dilakukan. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan yang telah dikeluarkan seperti yang kita diberitahu oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa seramai lebih kurang empat juta orang muda berusia 21 tahun ke atas masih belum mendaftar.

Justeru, pada hemat saya jumlah individu yang tidak berdaftar sebagai pemilih pada PRU Ke-14 itu adalah satu angka yang besar. Sekiranya had umur pengundi diturunkan kepada 18 tahun, saya percaya ianya mungkin akan menambahkan lagi jurang individu yang layak mengundi tetapi tidak berdaftar sebagai pengundi.

Sungguhpun kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pendaftaran secara automatik, namun saya agak bimbang ia tidak akan mampu menambahkan jumlah *turnout voters* pada pilihan raya yang akan datang dan berikutnya. Bahkan sebaliknya akan menambahkan lagi jumlah pengundi yang layak mengundi tetapi tidak melaksanakan tanggungjawab untuk memilih.

Misalnya, di Romania pada pilihan raya umum tahun 2016 hanya menyaksikan sebanyak 39.8 peratus sahaja daripada jumlah pengundi yang layak turun untuk mengundi, ya 39.8 peratus. Ini sekali gus menjadikan Romania sebagai sebuah kerajaan yang rapuh kerana dibentuk kurang daripada 50 peratus undi oleh rakyat.

Justeru, saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan mengkaji kesan dan impak penurunan had umur kepada jumlah *turnout voters* pada pilihan raya umum? Apakah mekanisme kerajaan untuk mengelakkan negara berdepan dengan masalah yang berlaku di Romania seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan sekali lagi. Di antara langkah yang perlu diambil oleh kerajaan adalah menyediakan golongan muda ini dengan sistem pendidikan kewarganegaraan dan demokrasi bagi mendedahkan mereka kepada amalan demokrasi dan pilihan raya dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

Penekanan kepada perkara ini penting agar mereka mempunyai ilmu berkenaan politik dan memahami dengan lebih jelas sebelum bertindak sebagai pengundi yang matang dan bijak di samping meningkatkan rasa tanggungjawab mereka untuk melaksanakan hak sebagai pengundi, seterusnya menambahkan jumlah keluar mengundi golongan muda. Pendekatan ini turut dilaksanakan oleh negara maju seperti di England. Di England telah mewajibkan para pelajarnya mempelajari mata pelajaran pendidikan kewarganegaraan sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam Kurikulum Kebangsaan 2002. Perkara yang sama juga berlaku di Australia sehingga ia membimbangkan Perdana Menteri Australia pada ketika itu iaitu John Howard sehingga memaksa Kerajaan Australia untuk memperkasakan lagi subjek sivik dan kewarganegaraan.

Selain itu juga saya memohon agar kerajaan mengkaji mekanisme yang digunakan oleh negara Jerman menerusi penubuhan *Federal Agency for Civic Education* yang berperanan sebagai badan bebas, saya tekankan perkataan "bebas" itu, untuk memberikan pendidikan berkaitan aspek politik dan demokrasi tanpa mengambil kira kepentingan dan fahaman politik di dalam memberikan kefahaman kepada rakyat. Badan bebas yang akan ditubuhkan ini akan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan berperanan untuk merangka dan menyelaras aktiviti pendidikan politik kepada rakyat.

Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, pendekatan ini perlu bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang lebih demokratik di masa hadapan. Saya juga ingin mencadangkan penalti dan hukuman seperti yang diamalkan oleh beberapa negara lain...

## ■1710

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sedikit sahaja lagi. Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mengkaji tindakan untuk mengenakan penalti kepada individu-individu yang gagal untuk mengundi sebagai usaha untuk mendidik rakyat supaya menjalankan tanggungjawab mereka.

Di Singapura, individu yang gagal untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi akan hilang kelayakan untuk mengundi pada pilihan raya akan datang, setelah nama mereka disenaraihitamkan sekali gus turut hilang kelayakan untuk bertanding sebagai calon pilihan raya. Namun, sekiranya individu tersebut ingin melayakkan namanya didaftarkan sebagai pengundi yang sah pada pilihan raya berikutnya, beliau perlu mengemukakan permohonan dan bukti kukuh untuk menyokong permohonan terbabit kepada *Singapore Elections Committee*. Sekiranya permohonan tersebut ditolak dan individu tersebut masih ingin didaftarkan juga sebagai pengundi, individu terbabit terpaksa membayar denda berjumlah SGD50.

Seperti di Australia pula, penalti akan dikenakan sebanyak AUD20 hingga AUD55 sekiranya mereka gagal datang untuk mengundi tanpa sebab. Rakyat Australia yang tidak mengundi juga, turut berisiko untuk dikenakan tindakan lesen memandu mereka ditarik balik sekiranya gagal untuk membayar denda yang ditetapkan. Pendaftaran kenderaan dibatalkan dan sekiranya ia berterusan individu terbabit akan dipenjarakan beberapa hari.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran automatik- sedikit lagi. Saya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana bersetuju dengan pembangkang, agar tumpuan juga turut diberikan kepada pendaftaran mengundi secara automatik sebagai satu langkah menjayakan pindaan ini. Namun demikian, saya memohon agar kerajaan dapat memberikan perhatian kepada masalah yang akan timbul sekiranya cadangan ini akan dilaksanakan.

Pertama, isu utama kepada yang akan memberikan masalah kepada pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik adalah, apabila pengundi tidak menukar alamat yang terdapat di MyKad kepada alamat tempat tinggal, terutamanya apabila mereka bertukar tempat bermastautin. Hasil kajian daripada *Harvard University* pada tahun 2002 terhadap pendaftaran automatik di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa, apabila pengundi berpindah ke tempat bermastautin baharu, kebanyakan pengundi tidak memaklumkan perpindahan alamat baharu mereka kepada pihak pendaftaran sehingga mengakibatkan kemas kini daftar pengundi baharu tidak dapat dilaksanakan dan memberikan impak ketika pilihan raya apabila nama mereka tidak terdapat di kawasan yang sepatutnya mereka mengundi.

Kedua, potensi berlakunya manipulasi sistem oleh pihak bertanggungjawab- ini penting. Manipulasi sistem oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menerusi ancaman penggodaman sistem dan *informations warfare* yang akan membawa kepada aktiviti *gerrymandering* yang salah dan haram dan itu cukup berbahaya. *Gerrymandering* akan menimbulkan keadaan taburan pengundi yang tidak sama rata, di mana akan wujudnya perbezaan bilangan pengundi yang ketara antara kawasan pilihan raya, terutamanya apabila sistem pendaftaran automatik akan dilaksanakan.

Maka Tuan Yang di-Pertua, justeru saya memohon agar pihak kerajaan turut melibatkan Ahli-ahli Parlimen pembangkang sebagai ahli jawatankuasa di dalam pelaksanaan sistem pendaftaran pengundi secara automatik agar ia lebih telus dan tidak dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Saya juga tertarik hati dengan rakan saya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob yang mencadangkan apabila terlampau ramai pengundi mungkin kita boleh mengikut sistem Indonesia. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob fasih hal ini.

Rakan saya Yang Berhormat Senator Laksamana mencadangkan mungkin jumlah Dewan Rakyat mungkin bertambah daripada sejumlah 222 buah Kerusi mungkin sejumlah 400 lebih. Benda ini kita kena fikirkan dan mungkin kita menggunakan sistem 'e-undi', kerana terlampau ramai dan mungkin dicadangkan budak-budak 18 tahun dan minat untuk masuk politik menjadi pengundi diberikan elaun.

So, maksudnya perbincangan hari ini saya katakan memang baik, cukup membantu pihak kerajaan untuk mengimplementasikan idea ini. Sekian, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Terima kasih banyak.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Oмарdin, dipersilakan.

**5.15 ptg.**

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Oмарdin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan terima kasih atas keizinan untuk saya turut berbahas Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2019 pada hari yang berbahagia ini.

Pertamanya, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun membentangkan tadi satu pindaan undang-undang yang telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat secara sebulat suara kita boleh katakan, seramai 211 orang Ahli-ahli Dewan Rakyat telah pun mengundi. Ini adalah merupakan satu daripada sejarah yang tercipta dalam negara ini bila mana satu keputusan yang dibuat dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak- kerajaan dan juga pembangkang. Saya percaya, kalau pembangkang tidak bersetuju maka rang undang-undang itu tidak akan dapat dipersetujui.

Jadi, inilah contoh pembangkang yang terbaik yang ditunjukkan dalam negara hari ini. Jadi, selepas ini saya hendak mengingatkan kerajaan, apabila sudah balik nanti menjadi pembangkang dalam PRU yang ke-15 pastikan mencontohi contoh pembangkang sekarang ini. Nanti apabila PRU-15, kita sudah balik menjadi kerajaan, mereka balik menjadi pembangkang, pastikanlah waktu itu menjadi pembangkang yang baik macam pembangkang yang kami buat hari ini. Jadi [*Ketawa*] *Aamiin*-kan Yang Berhormat Senator Datuk Razali, *aamiin*-kan [*Ketawa*] Ini yang terakhir, yang terakhir apa hendak cakap? Kawan-kawan sudah seramai 20 lebih orang bercakap, habis modal semua mereka sudah jala habis-habisan.

Akan tetapi, saya hendak menarik sedikit perhatian Dewan yang berbahagia ini, saya bersetuju- *I don't compare note*, dengan izin, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Apabila disebutkan tadi soal- apabila bukan hanya kita menurunkan jumlah ataupun umur pengundi ke usia 18 tahun, itu menandakan bahawasanya kita sudah bersedia untuk ke arah yang lebih baik dari sistem demokrasi kita. Satu contoh yang boleh kita ambil paling dekat dengan kita ialah pada bulan Mei baru-baru ini bila mana Republik Indonesia, negara jiran kita mengadakan Pemilu mereka. Kita boleh tengok kesan daripada Pemilu itu.

Kawan baik saya sendiri bertanding, Bapak Prabowo Subianto, kawan rapat. Kawan rapat juga Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, kita di rumah dia selalu sebagai Presiden Silat Dunia. Kesannya, daripada Pemilu itu mengakibatkan kita rasa sedih atas apa yang berlaku apabila berlaku demonstrasi, berlaku pertembungan, pertempuran antara pasukan keselamatan dengan rakyat. Walhal mereka telah mengamalkan umur yang mengundi ini pada usia 18 tahun sudah lama. Pada saya, perkara penting selain daripada umur 18 tahun ini, kita memberikan mereka hak sebagai pengundi tetapi yang lebih utamanya ialah dengan izin *to educate them about politics*.

Mereka mesti memahami, siapakah yang mereka hendak pilih dan apakah cara sistem demokrasi yang sebenarnya. Saya hendak mengambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, pada dua minggu yang lepas saya ada mengadakan satu pertemuan dengan anak-anak muda di Parlimen Gombak. Saya menjemput anak muda-sahaja santai. Saya bertanya hati ke hati dengan mereka, apakah pendirian mereka semasa PRU yang lepas?

*Without hesitation*, dengan izin, tanpa rasa malu dan bersalah kepada saya, mereka kata mereka telah mengundi Pakatan Harapan. Mereka ini bukan awal 20-an, bukan lewat 20-an tetapi awal 30-an. Ada di kalangan mereka yang berjaya dalam perniagaan. Saya tanya kenapa membuat pilihan itu? *To my surprised*, dengan izin, mereka kata, kerana mengikut kawan-kawan. Ada kawan-kawan yang kata hendak tukar, *so dia goes for changes*, itu sahaja. *So*, malam itu dia kata Datuk, malam 9 Mei itu kami berhimpun berdekatan dengan Kampung Puah di Parlimen Wangsa Maju, ratusan anak muda.

■1720

Apabila keputusan hampir pukul tiga pagi itu diumumkan Kerajaan Pakatan Harapan menang, mereka bersorak, bersorak kegembiraan. Apabila saya tanya bersorak sebab apa? Kerana *team* yang mereka sokong menang. Itu sahaja. Macam tengok bola, Tuan Yang di-Pertua.



Dia kata bila tengok MU lawan Spurs- saya penyokong tegar Spurs... [Disampuk] Ya, tidak pernah berubah, daripada dahulu. Apabila Spurs menang, kita sokong. Akan tetapi apabila tanya, kenapa sokong? Kita pun tidak tahu sebab apa kita sokong. Hari ini, *alhamdulillah*, mereka kata kami sudah faham politik yang sebenarnya dan kita akan kembali mengundi Barisan Nasional, *in syaa Allah*, dalam PRU Ke-15. [Ketawa] Ini benar. Siapa tidak percaya, boleh ikut saya, tidak ada masalah. Sebab waktu itu mereka tidak faham.

Bermaksud apa yang saya hendak sampaikan di sini, Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang sangat saya kasihi, ialah *having said only eighteen* diberikan hak tetapi haruslah kita *educate* mereka. *Irregardless* mereka undi siapa, tidak mengapa, itu hak mereka. Jikalau mereka hendak undi Pakatan Harapan, mereka undi Pakatan Harapan.

Kalau Barisan Nasional, mereka undi Barisan Nasional. Akan tetapi yang penting ialah supaya mereka tidak membazirkan undi itu macam mana- saya percaya kita semua bersetuju, ramai yang kita jumpa anak-anak muda ini yang buat keputusan kerana ikut kawan-kawan. Akan tetapi sebenarnya, realitinya mereka sudah nampak pada hari ini betapa pentingnya satu undi itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada dengar ini soal *educating*-kan, apabila kita kata kita hendak *educate*. Saya dengar Ahli-ahli Yang Berhormat- walaupun saya ada mesyuarat tadi, saya dengar melalui- hari ini kita punya persidangan *live telecast*. Ia keluar daripada Dewan ini. Bukan hanya boleh disaksikan oleh kita di dalam Dewan atau di sekitar kawasan Parlimen tetapi boleh diikuti secara langsung *on the real time* di seluruh dunia.

Jadi, saya tengok tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat dia mencadangkan supaya hendak *educate* pengundi ini mencadangkan masukkan 1MDB dalam subjek mata pelajaran. Saya sedang mempengerusikan mesyuarat, saya jenuh hendak fikir apa *relate*-nya 1MDB dengan mengundi ini. Jadi saya fikir di Dewan ini, kita sudah bersetuju Dewan ini kita *above all*. Kita mesti cakap benda yang... [Disampuk] Bukan Yang Berhormat Datuk Razali... [Disampuk] Sejarah- sejarah 1MDB.

Kononnya hendak *educate* generasi akan datang supaya mereka tahu sejarah ini. Jadi kalau 1MDB sahaja yang hendak dimasukkan, saya rasa *is quite unfair*. Sebab, 1MDB ini sedang dalam perbicaraan sekarang ini, belum mula pun sebenarnya 1MDB ini.

Saya hendak beritahu sedikit Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini, saya masih ingat sebelum PRU-14 dahulu bila disebut perkataan fasal 1MDB ini, Pakatan Harapan kata kalau kita menang, *everything is on paper*, semua sudah siap untuk membuat pertuduhan di mahkamah, *everything is ready*, sudah siap. Akan tetapi sehingga ke hari ini, 1MDB belum lagi dibicarakan. SRC pula- saya secara peribadi saya terkejutlah SRC ini RM42 juta- yang berbilion ini tidak *charge* lagi. Yang *so called* RM42 juta sedang di-*charge*.

Jadi saya bukan hendak bercakap soal 1MDB di sini. Akan tetapi apabila dibangkitkan soal ini, saya fikir ia tidak *related* kepada pindaan undang-undang ini. Macam Yang Berhormat Datuk Razali sebut itu dalam soalan tambahan, *okay, that is fine*. Akan tetapi apabila hendak dibawa dalam soal pindaan ini, saya fikir *I was called to stand up*, saya mesti bangun untuk pertahankan sebab tidak ada asasnya.

Saya juga boleh ambil peluang dalam rang undang-undang ini untuk masukkan sejarah-sejarah baharu yang kita sudah tengok sekarang ini ada banyak sejarah baharu sekarang ini. Sejarah yang tidak pernah berlaku di dunia lain, sedang berlaku dalam negara kita sekarang. Ada satu kes yang sudah 20 lebih orang saksi sudah dipanggil, ada *prima facienya*, tidak pernah terjadi dalam sejarah negara ini ahli-ahli politik yang sudah dalam perbicaraan kes itu ditarik balik oleh AG. Belum pernah terjadi dalam sejarah negara ini.

Kes yang sama berlaku kepada sahabat kita bekas seorang mantan Menteri Besar, lebih kurang sama kesnya. Waktu zaman Barisan Nasional ke penjara kawan itu. Zaman kita, zaman Barisan Nasional ke penjara. Akan tetapi apabila kerajaan ini bertukar, sudah *ongoing, case on trial, witness* sudah hadir ke mahkamah, 20 orang lebih sudah bagi keterangan, AG tarik balik. Itu juga mesti masuk dalam sejarah baharu supaya rakyat dan anak muda akan datang pun tahu ada benda yang pelik berlaku dalam negara ini. *There were times*, ada satu masa dahulu, "*Eh! Ada kes macam ini berlakulah*".

Ada lagi satu kes berlaku, belum pernah berlaku. *Lawyer* ramai dalam Dewan ini... [Disampuk] Ini fasal ada sebut tadi, saya *counter* balik... [Disampuk] Kakanda, tadi saya dengar pun tidak tahan telinga.

Ini sekarang tahanlah saya bahas sekejap [*Ketawa*]

Jadi tadi saya dengar- hendak masuk celah, saya bagi. Tidak ada masalah, boleh saya bagi laluan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu kes lagi belum pernah terjadi juga, ini mesti masuk juga dalam mata pelajaran sejarah ini. Belum pernah berlaku kes dituduh merogol boleh lepas dengan jaminan polis. Belum pernah berlaku. Dalam sejarah negara ini, *never has happen before*. Kes rogol, mana boleh orang yang dituduh merogol boleh dapat jaminan polis? *On the same very day*, dengan izin. Belum pernah jadi. Ini ada *precedent case*, tahu? Selepas ini kalau orang lain kena, *depa* kata ada satu *precedent case*. Ini pun mesti masuk dalam sejarah negara... [*Disampuk*] Boleh ya, kanda? Terima kasih.

Jadi ini yang saya kata, apabila kita hendak bincang di Dewan ini, kita pastikan kita fokus kepada apa yang kita cakap. Di hujungnyanya saya pun rasa agak sedikit terpanggil apabila rang undang-undang ini dibawa cerita soal *The Star* semalam dalam surat khabar... [*Menunjukkan senaskhah akhbar*] Lambang UMNO dengan PAS oleh Yang Berhormat tersebut. Apa kena mengena lambang UMNO dengan PAS ini?... [*Disampuk*] Lawakan? Betul, Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat. Sampai dia punya '*krekot-krekot*' ini dibahas dalam rang undang-undang ini. Hati-hati ya, orang-orang yang sedang mencucuk ini sedang menjalar sekarang ini. Mereka hendak pastikan supaya dua ini tidak dapat berlakunya penyatuan, sebab itulah kerisauan mereka dalam negara ini.

Jadi saya fikir yang ini, *educating politic* yang baik ini mesti kita bagi kepada anak-anak kita supaya apabila nanti mereka sudah sampai- kita akan ada 22.7 juta orang pengundi. Betul, Yang Berhormat, banyak 22.7 *million voters* pada tahun 2023 nanti yang akan memilih kerajaan yang akan mereka berikan mandat untuk menjadi kerajaan.

Jadi oleh sebab itulah, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada- pastinya kita bersetuju yang itu *goes without saying*. Di Dewan pada hari ini pun, 100 peratus saya yakin kita akan menyokong rang undang-undang ini kerana rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang kita cipta bersama, kerajaan dan juga pembangkang. *So, nobody claims the credit*. Kedua-dua pihak kena *claims credit* kerana dia tidak boleh jadi lelaki kahwin lelaki, tidak boleh. Dia mesti lelaki dengan perempuan [*Ketawa*] Tuan-tuan gelak kenapa apabila disebut lelaki dengan lelaki ini? *Norms*-nya memang lelaki kahwin perempuan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Hendak balik awal, malam Jumaat. Hendak balik awal, malam Jumaat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Jadi, apabila lelaki dan perempuan sudah bersetuju ke atas jinjang pelamin- maknanya atas persetujuan kedua-dua pihak, kami yang pembangkang ini lelaki, yang kerajaan ini perempuan- maka kita setuju untuk berkahwin. Hari ini kita kahwin, kita cipta satu sejarah supaya sejarah ini akan diingati oleh generasi yang akan datang supaya nanti pada PRU 15, saya hendak mengulangi, apabila kita kembali Barisan Nasional sebagai kerajaan, Pakatan Harapan sebagai pembangkang, ikutilah contoh yang baik oleh pembangkang pada hari ini, mudah-mudahan.

Jadi dengan itu, saya...

**Tuan Nga Hock Cheh:** Minta laluan.

**Datuk Razali bin Idris:** PAS hendak dekat mana? Barisan Nasional yang memerintah, PAS hendak letak dekat mana?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tidak. BN dan PAS.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, bagaimana Yang Berhormat tahu pembangkang lelaki dan kerajaan perempuan? [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

■ 1730

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Saya tadi, ucapan saya- tiga suku ucapan saya, tujuh kepada Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. Bukan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali, tetapi Yang Berhormat Senator Tuan Nga. Akan tetapi di hujungnyanya saya ingat dia hendak celah tanya bab apa yang saya hendak cakap. Rupa-rupanya dia tanya lelaki- apa yang membezakan- sebab saya kata suara saya ini kuat, *purely* lelaki. Apa yang saya berhujah tadi dengan Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Senator lembut tetapi tetap lelaki. Tiada masalah.

Oleh sebab itu, jangan- ini tidak boleh mengelirukan Dewan, sama-sama. Cuma andaiannya begitu. *There cannot be male and male*. Kahwin tidak jadi. Jadi akhirnya, *inshaa Allah*, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris membetulkan balik, BN dan PAS akan *in syaa Allah* akan kembali memerintah dalam PRU Ke-15. Terima kasih.

Dengan itu saya menyokong dan ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kabinet yang telah berjaya membawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019. Sekian. *Wabillaahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Wa'alaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Oмарdin. Saya rasa sudah cukup tiga orang. Akan tetapi rasa terkilan pula kalau saya tidak beri- akhirnya, ada permintaan baharu ini kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Ringkaskan.

### 5.31 ptg.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

Rang undang-undang ini melibatkan dua perkara iaitu menurun kelayakan umur mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun. Kedua, pendaftaran secara automatik pengundi apabila seseorang itu mencapai 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah suatu langkah yang baik yang dijalankan oleh kerajaan iaitu yang menunjukkan sebagai sebuah negara demokrasi ia memberi peluang kepada lebih ramai orang menjadi pengundi untuk memilih kerajaan. Akan tetapi soal pokok yang kita harus meneliti ialah berkenaan dengan kematangan fikiran golongan muda ini yang berusia 18 tahun. Golongan ini terdiri dari mereka yang masih di alam pendidikan iaitu mungkin di universiti, di kolej ataupun mereka yang baharu keluar dari selepas SPM.

Adakah kita dapat menerima bahawa mereka ini matang untuk membuat keputusan untuk memilih pentadbiran negara dan juga akan menentukan hala tuju kerajaan? Kalau kita lihat, golongan muda ini mungkin kita harus ambil kira mereka di bandar, *urban* dan juga yang di luar bandar. Mereka mungkin selepas habis tempoh di sekolah ataupun di kolej dan di universiti mungkin mereka mempunyai pengetahuan am yang secukup mengenai urus tadbir negara dan juga macam mana kerajaan di pilih dan sebagainya.

Akan tetapi adakah mereka terdedah kepada *current affairs*, kepada isu-isu semasa? Contohnya, macam polisi-polisi kerajaan dan juga manifesto yang diutarakan oleh parti-parti politik. Apakah kefahaman mereka mengenai perjalanan politik dan juga pentadbiran negara? Mereka terdiri dari golongan yang mudah terpengaruh macam kita lihat.

Selalunya kita tengok contoh-contoh apabila mereka menyertai perhimpunan, baik kata demonstrasi kah ataupun mana-mana seperti mana kita lihat sebelum PRU yang tahun lepas itu. Ada yang mereka terikut-ikut sahaja tanpa mengetahui, tanpa memahami apa yang mereka sokong. Bila ditanya, kenapa *you* datang sini? Bila ditanya, sebab kawan suruh ikut. Jadi, ini adalah satu contoh untuk menunjukkan bahawa mereka ini walaupun tidak faham tetapi terikut-terikut sahaja.

Jadi, kita harus memberi perhatian bagaimana kita hendak menjamin supaya mereka dapat- boleh kita menyediakan mereka supaya dapat membuat satu keputusan yang baik apabila mereka pergi ke peti undi pada PRU nanti.

Antara perkara-perkara yang boleh dilakukan adalah mungkin adakan forum yang lebih masa di bangku sekolah ataupun apabila mereka keluar dari sekolah dan juga melalui media-media, bukan sahaja media sosial tetapi media arus perdana juga. Supaya mereka boleh terdedah dan mereka boleh diberi peluang untuk membincang hal ehwal semasa berkenaan dengan rakyat, apakah keperluan-keperluan rakyat di seluruh negara. Walaupun jarak di antara 18 tahun hingga 21 tahun yang sedia ada sekarang ini amat singkat. Akan tetapi tiga tahun ini amat penting bagi mereka menimba lebih banyak pengetahuan mengenai tanggungjawab mereka yang terletak pada kertas undi itu apabila mereka undi kerajaan di PRU. Jadi, itu satu aspek.

Kedua ialah pendaftaran secara automatik. Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun yang lepas ini terdapat beberapa penambahan baik yang telah dilakukan untuk membolehkan lebih ramai Orang Kurang Upaya menjalankan hak asasi mereka sebagai rakyat untuk mengundi bagi memilih kerajaan. Banyak pengubahsuaian telah dibuat untuk membolehkan mereka membuat demikian.

Namun demikian, ada segelintir OKU yang mungkin kerana keadaan *sensory* dan fizikal mereka, mereka tidak layak mengundi. Sekiranya kita ada pendaftaran automatik, bagaimanakah kita akan mengenal pasti siapa yang harus di keluarkan dari daftar pengundi?

Jadi, kerajaan harus bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan untuk menentukan ini. Oleh sebab juga dalam perkara yang melibatkan mereka dalam *legal aspect*, di bawah perundangan untuk *sign contract*, mereka yang *down syndrome*, yang ada *mental illness* juga mereka tidak dibenarkan *enter into a contract*, dengan izin.

Jadi, kita harus mengemas kini, harus ada pencelahan untuk mengemas kini daftar automatik itu dan juga kelayakan rakyat yang boleh mengundi. Adakah selepas kita adakan secara automatik ini, selepas seorang mencapai umur 18 tahun, terus nama dia masuk dalam Daftar Pemilih itu? Adakah ini akan termasuk mereka yang menjalani tempoh penjara? Mereka di penjara, *prisoners* dan mereka di tempat-tempat yang macam Sekolah Henry Gurney dan sebagainya.

Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan *prisoners*, mereka di penjara itu mengundi juga? Ada beberapa negara yang membenarkan banduan-banduan untuk mengundi seperti negara Jepun, Kanada, Finland, Sweden dan sebagainya. UK juga dalam proses untuk membenarkan sebahagian dari banduan-banduan ini untuk mengundi. Jadi, ini adalah sesuatu isu yang harus dikaji dan sebelum kita membenarkan dalam proses membenarkan pendaftaran secara automatik.

#### ■1740

Jadi, itu sahaja isu-isu yang saya ingin utarakan. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengumumkan bahawa memandangkan bahawa sesi Dewan Negara yang akan datang adalah pada bulan Disember, jadi ini merupakan kali terakhir saya berucap di Dewan Negara sebab walaupun tempoh saya adalah sehingga pertengahan bulan November, tidak sempat untuk saya ke bulan Disember. Nanti mungkin akan ada orang baharu yang akan dilantik untuk mewakili OKU di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan juga staf di Dewan Negara ini yang telah memberikan banyak kerjasama dan sokongan bagi saya untuk menjalankan tugas saya sebagai seorang Senator. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Bathmavathi Krishnan. Terima kasih di atas sumbangan Yang Berhormat Senator semasa menjadi Ahli Dewan Negara. Jasa mu dikenang dan terima kasih.

Sekarang kita telah habis 24 orang berucap, 24 orang. Bernas, berapi, timbul lelaki dan perempuan. Macam-macam timbul...

**Beberapa Ahli:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Semangat yang bagus. Yang Berhormat Menteri Datuk Liew, membawa dua, tiga orang daripadanya iaitu termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri dia tadi dan termasuk juga Yang Berhormat Menteri Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy. Sekarang kita berikan tepuklah pada dia sebab datang... [Tepuk] Betapa seriusnya dia pandang itu dan dia dengar sendiri peranan lelaki dan perempuan itu.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 5.42 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang diumumkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi iaitu seramai 24 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang telah saya bentangkan pada hari ini.

Saya telah mendengar dengan teliti sesi perbahasan yang berlangsung dan dapat menyimpulkan bahawa secara umumnya, kesemua Ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini menyokong penuh pindaan yang dicadangkan ini. Akan tetapi, telah pun menyuarakan beberapa kebimbangan terhadap pelaksanaan pindaan-pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah maklumkan tadi, golongan belia yang berumur 18 tahun dan ke atas di negara kita ini layak diberikan peluang dan ruang untuk mereka menyuarakan pandangan dan juga idea dalam membangunkan negara melalui penglibatan mereka di dalam pilihan raya sebagai pengundi atau sebagai calon. Mereka kini dilihat lebih matang kerana terdedah kepada maklumat yang luas serta mampu mengimbangi keperluan menuntut ilmu dan juga kesedaran mengenai politik.

Penurunan had umur ini juga akan memastikan kebajikan dan masa hadapan anak muda akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kepada pindaan-pindaan ini memerlukan satu perancangan yang komprehensif, yang mana ia menuntut komitmen daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, parti politik, badan bukan kerajaan atau *non-governmental organization* dan masyarakat sivil.

Justeru, tempoh masa yang sesuai haruslah diberikan untuk kerajaan membuat persediaan yang teratur. Umpamanya, di pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) yang mempunyai keperluan untuk mewujudkan satu sistem yang mampu mengintegrasikan data-data daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, badan kehakiman dan lain-lain agensi yang berkaitan perlu diberikan keutamaan. Manakala, di pihak agensi-agensi kerajaan yang lain, parti politik, NGO dan masyarakat sivil, sumbangan idea-idea mereka diperlukan dalam merangka polisi dan program yang menyokong kepada pindaan ini. Seperti pendidikan demokrasi kepada pengundi dan pindaan-pindaan akta dan peraturan yang bakal menyokong kepada pelaksanaan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik dan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun akan melibatkan penambahan seperti yang kita katakan tadi iaitu seramai 7.8 juta orang pemilih baharu ke dalam daftar pemilih untuk tempoh lima tahun akan datang. Dalam melaksanakan perkara ini, kerajaan tidak boleh bertolak ansur dengan apa-apa kesilapan kepada daftar pemilih kerana ia melibatkan hak setiap warganegara yang layak mengundi sepertimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Adalah menjadi hasrat kerajaan agar Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang dibentangkan ini, difahami dan dihayati dengan mendalam oleh semua pihak berkenaan.

Saya ingin mengingatkan kembali Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bahawa pindaan ini memerlukan sokongan yang padu daripada semua Ahli Dewan yang mulia ini kerana pindaan yang kita lakukan ini akan memberikan kesan yang besar sekali, yang sangat signifikan dan berpanjangan kepada negara dan juga generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengulas beberapa isu yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan tadi- Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat; Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair; dan juga Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; tadi juga Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan yang telah pun mencadangkan supaya pihak SPR memberikan pendedahan dan juga pendidikan kepada golongan muda tentang pilihan raya serta demokrasi agar mereka dapat lebih faham dengan isu-isu negara, isu-isu dunia, isu-isu pilihan raya, sebelum mereka membuat keputusan untuk mengundi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, SPR sentiasa melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah memperkenalkan Program Pendidikan Pengundi sejak tahun 2017 lagi, mendekati warganegara khususnya golongan muda. Program ini bertujuan untuk memberikan kefahaman terhadap proses pilihan raya yang dijalankan di negara kita, di samping menjawab isu-isu yang kerap dibangkitkan semasa pilihan raya. Dengan kesedaran dan juga kefahaman tentang proses demokrasi dan pilihan raya ini maka mereka akan berminat untuk mendaftar sebagai pemilih dan keluar mengundi semasa pilihan raya.

Selain itu, SPR juga telah memperkenalkan program *APR Associate Trainer* atau lebih dikenali dengan nama AAT.

Melalui program tersebut, SPR dapat melatih lebih ramai penceramah dan juga jurulatih yang mampu untuk bersama-sama dengan APR bagi menyampaikan maklumat tentang proses pilihan raya di Malaysia dan memberikan kesedaran untuk mendaftar sebagai pemilih kepada pelajar sekolah, mahasiswa dan juga masyarakat umum di seluruh negara.

Pada tahun 2019, APR telah merancang sebanyak 150 Program Pendidikan Pengundi yang akan memberikan manfaat kepada 45,000 orang pelajar institusi pengajian tinggi dan juga sekolah menengah. APR juga telah menjalinkan kerjasama strategik bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan bagi pelaksanaan program *APR Associate Trainer (AAT)* dan program Sekolah Rukun Negara yang bertujuan untuk menyebarkan luas maklumat tentang pilihan raya dan juga tanggungjawab sebagai seorang warganegara dalam sebuah negara demokrasi.

#### ■1750

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, demi menjayakan hasrat untuk meningkatkan jumlah kumpulan besar khususnya golongan belia, SPR memerlukan bantuan dan juga kerjasama daripada semua pihak bagi meningkatkan lagi jumlah golongan sasaran yang dapat menerima pendidikan demokrasi dan pilihan raya SPR. APR sentiasa berusaha untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan ataupun NGO, parti-parti politik, media dan masyarakat sivil dan ini amatlah diharapkan bagi merealisasikan hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong juga mencadangkan agar umur kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Negara yang masih dikekalkan kepada 30 tahun diturunkan kepada 21 tahun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan hanya tertumpu pada had umur mengundi, had umur menjadi calon dan juga pendaftaran pemilih secara automatik. Sekiranya had umur kelayakan menjadi Ahli Dewan Negara ingin diturunkan kepada umur 21 tahun, maka pindaan kepada Perkara 47(a), Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibuat terlebih dahulu.

Buat masa ini, kerajaan berpandangan bahawa ia perlu dikekalkan selaras dengan peruntukan Perkara 45(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kriteria pelantikan dan juga kelayakan Ahli Dewan Negara oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana mereka dilantik daripada kalangan mereka yang pada pendapat baginda telah pun memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau unggul dalam profesion berkaitan perkara komersial, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan, perkhidmatan sosial atau mewakili minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan Orang Asli. Justeru, kerajaan masih belum bercadang untuk menurunkan had umur untuk kelayakan menjadi Ahli Dewan Negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin mencadangkan supaya SPR memastikan daftar pemilih yang digunakan untuk pelaksanaan pendaftaran automatik adalah tepat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses kemas kini daftar pemilih sedia ada dibuat secara berterusan oleh SPR bagi memastikan ia adalah sentiasa tepat dan terkini. Bagi memastikan proses ini dilaksanakan secara berterusan, SPR sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang merupakan pemilik data utama warganegara Malaysia.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop membangkitkan mengenai prosedur pendaftaran pemilih secara automatik. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik masih mengekalkan prosedur pendaftaran sedia ada termasuklah pameran, proses bantahan, tuntutan, siasatan awam dan pewartaan sebelum diperakukan sebagai pemilih bagi membolehkan mereka mengundi dalam pilihan raya.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin juga mencadangkan integrasi data antara pelbagai agensi untuk menjayakan pelaksanaan pendaftaran pemilih automatik. Bagi pelaksanaan pendaftaran automatik ini, SPR akan membangunkan sistem yang akan berintegrasi dengan data JPN, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Badan Kehakiman serta agensi-agensi yang berkaitan. Prosedur pertukaran alamat bagi pemilih berdaftar yang berhasrat untuk membuat pertukaran bahagian pilihan raya kekal seperti mana diperuntukkan dalam Peraturan 12, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Justeru, cadangan mempercepatkan proses pertukaran alamat memerlukan pindaan peraturan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind dan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop juga membangkitkan mengenai empat juta warganegara yang masih belum mendaftar sebagai pemilih. Dengan terlaksananya pendaftaran pemilih secara automatik ini, maka empat juta warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun ke atas serta tidak hilang kelayakan sebagai pemilih akan didaftarkan secara automatik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan masih berpegang kepada dasar-dasar sedia ada mengenai prosedur pengeluaran dokumen pengenalan diri di negeri Sabah selaras dengan Akta Pendaftaran Negara 1956 [Akta 78]. Pihak JPN telah dan juga sedang melaksanakan dasar dan pendekatan bagi mengatasi masalah yang sering berbangkit di negeri Sabah yang secara tidak langsung berkait dengan isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin mencadangkan supaya kerajaan melakukan proses pembersihan daftar pemilih di Sabah dengan mewujudkan unit khas di Jabatan Pendaftaran Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JPN telah dan juga sedang melaksanakan dasar dan juga pendekatan bagi mengatasi masalah-masalah yang sering berbangkit di negeri Sabah yang secara tidak langsung berkait juga dengan isu yang saya katakan tadi dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat memohon pengesahan daripada kerajaan supaya empat juta rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun dan layak mengundi tetapi belum didaftar sebagai pengundi akan terdFTAR secara automatik selepas cadangan pindaan ini dapat kelulusan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pendaftaran pemilih secara automatik ini adalah meliputi empat juta warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas yang akan didaftarkan secara automatik dan akan memberi keutamaan oleh SPR dalam pelaksanaan pendaftaran pemilih ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat juga ingin mendapatkan kepastian sama ada kerajaan bercadang supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dihapuskan untuk membenarkan anak muda kita mengambil bahagian dalam arena politik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan cadangan agar AUKU dihapuskan, kajian terhadap akta ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan penyelarasan dasar perlu dilaksanakan antara agensi-agensi terlibat sebelum apa-apa keputusan muktamad berkaitan pemansuhan undang-undang ini dibuat.

Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh juga mencadangkan untuk diadakan pilihan raya kerajaan tempatan dan cadangkan supaya pemilihan ketua murid melalui proses pilihan raya. Berhubung dengan cadangan ini, kajian lanjut mengenai implikasi pelaksanaan kedua-dua cadangan ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu dan bagi pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan, pindaan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1971 perlu dibuat terlebih dahulu sebelum ianya boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan cadangan 1/3 Kerusi di Dewan Rakyat diperuntukkan kepada negeri Sabah dan juga negeri Sarawak sebagaimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin; Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; dan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Bagi tujuan tersebut, saya ingin memaklumkan bahawa penetapan komposisi bilangan kerusi dalam Parlimen adalah di bawah bidang kuasa Parlimen melalui pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Rakyat.

#### ■1800

Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad juga membangkitkan mengenai ketidakseimbangan bahagian pilihan raya ataupun *malapportionment*, *gerrymandering* dan persempadanan berasaskan kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan yang dilaksanakan oleh SPR adalah berlandaskan kepada tatacara dan prinsip-prinsip persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan, keseimbangan pemilih antara bahagian-bahagian pilihan raya bukannya satu-satunya faktor yang dipertimbangkan oleh SPR dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahkan banyak lagi faktor yang turut dipertimbangkan iaitu:

- (i) kepada penduduk dan juga pertumbuhan pemilih;
- (ii) keadaan geografi muka bumi dan juga keluasan bahagian pilihan raya;
- (iii) ruang pembangunan dan juga kemudahan infrastruktur yang sedia ada;
- (iv) bilangan perwakilan wakil rakyat yang ada;
- (v) akses kepada rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan daripada wakil rakyat yang dilantik;
- (vi) kemudahan pentadbiran bagi tujuan pendaftaran dan juga perjalanan pilihan raya; dan
- (vii) pemeliharaan hubungan tempatan.

Perlembagaan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, turut memberikan kelonggaran berhubung isu ketidakseimbangan dengan mengambil kira faktor geografi dan kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan luar bandar dan pedalaman. Dalam hal ini, perwujudan bahagian-bahagian pilihan raya adalah tidak tergantung sepenuhnya kepada jumlah pemilih tetapi masalah dan kesukaran pemilih di kawasan luar bandar juga dititikberatkan dan diberi perhatian.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pembahagian pemilih pendaftar yang hampir sama banyak bagi setiap bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri di dalam negeri Sabah dan juga negeri Sarawak adalah sukar untuk dilaksanakan kerana terdapatnya kawasan-kawasan luar bandar yang keadaan topografi dan demografinya yang sangat berbeza antara satu sama lain. Secara tidak langsung, wujud kekangan-kekangan dari segi lokasi yang terpencil, jarak antara lokasi-lokasi di kawasan pedalaman yang amat jauh serta jalan-jalan perhubungan, pengangkutan dan juga komunikasi yang terhad.

Secara lazimnya, kawasan luar bandar mempunyai bilangan penduduk yang sedikit dan meliputi kawasan yang sangat luas manakala kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dengan konsentrasi yang tinggi dan merangkumi kawasan yang kecil. Sebagai contoh, kawasan P.216 Hulu Rajang yang mencakupi 34,080 kilometer persegi adalah menyamai keluasan negeri Pahang namun hanya mempunyai pemilih seramai 27,704 orang.

Negara-negara maju seperti *United Kingdom*, Kanada dan Australia yang dilihat mementingkan keseimbangan pemilih antara bahagian-bahagian pilihan raya turut memilih pengecualian khususnya kepada bahagian pilihan raya yang luas dan kawasan pulau yang mempunyai bilangan pemilih yang rendah. Ini membuktikan proses persempadanan semula tidak wajar dilihat dalam aspek keseimbangan pemilih sahaja bahkan turut mempertimbangkan kesukaran yang dihadapi oleh pemilih melibatkan faktor keluasan dan juga geografi bagi memastikan mereka mudah mendapatkan perkhidmatan daripada wakil rakyat yang dilantik pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil maklum balas ke atas saranan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin; Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari; Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Datuk Ong Chong Swen; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin; Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid; dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad di mana telah pun mencadangkan supaya dijalankan urusan kajian semula persempadanan yang baharu memandangkan pendaftaran secara automatik akan mengakibatkan ketidakseimbangan pemilih berlaku antara bahagian-bahagian pilihan raya.

Dalam hal ini, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, urusan kajian semula persempadanan bagi negeri-negeri Tanah Melayu telah selesai dijalankan pada tahun 2018 manakala bagi negeri Sarawak dan Sabah pula adalah pada tahun 2015 dan 2017 masing-masing.

Seperti Ahli-ahli Dewan Negara sedia maklum, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan hanya boleh dimulakan dengan dua cara iaitu, pertama, adalah apabila berlaku pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Manakala kaedah yang kedua pula adalah tamatlah tempoh sekurang-kurangnya lapan tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya.



Jadi dalam hal ini, lat tempoh lapan tahun bagi kajian semula persempadanan negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, negeri Sabah pada tahun 2025, manakala negeri-negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026. Oleh yang demikian, sekiranya kajian semula persempadanan hendak dilaksanakan, kerajaan perlu meminda peruntukan Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan lat tempoh minimum suatu kajian semula persempadanan atau meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh juga mencadangkan supaya kerajaan memberi akses media yang adil kepada calon...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta penjelasan sedikit tentang persempadanan semula sebab Terengganu persempadanan yang terakhir pada tahun 1993, bermakna sudah 23 tahun di Terengganu. Tahun 1993. Sekarang tahun 2019. Sudah 26 tahun. Jadi, saya rasa ini perlu diambil kira kerana jumlah pengundi dengan pertambahan pengundi 18 tahun, saya rasa peningkatan itu 50 peratus lebih. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri ambil perhatian fasal isu ini. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa Terengganu adalah termasuk dalam sebuah negeri di negeri-negeri Tanah Melayu. Jadi, dia tidak boleh dasingkan daripada komposisi Tanah-tanah Melayu ini. Memandangkan negeri Tanah Melayu ini telah pun mengadakan kajian semula persempadanan pada tahun 2018, maka tahun yang terakhir adalah pada tahun 2026. Ia tidak terkira daripada masa Terengganu diadakan kajian itu pada tahun 1993 kerana ia termasuk dalam komposisi negeri-negeri Tanah Melayu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator supaya kerajaan memberikan akses media yang adil kepada semua calon dan juga parti politik yang bertanding bagi menyatakan hasrat-hasrat mereka sedang diteliti oleh Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) dan Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum ianya boleh dilaksanakan.

#### ■1810

Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili juga meminta supaya kerajaan mengkaji untuk melantik ahli SPR di kalangan perwakilan dari negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan melantik Yang Berbahagia Dr. Mohd Faisal Syam bin Abdol Hazis sebagai ahli SPR daripada negeri Sarawak. Beliau telah dilantik pada 14 Februari tahun ini dan mula berkhidmat pada 26 Februari tahun ini juga. Ini menunjukkan komposisi SPR mengambil kira penyertaan daripada negeri Sarawak. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya perwakilan dalam Dewan Rakyat mengikut kumpulan etnik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan pemilihan mengikut kaum ataupun etnik. Sesiapa sahaja yang berkelayakan boleh bertanding dalam pilihan raya dan akan mewakili bahagian pilihan raya yang dimenangi. Untuk menentukan calon-calon seperti Yang Berhormat sedia maklum ialah keputusan daripada pucuk pimpinan ke atas parti-parti politik yang mereka mewakili.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai *e-voting* yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain telah pun membangkitkan isu mengenai isu *e-voting*, adakah ia akan diperkenalkan di negara kita? SPR sedang mengadakan libat urus ataupun *engagement* dengan semua pihak yang berkepentingan seperti badan bukan kerajaan tempatan dan juga antarabangsa bagi meneliti kesesuaian terhadap kaedah pengundian secara elektronik ataupun e-undi.

Penggunaan kaedah ini juga melibatkan implikasi kewangan dan tahap penerimaan yang berbeza oleh *stakeholders* yang terlibat. SPR juga sedang meneliti dan mengkaji kebaikan serta kesesuaian penggunaan kaedah tersebut dan akan mencadangkan kepada kerajaan jika didapati sesuai untuk dilaksanakan pada pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Professor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah juga bertanya perkara mengenai *compulsory voting*.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada setakat ini belum lagi bercadang untuk mewajibkan mengundi, keluar mengundi ataupun dikenali sebagai *compulsory voting*.

Walau bagaimanapun, cadangan ini memerlukan kajian lanjut berhubung undang-undang dan juga prosedur pelaksanaan sebelum ia boleh di pertimbangkan. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh juga bertanya mengenai isu hilang kelayakan sebagai pemilih seperti yang sedang menjalani hukuman penjara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan pendaftar pemilih secara automatiknya akan mendaftarkan semua warganegara yang telah memenuhi syarat kelayakan sebagai pemilih dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih. Sistem warganegara yang- silakan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator mengenai isu hilang kelayakan kepada mereka yang sedang menjalankan hukuman penjara iaitu banduan ini. Jadi, seperti yang kita sedia maklum bahawa pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik akan mendaftarkan mereka yang telah memenuhi syarat kelayakan sebagai pemilih dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih. Sistem negara yang kita ada ini, warganegara yang sedang menjalani hukuman penjara tidak layak untuk didaftarkan secara automatik. Sekiranya banduan-banduan telah didaftarkan sebelum menjalani hukuman, maka beliau adalah layak untuk mengundi.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan juga telah pun bertanya mengenai sama ada SPR akan membenarkan banduan tahanan di Henry Gurney untuk mengundi?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, SPR akan mengkaji keperluan untuk menyediakan kemudahan kepada mereka yang layak untuk mengundi dan ini termasuklah kepada banduan yang masih dalam tahanan. Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan mengenai isu kematangan golongan 18 tahun dan juga apakah kefahaman belia mengenai politik dan juga pentadbiran negara? Saya telah pun menjawab isu ini, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti yang saya katakan tadi, pihak SPR sentiasa berusaha untuk meningkat kefahaman demokrasi kepada belia-belia melalui program-program pendidikan yang sedia ada. Selain itu juga, berbagai-bagai inisiatif yang akan diadakan dengan semua pihak yang berkenaan untuk memastikan bahawa belia kita akan diberi pengetahuan dan juga pendidikan yang wajar supaya mereka dapat memahami sistem demokrasi di negara ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja lah saya dapat menjelaskan isu-isu yang telah pun dibangkitkan ataupun dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara ini. Jadi, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan juga membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan rang undang-undang pindaan ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang akan tamat tempohnya pada bulan Oktober, November ataupun Disember.

Di sini, bagi pihak kerajaan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada perkhidmatan yang telah pun diberi kepada Dewan Negara, kepada negara. Jadi, dengan itu saya berilah pantun sebelum saya tamatkan perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua...

*Dewan Negara lambang demokrasi;  
Senatonya hebat tidak terperi;  
Dipohon undi Senator yang dikasahi;  
Untuk pindaan umur layak mengundi... [Ketawa] [Tepuk]*

*Umur mengundi kini diubah;  
Untuk belia menabur bakti;  
Debat sudah, bahas pun sudah;  
Sokongan undi Senator kini dinanti.*

Terima kasih... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Dewan ini. Maka, saya memerintahkan supaya satu belah bahagi diadakan sekarang. Dua pertiga undi ertinya, 45 undi perlu diperolehi.

Setiasaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

■1820

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah selesai undian dibuat dan dikira, sekarang saya kemukakan keputusan undian.

Ahli yang menyokong seramai 47 orang... [Tepuk]

Ahli Yang Berhormat yang tidak menyokong- ini tidak ada seorang pun....  
[Tepuk]

Ahli yang tidak mengundi 20 orang, iaitu Yang Berhormat yang tidak hadir.

**UNDI BERSETUJU (MENYOKONG)**

1. Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
2. Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy
3. Dato' Sri Khairudin Samad
4. Datuk Ng Chiang Chin
5. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin
6. Tuan Liew Chin Tong
7. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah
8. Dato' Haji Marzuki bin Yahya
9. Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin
10. Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin
11. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
12. Tuan Aknan A/L Ehtook
13. Puan Sopiah binti Sharif
14. Datuk Paul Igai
15. Datuk Razali bin Idris
16. Dato' Ong Chong Swen
17. Datuk Rabiyah binti Ali
18. Datuk John Ambrose
19. Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili
20. Datuk Haji Husam bin Musa

21. Tuan Adrian Banie Lasimbang
22. Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
23. Ir. Md. Nasir bin Hashim
24. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
25. Tuan Alan Ling Sie Kiong
26. Tuan Manolan bin Mohamad
27. Datuk Theodore Douglas Lind
28. Puan Bathmavathi Krishnan
29. Puan Lim Hui Ying
30. Datuk Haji Abidullah bin Salleh
31. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
32. Puan Siti Fatimah binti Yahaya
33. Datuk Lee Tian Sing
34. Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
35. Tuan Nga Hock Cheh
36. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
37. Datuk Lim Pay Hen
38. Puan Asmak binti Husin
39. Tuan Ismail bin Yusop
40. Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
41. Tuan Kamarudin bin Abdun
42. Dr. Yaakob bin Sapari
43. Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair
44. Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh
45. Puan Hajah Sabani binti Mat
46. Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh
47. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah

**TIDAK MENGUNDI (TIDAK HADIR)**

1. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
2. Dato' Chai Kim Sen
3. Datuk Donald Peter Mojuntin
4. Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat
5. Dato' Haji Husain bin Awang
6. Dato' Isa bin Ab. Hamid
7. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
8. Tuan Khairul Azwan bin Harun
9. Datuk Mohan A/L Thangarasu
10. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff
11. Dr. Nuing Jeluing
12. Puan Hajah Rahemah binti Idris
13. Datin Rahimah binti Haji Mahamad
14. Puan Raj Munni binti Sabu

15. Datuk Sambanthan A/L Manickam
16. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
17. Dato' Sri Ti Lian Ker
18. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
19. Datuk Ir. Yong Wui Chung
20. Dato' Zahari bin Sarip

Oleh kerana lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak termasuk undi Tuan Yang di-Pertua ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sepatutnya...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Penentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menentu. Saya hendak panggil dua orang keluar tetapi tidak apalah [*Ketawa*]

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini juga memerlukan sokongan pada Bacaan Kali Yang Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Dewan ini. Maka saya memerintahkan supaya satu belah bahagi diadakan sekarang, dua pertiga ertinya 45 undi perlu diperolehi.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

■1830

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah selesai undian dibuat dan dikira, sekarang saya kemukakan keputusan undian.

Ahli-ahli yang menyokong seramai 47 orang... [*Tepuk*]

Ahli-ahli yang tidak mengundi seramai 20 orang... [*Tepuk*]

**BERSETUJU (MENYOKONG)**

1. Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
2. Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy
3. Dato' Sri Khairudin Samad
4. Datuk Ng Chiang Chin
5. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin
6. Tuan Liew Chin Tong
7. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah
8. Dato' Haji Marzuki bin Yahya
9. Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin
10. Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin
11. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
12. Tuan Aknan A/L Ehtook
13. Puan Sopiah binti Sharif
14. Datuk Paul Igai
15. Datuk Razali bin Idris
16. Dato' Ong Chong Swen
17. Datuk Rabiyah binti Ali
18. Datuk John Ambrose
19. Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili
20. Datuk Haji Husam bin Musa
21. Tuan Adrian Banie Lasimbang
22. Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
23. Ir. Md. Nasir bin Hashim
24. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
25. Tuan Alan Ling Sie Kiong
26. Tuan Manolan bin Mohamad
27. Datuk Theodore Douglas Lind
28. Puan Bathmavathi Krishnan
29. Puan Lim Hui Ying
30. Datuk Haji Abidullah bin Salleh
31. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
32. Puan Siti Fatimah binti Yahaya
33. Datuk Lee Tian Sing
34. Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
35. Tuan Nga Hock Cheh
36. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
37. Datuk Lim Pay Hen
38. Puan Asmak binti Husin
39. Tuan Ismail bin Yusop
40. Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
41. Tuan Kamarudin bin Abdun

42. Dr. Yaakob bin Sapari
43. Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair
44. Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh
45. Puan Hajah Sabani binti Mat
46. Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh
47. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah

**TIDAK MENGUNDI (TIDAK HADIR)**

1. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
2. Dato' Chai Kim Sen
3. Datuk Donald Peter Mojuntin
4. Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat
5. Dato' Haji Husain bin Awang
6. Dato' Isa bin Ab. Hamid
7. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
8. Tuan Khairul Azwan bin Harun
9. Datuk Mohan A/L Thangarasu
10. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff
11. Dr. Nuing Jeluing
12. Puan Hajah Rahemah binti Idris
13. Datin Rahimah binti Haji Mahamad
14. Puan Raj Munni binti Sabu
15. Datuk Sambanthan A/L Manickam
16. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
17. Dato' Sri Ti Lian Ker
18. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
19. Datuk Ir. Yong Wui Chung
20. Dato' Zahari bin Sarip

Oleh itu, lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Rang undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga seluruh warga Dewan Negara... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 29 Julai 2019.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.36 petang]***